

**PEMBIAYAAN NAFKAH IBU BAPA  
OLEH WANITA BERKERJAYA  
DARI PERSPEKTIF ISLAM**

**NAJWA BINTI FUDIL**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2018**

**PEMBIAYAAN NAFKAH IBU BAPA  
OLEH WANITA BERKERJAYA  
DARI PERSPEKTIF ISLAM**

**NAJWA BINTI FUDIL**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2018**

**PEMBIAYAAN NAFKAH IBU BAPA  
OLEH WANITA BERKERJAYA  
DARI PERSPEKTIF ISLAM**

**NAJWA BINTI FUDIL**

**DISERTASI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI  
SEBAHAGIAN KEPERLUAN BAGI  
IJAZAH SARJANA SYARIAH**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2018**

## **PEMBIAYAAN NAFKAH IBU BAPA OLEH WANITA BERKERJAYA DARI PERSPEKTIF ISLAM**

### **ABSTRAK**

Menjadi trend masa kini, tanggungjawab menjaga dan membiayai nafkah ibu bapa sering digalas oleh anak perempuan, khususnya anak perempuan yang berkerjaya. Oleh itu, kajian ini dibuat bagi mengenal pasti tanggungjawab wanita di dalam keluarga serta menganalisis hukum wanita menyara ibu bapa. Wanita dalam masyarakat Melayu tradisional bertanggungjawab dalam lingkungan keluarga dan rumah tangga sahaja. Wanita masa kini turut mempunyai tanggungjawab sosial terhadap masyarakat, negara, serta agama, akan tetapi tanggungjawab sebagai seorang anak tetap tidak boleh diabaikan dan perlu menyempurnakan hak-hak ibu bapa. Selain itu, kajian lapangan telah dijalankan bagi melihat realiti tanggungjawab yang digalas oleh anak perempuan. Kajian ini menganalisis faktor-faktor wanita berkerjaya menyara ibu bapa. Untuk mencapai objektif tersebut, seramai 20 orang responden wanita berkerjaya berumur diantara 27 tahun hingga 40 tahun ditemu bual bagi mengenal pasti faktor-faktor wanita berkerjaya menyara ibu bapa. Hasil kajian mendapati, majoriti responden menggalas tanggungjawab membiayai nafkah ibu bapa disebabkan mereka mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh serta mempunyai lebih pendapatan. Terdapat juga faktor beberapa orang responden yang tidak mempunyai saudara lelaki di dalam keluarga. Selain itu, terdapat segelintir responden menyatakan saudara lelaki kurang bertanggungjawab terhadap ibu bapa atas alasan tidak mampu dan lebih menjaga hati isteri masing-masing, sehingga mengabaikan tanggungjawab memberi nafkah yang sepatutnya dijalankan oleh anak lelaki terhadap ibu bapa diabaikan. Justeru itu, program-program kesedaran tentang tanggungjawab setiap anak terhadap ibu bapa yang lebih inklusif diperlukan bagi memastikan ibu bapa mendapat kehidupan yang terjamin

bertepatan dengan objektif syariah iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta.

University of Malaya

# PEMBIAYAAN NAFKAH IBU BAPA OLEH WANITA BERKERJAYA DARI PERSPEKTIF ISLAM

## ABSTRACT

It has become a common trend nowadays where the burdens of financially supporting and taking care of parents are shouldered mainly by their daughters, especially those who have job and incomes. This research thus aims to identify the women's responsibilities in the family and to analyse the Islamic perspective of the women's financial support of their parents. In Malay community tradition, women are responsible to cater family-related matters only. In modern era, this responsibility transcends far beyond to cover social responsibilities towards the community, religion and country. Be that as it may, the responsibility of the children towards their parents remains unchanged. In addition, field work was undertaken to identify the reality of responsibilities held by the daughters. This study analyses the factors that contribute working women in supporting their parents. In achieving this, 20 respondents among working women aged between 27 and 40 have been interviewed. This study has discovered that majority of the respondents assume the responsibilities to financially support their parents because of their strong financial positions and extra incomes. There has also been instances among some respondents where this scenario happens because they do not have male sibling in the family. Nonetheless, there are also respondents who raised the concern on the lack of responsibility among their male siblings who prioritise more on supporting their respective wives and families over their parents. Hence, events and programs that can enhance the awareness of children's responsibilities towards their parents should be organised to ensure the parents enjoys their remaining life in accordance with the *maqasid shariah* (objective of shariah) i.e. to protect religion, life, intellect, lineage and property.

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah segala puji bagi Allah SWT, selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW. Setinggi kesyukuran kehadiran Ilahi kerana dengan izin serta limpah kurniaNya penulis dapat menyiapkan disertasi ini.

Jutaan penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada Profesor Madya Dr. Raihanah Azahari selaku penyelia yang tidak jemu memberi teguran, bimbingan, idea, dan nasihat sepanjang kajian ini dijalankan. Semoga Allah SWT mempermudah segala urusan beliau.

Setinggi-tinggi penghargaan juga diucapkan kepada seluruh kakitangan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, khususnya para pensyarah di Jabatan Fiqh dan Usul kerana banyak memberi bantuan dalam menyiapkan kajian ini.

Setulus budi buat suami tercinta Suhimi Ahmad atas segala sokongan, bantuan, dan sumbangan darimu diucapkan jutaan terima kasih. Jutaan terima kasih juga buat bonda tercinta Asaraton Md Isa yang sentiasa mendoakan anakanda dan tidak jemu memberi sokongan serta nasihat. Tidak dilupakan adik-adik tersayang, khususnya ateh Muhamad Nabil atas segala pertolongan sepanjang pengajian penulis, ibu mertua, bapa mertua, ipar-duai, dan seluruh keluarga yang mendoakan. Semoga Allah SWT merahmati, memberkati, dan mempermudah urusan kalian semua.

Akhir kata, ribuan terima kasih buat teman-teman seperjuangan terutamanya Mardhiah Abdullah Rahim dan semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menghasilkan kajian ini.

Sekian, terima kasih.

NAJWA BINTI FUDIL

Jabatan fiqh dan Usul,

Akademi Pengajian Islam,

Universiti Malaya.

## DAFTAR KANDUNGAN

	<b>HALAMAN</b>
Abstrak	i
Abstract	iii
Penghargaan	iv
Daftar Kandungan	v
Panduan Transliterasi	viii
Senarai Jadual	ix
Senarai Singkatan	x
<b>BAB 1</b>	<b>1</b>
1.1 Latar Belakang Masalah Kajian	1
1.2 Persoalan Kajian	5
1.3 Objektif Kajian	5
1.4 Definisi Tajuk	5
1.5 Skop Kajian	6
1.6 Kepentingan Kajian	6
1.7 Sorotan Literatur	7
1.8 Metodologi Kajian	18
1.9 Kesimpulan	21
<b>BAB 2</b>	<b>23</b>
<b>TANGGUNGJAWAB WANITA MENURUT ISLAM</b>	<b>23</b>
2.1 Pendahuluan	23
2.2 Tanggungjawab Wanita Terhadap Keluarga	24
2.2.1 Wanita Sebagai Anak	25
	v



2.2.2 Wanita Sebagai Isteri	32
2.2.3 Wanita Sebagai Ibu	38
2.3 Kesimpulan	46
<b>BAB 3</b>	48
<b>HUKUM WANITA KELUAR BERKERJA</b>	48
3.1 Pendahuluan	48
3.2 Pandangan Fuqaha“ Tentang Wanita Berkerja	51
3.2.1 Dari Sudut Kemasyarakatan Dan Politik	58
3.3 Syarat Wanita Keluar Berkerja	63
3.4 Kesimpulan	67
<b>BAB 4</b>	73
<b>TANGGUNGJAWAB WANITA MEMBIAYAI NAFKAH IBU BAPA</b>	73
4.1 Pendahuluan	73
4.2 Definisi Nafkah	74
4.2.1 Dari Segi Bahasa	74
4.2.2 Dari Segi Syara“	74
4.3 Kewajipan Nafkah Kepada Keluarga	76
4.4 Pandangan Fuqaha“ Mengenai Anak Perempuan Menyara Ibu Bapa	81
4.4.1 Syarat Wajib Nafkah Ke Atas Keluarga	92
4.5 Faktor-Faktor Wanita Menggalas Bebanan Tanggungjawab Menyara Keluarga.	95
4.5.1 Pendahuluan	95
4.5.2 Maklumat Asas Responden	95
4.5.3 Persepsi Wanita Terhadap Pembiayaan Nafkah Ibu Bapa	97

4.5.4 Amalan Pembiayaan Nafkah Terhadap Ibu Bapa	98
4.5.5 Faktor Pembiayaan Nafkah Ibu Bapa Oleh Anak Perempuan.	100
4.6 Kesimpulan	105
<b>BAB 5</b>	107
<b>RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	107
5.1 Rumusan	107
5.2 Cadangan Dan Saranan	111
5.3 Kesimpulan	113
Bibliografi	114

## PANDUAN TRANSLITERASI

Senarai pedoman tersebut adalah seperti berikut:<sup>1</sup>

### 1. Konsonan

Arab	Roman	Arab	Roman
ا، ء، ؤ	a,“	ط	t
ة	B	ظ	z
د	T	ع	”
س	Th	غ	gh
ج	J	ف	f
ن	H	ق	q
كس	Kh	ن	k
د	D	ي	l
ر	Dh		m
س	R	°	n
ص	Z	ا	h
ط	S	ا	w
كس	Sh	°	y
ص	Ş	ح	h,t
ض	D		

### 2. Vokal

Vokal Pendek	Transliterasi	Vokal Panjang	Transliterasi
ا	A	ا، ؤ، °	ā
ي	I	°	ī
و	U	و	ū

### 3. Diftong

Diftong	Transliterasi
ا، و	aw
ا، ي	ay
ا، و، و	aww

<sup>1</sup> Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2013).

## SENARAI JADUAL

		<b>Halaman</b>
Jadual 4.5.2	Demografi Responden	95-96
Jadual 4.5.3	Persepsi Wanita Terhadap Terhadap Pembiayaan Nafkah Ibu Bapa	97

Jadual 4.5.4 (i)	Bentuk-Bentuk Pembiayaan Nafkah	98
Jadual 4.5.4 (ii)	Kadar Pembiayaan Nafkah Ibu Bapa	99

University of Malaya

#### **SENARAI SINGKATAN**

bil.	Bilangan
vol.	Volume
cet.	Cetakan
Dr.	Doktor
ed.	Edisi

et al.	dan rakan-rakan
ibid.	Ibidem
jil.	Jilid
no.	Nombor
UITM	Universiti Teknologi Mara
SWT	Subhānahu wa taʿālā
SAW	Sallā Allāh „alaihi wasallam
r.a	Radī Allāh „anhu
\$	Dollar
RM	Ringgit Malaysia
WB	Wanita berkerjaya

University of Malaya

## **BAB 1**

### **1.1 LATAR BELAKANG MASALAH KAJIAN**

Wanita merupakan makhluk ciptaan Allah SWT yang begitu istimewa juga unik. Pelbagai kelebihan yang Allah SWT anugerahkan kepada wanita di antaranya mampu menahan kesakitan mengandung serta melahirkan seorang manusia. Wanita dikurniakan dengan sifat lemah-lembut, penyayang, keibuan dan hati yang cekal. Hal ini terbukti dengan adanya cerita-cerita sejarah berkaitan wanita seperti sejarah serikandi Sumayyah dan serikandi Hindun. Benarlah kata pepatah, tangan yang menghayun buaian boleh menggoncang dunia.

Wanita berkerja tidaklah menjadi isu baru pada masyarakat serta dunia masa kini, akan tetapi hak-hak serta implikasi daripadanya yang sering menjadi bualan serta pokok perbincangan oleh masyarakat serta para akademik. Sejak Allah menciptakan hambanya yakni manusia sebagai khalifah di muka bumi ini lagi, wanita telah pun berkerja tidak kiralah di dalam mahupun di luar rumah. Wanita zaman sekarang mampu berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan kaum lelaki. Hal ini terbukti apabila wanita mampu membuat pelbagai jenis pekerjaan seiring dengan kaum lelaki.

Di dalam Islam, perkahwinan adalah suatu amalan sunnah yang disyariatkan oleh al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW terkandung hikmah yang besar. Melalui perkahwinan dapat diatur hubungan antara lelaki dan wanita (yang secara fitrahnya saling tertarik antara satu sama lain) melalui saluran yang halal lagi suci untuk memperoleh keturunan, memelihara kehormatan dan membawa kepada ketenangan batin. Firman Allah SWT:

يَتَأْتِيهَا النَّاسُ أُنْثَىٰ رَبِّكُمْ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ

مِنْهَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً ۚ وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي تَسَاءَلُونَ بِهِ وَالْأَرْحَامَ ۚ إِنَّ اللَّهَ كَانَ

عَلَيْكُمْ رَقِيبًا ﴿٤﴾

Al-Nisa“4 : 1

Terjemahan: Hai sekalian manusia. Bertaqwalah kepada Tuhanmu yang telah menciptakan kamu dari diri yang satu (Adam) dan daripadanya Allah menciptakan pasangannya (hawa) dan daripada keduanya pula Allah memeperkembang biakkan laki-laki dan perempuan yang banyak. Bertaqwalah kepada Allah yang dengan (mempergunakan) nama-Nya kamu saling meminta, dan (peliharalah) hubungan kekeluargaan. Sesungguhnya Allah selalu menjaga dan mengawasimu.

Melalui perkahwinan juga Islam telah menetapkan beberapa hak yang perlu saling dipenuhi antara suami dan isteri, ibu dan bapa, serta anak-anak bagi mengekalkan keharmonian rumah tangga dalam kehidupan keluarga muslim. Setiap hak dan tanggungjawab di dalam keluarga telah digariskan dengan lengkap, adil dan saksama agar masing-masing tidak mengabaikan tanggungjawab serta mendapat hak masing-masing.

Sebagaimana yang diketahui umum bahawa perubahan dan peredaran masa telah menyebabkan ramai wanita keluar berkerja bagi memenuhi keperluan hidup. Fitrah asal yang telah ditetapkan oleh Islam bagi suami ialah keluar berkerja mencari rezeki yang halal bagi menyara anak-anak serta isteri. Ia amat bersesuaian dengan ciri-ciri yang terdapat pada lelaki iaitu kuat, gagah, serta merupakan khalifah di dalam rumah tangga. Manakala fitrah asal isteri pula ialah mengandungi, menyusu, mengasuh, dan mendidik anak-anak serta mengurus rumah tangga sesuai dengan hakikat kejadiannya.



Akan tetapi model keluarga yang digariskan seperti di atas amat sukar didapati pada zaman moden ini. Isteri juga turut sama menyertai suami mencari nafkah bagi menampung ekonomi rumah tangga disebabkan peningkatan kadar inflasi dan kenaikan harga barang. Bukan sahaja isteri, bahkan anak-anak zaman kini juga turut serta mencari rezeki bagi menampung perbelanjaan keluarga kerana kos sara hidup yang meningkat. Mereka berkerjasama dengan kaum lelaki dalam pelbagai sektor dan bidang demi untuk meningkatkan lagi ekonomi negara. Kerjaya yang diceburi mampu mengurangkan beban yang ditanggung keluarga dan seterusnya dapat meningkatkan lagi ekonomi keluarga. Tanggungjawab memberi nafkah kepada ibu bapa pada zaman ini bukan sahaja digalas dibahu anak lelaki, bahkan anak perempuan turut sama menggalas beban kewangan dalam keluarga. Hal ini disebabkan beberapa faktor dalaman serta luaran yang menyebabkan wanita yakni anak perempuan menggalas tanggungjawab yang sepatutnya dipikul oleh anak lelaki.

Statistik menunjukkan terdapat peningkatan penyertaan wanita dalam pasaran buruh. Kadar penyertaan tenaga kerja wanita pada tahun 2015 meningkat daripada 46.8% pada tahun 2010 merupakan penyertaan daripada kaum wanita dalam pelbagai sektor pekerjaan termasuklah sektor pengeluaran, pembuatan, pertanian, perkhidmatan, dan sebagainya.<sup>2</sup>

Kesan daripada wanita turut serta berkerja telah menyebabkan nafkah terhadap sesetengah golongan wanita terabai begitu sahaja kerana wanita mempunyai kewangan sendiri serta mampu menyara dirinya menggunakan gaji yang diperoleh. Kadang-kala wanita sebagai anak perempuan pula terpaksa menyara keluarganya yakni memberi kewangan kepada ibu bapa serta adik-adik, sedangkan kebanyakan wanita mempunyai saudara lelaki yang bertanggungjawab memberi nafkah akan tetapi tidak dilakukan.

---

<sup>2</sup> *Mid Term Review of The Ten Malaysia Plan 2011-2015* (Kuala Lumpur : Planning Economic Unit, Jabatan Perdana Menteri, 2015), 351.

Menurut kaunselor kekeluargaan, Hushim Salleh, peranan untuk menjaga ibu dan bapa yang telah tua memang terletak di atas tanggung jawab anak-anak namun yang lebih berat adalah di bawah tanggung jawab anak lelaki. Namun dalam segala hal, anak-anak perempuan yang banyak menanggung keadaan ini termasuk memenuhi kebajikan ibu bapa. Jelas beliau lagi apa yang kita sering lihat dalam masyarakat sekarang adalah ada anak-anak lelaki melepaskan tanggung jawab itu sepenuhnya dan bergantung harap pula dengan adik-beradik perempuan kerana merasakan mereka mempunyai tanggungan kekeluargaan sendiri sehinggakan mereka melupakan tanggung jawab menjaga kebajikan ibu dan bapa yang diserahkan kepada mereka.<sup>3</sup> Terdapat juga sesetengah keluarga yang langsung tidak mempunyai anak lelaki, maka tanggungjawab menyara keluarga tergalas di bahu wanita.

Data menunjukkan bahawa sebanyak 74% mereka yang mengambil peranan sebagai penjaga primer dan mempunyai kerjaya serta tanggungjawab terhadap keluarga adalah wanita. Antara semua jenis penjaga primer dan sekunder, 36% merupakan pasangan suami isteri, 29% merupakan anak perempuan, 8% merupakan anak lelaki, 20% adalah wanita dan 7% adalah saudara-mara lelaki lain. Apabila kajian memfokus kepada penjaga primer, 18% merupakan pasangan lelaki dengan wanita dan 74% merupakan wanita sahaja. Anak lelaki dan saudara-mara lelaki amat kurang memberi penjagaan primer.<sup>4</sup>

Data-data yang didapati menunjukkan wanita mempunyai peranan yang sangat besar dalam menyara keluarga terutamanya dalam memberi sumbangan pembiayaan terhadap ibu bapa yang sepatutnya tanggungjawab ini digalas oleh anak lelaki tetapi

---

<sup>3</sup> Hushim Salleh, "Tanggungjawab Anak Terhadap Ibu Bapa", laman sesawang *Berita Harian Online*, dicapai 23 Februari 2015, [http://ww1.utusan.com.my/utusan/Keluarga/20140115/ke\\_02/Tanggung-jawab-anak-terhadap-ibu-bapa#ixzz3pn1PpFpv](http://ww1.utusan.com.my/utusan/Keluarga/20140115/ke_02/Tanggung-jawab-anak-terhadap-ibu-bapa#ixzz3pn1PpFpv)

<sup>4</sup> Artikel Peranan Wanita Melayu Dalam Proses Penjagaan Ibu Bapa Tua: Dilema Dan Cabaran Dalam Era Globalisasi, *Kajian Malaysia*, Vol. 28, No. 2 (2010).

tidak dijalankan atas faktor-faktor tertentu. Bagaimanakah pandangan Islam dalam aspek ini?

## 1.2 PERSOALAN KAJIAN

- 1) Apakah tanggungjawab wanita di dalam keluarga.
- 2) Apakah hukum wanita keluar berkerja.
- 3) Apakah persepsi Islam tentang wanita membiayai keluarga.
- 4) Apakah faktor-faktor wanita berkerjaya menggalas bebanan tanggungjawab membiayai keluarga.

## 1.3 OBJEKTIF KAJIAN

- 1) Menjelaskan tanggungjawab wanita dalam keluarga menurut Islam.
- 2) Menjelaskan hukum wanita keluar berkerja.
- 3) Menganalisis hukum wanita membiayai ibu bapa.
- 4) Mengenalpasti faktor-faktor kenapa wanita membiayai ibu bapa.

## 1.4 DEFINISI TAJUK

Dalam kamus dewan, pembiayaan merupakan imbuhan daripada biaya yang bermaksud belanja atau kewangan untuk sesuatu.<sup>5</sup> Nafkah pula bermaksud wang yang diperlukan untuk sara hidup, juga diertikan sebagai perbelanjaan dan lain-lain yang wajib diberikan.<sup>6</sup> Ibu bapa adalah orang tua yakni emak dan ayah.<sup>7</sup> *Wanita* diertikan sebagai *orang perempuan dewasa, kaum ibu, kaum puteri*.<sup>8</sup> Berkerjaya pula merupakan

---

<sup>5</sup> Noresah Baharum, *Kamus Dewan*, ed.ke-3 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002), 1191.

<sup>6</sup> *Ibid.*, 916.

<sup>7</sup> *Ibid.*, 620.

<sup>8</sup> *Ibid.*, 1545.

imbuhan daripada perkataan kerjaya. Kerjaya bermaksud perkembangan dan kemajuan seseorang dalam sesuatu lapangan kehidupan atau profesion atau pekerjaan yang dipilih sebagai cara atau usaha untuk mencari nafkah sama ada makan gaji, berniaga dan sebagainya.<sup>9</sup> Wanita yang dimaksudkan dalam kajian penyelidik adalah anak perempuan dewasa.

### **1.5 SKOP KAJIAN**

Skop kajian lebih tertumpu kepada tanggungjawab wanita di Malaysia yakni anak perempuan membiayai ibu bapa.

### **1.6 KEPENTINGAN KAJIAN**

Setiap kajian yang dilakukan oleh para penyelidik mestilah mempunyai kepentingannya yang tersendiri. Oleh itu, kajian pengkaji ini juga tidak lari daripada mempunyai kepentingannya. Hasil dapatan kajian boleh dimanfaatkan oleh semua lapisan masyarakat, terutamanya kepada para wanita, Kementerian Pembangunan Wanita, agensi-agensi serta badan-badan yang berkaitan dengan wanita.

---

<sup>9</sup> *Ibid.*, 656.

## 1.7 SOROTAN LITERATUR

Kajian berkaitan nafkah banyak dilakukan oleh ahli-ahli akademik dari pelbagai perspektif. Hal ini kerana terdapat banyak isu berkaitan nafkah yang dibangkitkan oleh masyarakat, antaranya nafkah terhadap ibu bapa. Berdasarkan kepada penelitian yang dilakukan, pengkaji membahagikan kajian ini kepada tiga tema iaitu, (i) wanita (ii) wanita berkerjaya (iii) sara ibu bapa.

### (i) Wanita

Islam memuliakan wanita dalam segala aspek kehidupan tanpa sebarang diskriminasi dengan kaum lelaki. Wanita mempunyai hak bersuara, berkerja, disayangi, dihormati, dan dilindungi selari dengan fitrah sebagai wanita. Dalam menunaikan suruhan agama, lelaki dan wanita Muslim mempunyai hak dan tanggungjawab yang sama. Wanita Islam tidak hanya berperanan sebagai ibu rumah tangga sahaja, malah peranan mereka melampaui batasan tersebut asalkan tidak bertentangan dengan syariat Islam. Bagaimanapun, masih timbul pelbagai salah faham dan kekeliruan berkaitan status wanita mengikut perspektif Islam walaupun perbincangan dilakukan dari semasa ke semasa. Kekeliruan menterjemahkan status sebenar wanita menurut perspektif Islam bukan sahaja dicetuskan oleh golongan lelaki sahaja, malahan turut wujud dalam kalangan wanita yang kurang memahami hakikat tersebut dengan tepat dan betul.

Bateriah<sup>10</sup> dalam kajiannya memfokuskan tentang isu emansipasi wanita dan turut membincangkan status wanita dalam keluarga dan pendidikan serta kebebasan wanita. Beliau juga turut mengkaji kefahaman wanita tentang emansipasi wanita, gerakan wanita Islam serta implikasinya terhadap keluarga. Hasil kajian mendapati hanya segelintir sahaja responden yang memahami tentang isu berkaitan wanita Islam. Kajian ini hanya melibatkan pandangan dan persepsi wanita Islam di UITM Kampus

---

<sup>10</sup> Bateriah Alias, "Emansipasi Wanita: Satu Kajian Terhadap Pandangan Wanita Islam Di UITM Kampus Seksyen 17, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan" (disertasi Sarjana Usuluddin, Universiti Malaya Kuala Lumpur, 2002)

Seksyen 17, Shah Alam sahaja. Penulisan yang dibuat oleh beliau sedikit sebanyak membantu kajian penulis kerana mempunyai sedikit kesamaan.

Kajian Hajarul<sup>11</sup> mengetengahkan isu-isu dan permasalahan wanita dalam aspek pernikahan, perkahwinan, dan juga pewarisan Islam yang terkandung dalam surah tersebut. Walau bagaimanapun, kajian ini berbeza dengan kajian penulis kerana beliau lebih menumpukan perbincangan kepada kitab khusus yang dikarang oleh al-Qurtubi yang membincangkan hukum-hukum yang terkandung di dalam al-Quran khususnya dalam surah al-Nisa“.

Asiah<sup>12</sup> dalam artikel penulisannya membicarakan tentang isu- isu kewanitaan dalam konteks tarbiyyah Islamiyyah iaitu al-Quran telah menentukan garis panduan dalam mendidik wanita untuk menjadi anak, isteri, serta ibu yang solehah. Muslimah dinyatakan sebagai *role model* dan penyumbang kepada pembentukan masyarakat yang baik kerana mereka adalah peneraju dan pendidik generasi akan datang.

Bushrah<sup>13</sup> dalam kajiannya membincangkan tentang konsep wanita menurut Islam dimana beliau menulis mengenai hak kemanusiaan, asal penciptaan, wanita berkaitan harta, wanita berkaitan hudud, dan wanita berkaitan taklif. Kajian beliau merupakan kajian perbandingan agama yang menekankan aspek keagamaan dan pendidikan. Beliau juga membincangkan fungsi, peranan serta tanggungjawab wanita sebagai anak perempuan, isteri, ibu, anggota masyarakat, dan sebagai ketua atau pemimpin dari perspektif Islam dan perspektif Yahudi. Metodologi kajian yang digunakan adalah kajian perpustakaan menggunakan metod historis dan dokumentasi. Beliau menganalisis data menggunakan metod deduktif dan komparatif. Kajian yang

---

<sup>11</sup> Hajarul Bahti Zakaria, “Isu-Isu Kewanitaan Dalam Surah Al-Nisa“: Kajian Terhadap Kitab Al-Jami“ Li Āhkām al-Qurān oleh Qurtubī” (disertasi Sarjana Usuluddin, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2006)

<sup>12</sup> Asiah „Ali, *Muslimah: Pendidikan Kekeluargaan Dan Perjuangan* (Kuala Lumpur: Penerbitan Muttaqin Sdn. Bhd, 1999)

<sup>13</sup> Bushrah Basiron, “Status Wanita Muslim Dan Yahudi: Kajian Perbandingan Dari Aspek Keagamaan Dan Pendidikan” (tesis kedoktoran, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2011)

dibuat oleh beliau mempunyai persamaan dari segi tanggungjawab wanita sebagai anak, ibu, dan isteri serta pemimpin dari perspektif Islam sahaja.

Kajian yang dibuat oleh Che Wan Rosli<sup>14</sup> bertujuan melihat jawatan-jawatan yang sesuai untuk wanita menurut perspektif Islam. Penulis mendapati beliau mengenalpasti apakah yang dimaksudkan wanita serta ciri-cirinya pada kaca mata zaman arab Jahiliyyah dan zaman Islam, kedudukan wanita, peranan wanita menurut perspektif Islam, serta isu-isu berkaitan wanita berkerjaya. Metod kajian yang digunakan oleh penulis adalah metod historis untuk mendapatkan latar belakang dan csejarah wanita, metod dokumentasi, metod temu bual, dan metod analisis data menggunakan kaedah induktif, deduktif, dan komparatif. Hasil dapatan kajian beliau mendapati wanita pada masa kini boleh memegang kuasa pelaksanaan dan melibatkan penggubalan, akan tetapi penggubalan dasar-dasar dalam hal-hal yang berkaitan dengan masalah kaum wanita sahaja. Kajian yang telah dibuat oleh beliau sedikit sebanyak telah membantu penulis dalam menyempurnakan kajian kerana terdapat beberapa persamaan dengan kajian penulis.

Nazirah<sup>15</sup> dalam kajian beliau telah menjawab permasalahan tentang nafkah isteri berkerja adakah apabila seorang suami tidak memberikan nafkah ia dikatogerikan sebagai jenayah keganasan rumah tangga atau pun tidak. Penulis ingin megetahui sejauh mana pandangan beliau mengenai jenayah rumah tangga. Nazirah telah menulis dalam kajian beliau mengenai definisi jenayah keganasan rumah tangga, bentuk-bentuk keganasan rumah tangga pada masa sekarang, serta faktor-faktor berlakunya jenayah keganasan rumah tangga juga langkah-langkah mengatasi berlakunya permasalahan ini. Penulis mendapati kajian beliau ini mempunyai sedikit kaitan dengan tajuk kajian

---

<sup>14</sup> Che Wan Rosli Khalid, "Kepimpinan Wanita Di dalam Sektor Awam: Tumpuan Kepada Jawatan-Jawatan Yang Boleh Dan Tidak Boleh Disandang" (disertasi Ijazah Sarjana Fakulti Syariah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Februari 1992)

<sup>15</sup> Nazirah Mohamad Tanusi, "Jenayah Keganasan Rumah Tangga: Suatu Kajian Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur" (disertasi Ijazah Sarjana Pengajian Islam, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004).

penulis. Cuma Nazirah tidak menceritakan secara terperinci pandangan-pandangan para fuqaha". Beliau lebih banyak menganalisis mengenai kes-kes serta undang-undang di Malaysia.

Rohimah<sup>16</sup> dalam kajian beliau bertujuan untuk melihat sejauh manakah wanita masa kini melaksanakan tugas dan tanggungjawab terhadap rumah tangga selaras dengan tuntutan Islam. Metod yang telah digunakan oleh beliau ialah metod penentuan subjek dimana beliau menjadikan wanita yang sudah bersuami dan mempunyai anak sebagai objek kajian, dan menganalisis data dengan cara membuat perbandingan terhadap maklumat-maklumat yang diperolehi. Hasil dapatan yang diperolehi beliau adalah tugas wanita pada masa kini lebih berat daripada wanita terdahulu disebabkan beban tugas wanita semakin berkembang dan wanita berupaya memikul tanggungjawab sebagai pekerja profesional dan isteri dalam satu masa. Walaupun wanita diharuskan keluar berkerja, mereka perlulah mengikut batasan-batasan yang telah ditetapkan oleh syara" serta pandai membahagikan masa, tidak melepaskan tanggungjawab rumahtangga begitu sahaja. Kajian yang telah dibuat oleh beliau juga mempunyai sedikit kaitan dengan kajian yang dibuat oleh penulis iaitu tugas dan tanggungjawab wanita terhadap keluarga.

## **(ii) Wanita Berkerjaya**

Sebagai tanda penghormatan ke atas wanita, Islam telah memberikan hak-hak tertentu kepada kaum wanita antaranya Islam membenarkan wanita keluar berkerja mencari pendapatan. Walaupun pada asalnya hukum mencari nafkah adalah menjadi tanggungjawab suami atau kaum lelaki, namun Islam menggalakkan isteri serta kaum wanita membantu meringankan bebanan kewangan keluarga akan tetapi mestilah kerja-

---

<sup>16</sup> Rohimah Yong, "Wanita Sebagai Pentadbir Rumahtangga Kajian: Di Daerah Kuala Terengganu" (disertasi Ijazah Sarjana Fakulti Syariah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Januari 1992)



kerja yang mendatangkan manfaat. Secara tidak langsung menunjukkan Islam memberi galakan kaum wanita terlibat dalam kegiatan ekonomi.

Hasni<sup>17</sup> telah mengkaji mengenai pandangan Islam terhadap wanita berkerja, mengenal pasti sejauh mana penglibatan wanita dalam pekerjaan memberi kesan positif atau turut memberi kesan negatif terhadap keharmonian rumah tangga. Selain itu beliau mengkaji kefahaman kakitangan Muslim Jabatan Audit Negara Putrajaya tentang kebebasan wanita berkerjaya. Hasni menggunakan kajian perpustakaan serta kajian lapangan iaitu metod soal selidik dalam kaedah pengumpulan data. Manakala kaedah analisis data beliau menggunakan metod induktif, metod deduktif, metod komparatif. Hasil dapatan beliau mendapati Islam membenarkan wanita keluar berkerja dengan syarat-syarat tertentu seperti menutup aurat, bebas dari fitnah, serta mendapat keizinan suami. Tidak dapat di sangkal bahawa pada zaman ini sumbangan dan tenaga wanita amat diperlukan. Kajian ini mempunyai kaitan yang rapat dengan kajian penulis.

Dalam kajian Hasiah<sup>18</sup> telah menghuraikan pandangan fuqaha<sup>18</sup> mengenai permasalahan wanita yang berkerja di luar rumah. Selain itu beliau turut menganalisa bagaimana suami isteri mengagihkan pendapatan mereka untuk kegunaan rumah tangga dan membuat huraian mengenai status penggunaan wang isteri oleh suami. Beliau banyak menghuraikan status penerimaan nafkah oleh isteri apabila berada dalam dua keadaan iaitu sama ada layak atau tidak si isteri menerima nafkah apabila tinggal berasingan, berjauhan daripada suami dan nafkah si isteri apabila berkerja dan tinggal bersama suami. Metod yang digunakan oleh pengkaji adalah metod pengumpulan data menggunakan kaedah soal selidik dan analisis data menggunakan kaedah perbandingan.

Dapatan kajian yang diperolehi iaitu isteri berhak mendapat nafkah dari suami selagi

---

<sup>17</sup> Hasni Mohd Ali, "Kefahaman Kakitangan Muslim Terhadap Kebebasan Wanita Dari Aspek Kerjaya : Kajian Di Jabatan Audit Negara Putrajaya" (disertasi Ijazah Sarjana Usuluddin, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2003).

<sup>18</sup> Hasiah Che Ali, "Nafkah Isteri Bekerja Dalam Fekah-Satu Tinjauan Di Daerah Kota Bharu, Kelantan Darul Naim" (Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda Syariah, Fakulti Syariah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 1994)

mana beliau taat, akan tetapi tidak semua isteri yang berkerja bebas menggunakan hasil pendapatan mereka. Bagi isteri-isteri yang bebas menggunakan pendapatan pula, mereka membelanjakan pendapatan mereka untuk membantu ibu bapa, membeli pakaian, membeli peralatan rumah, simpanan dan lain-lain. Walaupun tulisan beliau ini hampir menyamai kajian penulis, namun penulis mendapati perbincangan yang dibuat adalah tidak mendalam.

Suzara<sup>19</sup> dalam kajian beliau telah mengemukakan pandangan Islam terhadap penglibatan wanita dalam bidang pekerjaan. Beliau juga menghuraikan hukum nafkah isteri berkerja dengan terperinci, seterusnya mengenal pasti hak dan kewajipan suami isteri apabila dalam keadaan sama-sama mencari nafkah untuk keluarga. Kaedah pengumpulan data yang digunakan oleh beliau adalah kajian perpustakaan, manakala kaedah menganalisis data pula beliau menggunakan metod induktif, metod deduktif, dan metod komparatif. Hasil kajian mendapati keizinan suami merupakan syarat untuk isteri keluar berkerja dan di dalam menentukan kewajipan nafkah bagi isteri yang berkerja. Akan tetapi dibenarkan berkerja jika suami tidak berkemampuan menafkahi dirinya, sumbangan isteri itu akan menjadi hutang tanggungan suami yang wajib ditunaikan. Jika suami berkemampuan pula akan tetapi enggan mengeluarkan nafkah, maka isteri dibenarkan mengambil harta suami pada kadar yang munasabah. Penulis mendapati penulisan yang dibuat adalah menyamai dengan kajian penulis.

Zurita<sup>20</sup> dalam kajian beliau menghuraikan permasalahan hukum isteri keluar berkerja berdasarkan al-Quran, hadis serta sirah Rasulullah SAW dan persoalan isteri berkerja dari perspektif undang-undang Malaysia. Kajian yang dibuat oleh beliau banyak mengetengahkan tentang peranan suami kepada isteri yang berkerja serta nafkah kepada isteri yang berkerja menurut pandangan Islam dan juga undang-undang di

---

<sup>19</sup> Suzara Makpol, "Nafkah Isteri Bekerja :Satu Analisis Hukum" (disertasi Sarjana Syariah, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2003)

<sup>20</sup> Zurita Kamsan, "Isteri Bekerja Menurut Perspektif Islam" (disertasi Ijazah Sarjana Pengajian Islam, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004)

Malaysia. Batasan-batasan yang perlu dijaga oleh seorang isteri juga syarat-syarat isteri berkerja juga diceritakan. Zurita juga mengkaji tentang perjanjian pra perkahwinan dan sulh perkahwinan serta kelogikan membuat perjanjian isteri berkerja semasa pra perkahwinan dan sulh antara pasangan suami isteri. Penulis mendapati kajian yang dibuat oleh Zurita ini banyak membantu menghuraikan persoalan yang timbul dalam kajian penulis.

Noor Zuhaila<sup>21</sup> dalam kajian beliau memfokuskan hal berkaitan wanita bekerjaya menurut pandangan Islam yakni hukum-hukum serta pandangan dari para ulama“, syarat-syarat wanita yang ingin berkerja menurut Islam, serta adab-adab wanita ketika berkerja. Perbincangan yang telah dibuat oleh beliau sedikit sebanyak membantu penulis dalam meneruskan kajian kerana penulisan Noor Zuhaila mempunyai banyak persamaan dan kaitan dengan kajian yang dijalankan oleh penulis.

Selain itu, kajian Bechek<sup>22</sup> pula menumpukan kepada aspek kepimpinan wanita Islam dan kedudukannya menurut syariah selain turut membincangkan mengenai kepimpinan wanita Malaysia. Kajian ini mengupas secara mendalam berkaitan isu wanita dan kepimpinan dengan melihat sejauh mana kepimpinan wanita selari dengan kehendak syariat dan batasan syariat Islam. Kajian ini juga turut menetengahkan kepimpinan wanita dalam organisasi di Malaysia.

### **(iii) Sara Ibu Bapa**

Penempatan sesebuah keluarga bermula dengan perkahwinan. Institusi keluarga adalah satu unit sosial yang merupakan kompenan kecil masyarakat. Kewibawaaan generasi akan datang dan negara yang stabil adalah lahir dari keluarga yang baik. Untuk

---

<sup>21</sup> Noor Zuhaila Jusoh, “Masalah Rumahtangga Di Kalangan Wanita Bekerja : Kajian Kes Di Jajahan Machang, Kelantan” (disertasi Sarjana Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2009)

<sup>22</sup> Bechek@Andek Masnah Bt Andek Kelawa, “Kepimpinan Wanita Dalam Islam: Satu Analisa Dari Segi Kedudukannya Dalam Syariah Dan Kepimpinan Wanita Di Malaysia” (tesis kedoktoran, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1995)

membentuk institusi keluarga yang berjaya mestilah berasaskan kepada keimanan dan ketaqwaan, ilmu pengetahuan, kasih-sayang, pergaulan yang baik dikalangan anggota keluarga, amanah, dan bertanggungjawab. Setiap ahli didalam sesebuah keluarga mestilah memainkan peranan serta menjalankan tanggungjawab masing-masing. Antara tanggungjawab yang perlu dijalankan adalah tanggungjawab seorang anak menjaga dan menyara ibu bapa.

Delly Peunah<sup>23</sup> dalam kajian beliau adalah transliterasi ke atas naskah Mir'at At-Tullab, menghuraikan tentang hukum-hukum yang terdapat dalam pernikahan seperti hukum nikah, hukum talak, persoalan rujuk, hadhanah, dan nafkah kerabat. Dalil-dalil pernikahan yang terdapat dalam al-Quran dan sunnah juga pendapat empat mazhab tentang dua orang saksi turut dianalisa oleh beliau. Dalam kajian ini turut diceritakan mengenai permasalahan mahar suatu hak terhadap isteri, dan nafkah terhadap kerabat. Persoalan mengenai nafkah terhadap kerabat adalah mengenai hak kerabat, syarat-syarat untuk mendapat nafkah dari kerabatnya, serta golongan kerabat yang wajib diberi nafkah jika mereka tidak mampu. Hasil kajian yang dibuat oleh beliau ini mempunyai sedikit sahaja kaitan dengan tajuk kajian penulis.

Menurut Zahrin<sup>24</sup> yang telah mengkaji mengenai definisi nafkah dari segi syara' dan undang-undang. Beliau telah mengkaji mengenai peruntukan nafkah terhadap ibu-bapa di Malaysia dari segi perbezaan antara peruntukan undang-undang dan hukum syara'. Metod yang telah digunakan oleh beliau adalah metod pengumpulan data menggunakan kaedah soal selidik dikalangan sektor awam, swasta, dan ahli perniagaan. Metod analisis data yang digunakan dalam kajian beliau adalah secara induktif dan diduktif. Kesimpulan yang dapat dibuat menjadi tanggungjawab seorang anak memberi

---

<sup>23</sup> Delly Peunah, "Hukum Nikah, Talak, Rujuk, Hadhanah, dan Nafkah Kerabat Dalam Naskah Mir'at At-Tullab Oleh Syeikh Abu Daud Singkel" (Institut Agama Islam Negri Jakarta, 1982)

<sup>24</sup> Zahrin Mohammad Mohtar, "Nafkah Terhadap Ibu-Bapa : Konsep Dan Perlaksanaannya Di Kuala Lumpur" (Latihan Ilmiah Ijazah Muda Sarjana Fakulti Syariah, Akademi pengajian Islam, Universiti Malaya, 1995)

nafkah terhadap ibu-bapa dari segi makanan, pakaian, tempat tinggal, orang gaji dan perubatan. Kadar pemberian nafkah pula adalah mengikut kemampuan masing-masing. Penulisan yang dibuat oleh beliau menyamai kajian yang dibuat oleh penulis dan dapat membantu kajian penulis.

Azlina<sup>25</sup> dalam kajian beliau menjelaskan tentang definisi sebenar harta sepencarian dari segi bahasa dan istilah, juga menjelaskan pembahagian harta. Harta sepencarian tidak dibincangkan di dalam kitab-kitab fiqh zaman dahulu di negara-negara arab. Ini bermaksud ia tidak wujud dalam perundangan Islam yang terdahulu akan tetapi ia telah di amalkan di kawasan Asia tenggara seperti Indonesia, Singapura, Brunei, dan Malaysia khususnya. Oleh itu, beliau telah menghuraikan secara terperinci konsep sebenar harta sepencarian sama ada ianya hanyalah adat semata-mata atau pun merupakan ketetapan hukum syara<sup>26</sup>, juga beliau mengambil kira sejauh manakah harta sepencarian ini bertepatan dengan hukum syara<sup>26</sup>. Penulis mendapati kajian ini tidak sama dan tidak ada kaitan dengan kajian yang dijalankan oleh penulis.

Ruzana<sup>26</sup> telah mengkaji pelaksanaan tanggungjawab seorang anak terhadap ibu bapa mereka. Beliau juga menilai sejauh mana tahap pemahaman masyarakat tentang asas-asas kekeluargaan bagi membina keluarga bahagia. Metodologi kajian yang telah digunakan oleh beliau adalah kaedah penentuan subjek menggunakan metod sampling untuk memilih mukim. Kaedah pengumpulan data pula beliau menggunakan metod dokumentasi, metod historis, metod soal selidik, metod observasi, dan metod temu bual. Kaedah analisis data pula beliau menggunakan metod induktif, metod deduktif, dan metod komparatif. Hasil dapatan kajian mendapati tanggungjawab seorang anak terhadap ibu bapa terbahagi kepada dua iaitu semasa hayat ibu bapa dan

---

<sup>25</sup> Azlina Abd Latif, "Harta Sepencarian: Pelaksanaan dan Penilaian Menurut Hukum Syarak" (disertasi Ijazah Sarjana Pengajian Islam, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004)

<sup>26</sup> Tuan Ruzana Tuan Kechik, "Tanggungjawab Anak Terhadap Ibumama Dalam Mengukuhkan Institusi Kekeluargaan: Kajian Di Kuala Terengganu" (disertasi Ijazah Sarjana Fakulti Syariah, Akademi pengajian Islam, Universiti Malaya, 1995/96)

selepas kematian ibu bapa. Keseluruhan individu mempunyai rasa hormat kepada ibu bapa tetapi tidak semua mematuhi arahan ibu bapa. Di dapati anak-anak mengambil berat soal nafkah kepada ibu bapa akan tetapi ada segelintir yang tidak memberi nafkah. Kajian yang telah dibuat oleh beliau mempunyai kaitan yang rapat dengan kajian penulis.

Zaidah<sup>27</sup> dalam kajian beliau membincangkan tentang definisi kekeluargaan serta definisi keturunan. Beliau juga membincangkan tentang sistem kekeluargaan yakni bagaimana hubungan itu dijalin, ditentukan, dan diatur. Selain itu beliau telah menulis mengenai kepentingan keluarga dalam Islam di mana Islam amat mementingkan kekeluargaan dan Islam telah menetapkan beberapa garis panduan dalam kekeluargaan seperti menggalakkan perkahwinan dan mengharamkan pezinaan. Penulis mendapati penulisan yang dibuat oleh beliau hampir menyamai kajian penulis, akan tetapi perbincangan yang dibuat oleh beliau adalah tidak mendalam.

Zaini<sup>28</sup> dalam kajiannya telah menganalisa perbahasan sarjana fiqh tentang kewajipan nafkah serta peruntukan -peruntukan Undang-Undang Keluarga Islam di Negeri Selangor berkaitan tuntutan nafkah isteri dan anak. Beliau juga mengkaji tatacara penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah yang dilaksanakan oleh Mahkamah Syariah. Akhir sekali beliau menganalisis kes-kes tentang perintah nafkah isteri serta kelancaran penguatkuasaan dan pelaksanaannya. Metod yang digunakan oleh beliau adalah kajian perpustakaan, kajian lapangan menggunakan kaedah soal selidik. Kajian ini mendapati perintah mahkamah tidak dapat dikuatkuasakan kerana bekas suami berada di negeri lain. Belum ada undang-undang khusus yang memberi pengiktirafan kepada penghakiman mahkamah syariah negeri lain yang membolehkan sesuatu

---

<sup>27</sup> Puan Zaidah Mustapha, "Sistem Kekeluargaan Masyarakat Melayu" (disertasi Sarjana Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2009)

<sup>28</sup> Zaini Nasohah, "Penguatkuasaan Dan Pelaksanaan Perintah Nafkah : Kajian Di Mahkamah Syariah Selangor (1999-2004)" (tesis kedoktoran, Jabatan Syariah dan Undang-Undang Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2007)

perintah dikuatkuasakan di mana sahaja pihak kena tuntutan berada. Jika pihak suami gagal memberi nafkah pelaksanaan dilakukan melalui beberapa kaedah seperti penjualan harta suami/bekas suami, atau perintah potongan gaji bulanan. Hasil penulisan beliau di dapati tidak menyamai kajian yang dibuat oleh penulis kerana tidak membincangkan tentang nafkah ibu bapa akan tetapi lebih menekankan tentang nafkah isteri.

Menurut Azhar<sup>29</sup> di dalam kajian beliau memfokuskan tentang pandangan ulama mengenai amalan perkongsian pendapatan antara suami dan isteri dalam perbelanjaan rumah tangga, mengenal pasti aspek dan kadar sumbangan pendapatn isteri dalam perbelanjaan rumah tangga, beliau juga mengenalpasti permasalahan yang timbul akibat amalan perkongsian pendapatan di antara suami isteri, beliau telah menjustifikasi keperluan kepada amalan perkongsian pendapatan di antara suami isteri. Metod pengumpulan data yang telah digunakan oleh beliau adalah kajian perpustakaan dan kajian lapangan menggunakan kaedah soal selidik. Kajian ini mendapati amalan perkongsian pendapatan adalah harus di amalkan oleh suami isteri dalam perbelanjaan nafkah dan keperluan rumah tangga kerana ia tidak bercanggah dengan syariat Islam. Dapat dikenalpasti isteri telah berkongsi pendapatan di dalam perbelanjaan rumah tangga yang merangkumi aspek nafkah asasi dan juga nafkah bukan asasi seperti persekolahan dan pendidikan. Kajian yang dibuat oleh beliau mempunyai sedikit sahaja perkaitan dengan kajian yang akan dijalankan oleh penulis.

---

<sup>29</sup> Azhar Abdul Aziz, *Amalan Perkongsian Pendapatan Antara Suami Isteri Dalam Keluarga Islam Di Malaysia: Analisis Terhadap Sumbangan Isteri Bekerja Dalam Perbelanjaan Rumah Tangga*, (Tesis Kedoktoran, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2012)

## **1.8 METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan dua metode iaitu metode pengumpulan data dan metode analisis data:

### **1.8.1 Metode Pengumpulan Data**

Metode ini adalah kaedah untuk mengumpul segala data dan maklumat berkaitan dengan penyelidikan. Semasa proses pengumpulan data dijalankan, dua metode telah digunakan iaitu kajian perpustakaan dan kajian lapangan.

#### **i. Kajian Perpustakaan (Dokumentasi)**

Metode kajian perpustakaan menjadi keutamaan di dalam semua bab kajian penulis. Oleh yang demikian, kajian perpustakaan dilakukan terhadap penulisan-penulisan yang terdahulu sama ada dalam bahasa Melayu, bahasa Inggeris, dan bahasa Arab berkaitan wanita dan tanggungjawab wanita terhadap ibu bapa. Data yang diperoleh itu sama ada mempunyai hubung kait secara langsung atau tidak langsung. Dokumen-dokumen yang dikumpulkan merangkumi sumber primer dan sumber sekunder. Segala maklumat dan data-data sekunder berkaitan penyelidikan diperoleh daripada jurnal-jurnal, buku-buku, dokumen, akhbar, risalah, artikel, laporan, mikrofilem, ensiklopedia, internet, dan penyelidikan-penyelidikan lepas untuk mendapatkan landasan teori untuk menyiapkan penyelidikan ini. Data-data serta maklumat melalui sumber primer pula diambil dari kitab-kitab *turāth* meliputi semua bidang seperti fiqh, tafsir, dan hadis.

#### **ii. Kajian Lapangan (Temu bual)**

Metode yang digunakan dalam kajian lapangan adalah metode temu bual. Temu bual merupakan interaksi sosial di antara penulis dengan pemberi maklumat (responden). Metode ini digunakan untuk mendapatkan data-data serta maklumat secara terus berkaitan dengan tajuk kajian penulis bagi membantu penulis menjawab permasalahan serta persoalan yang timbul dalam penyelidikan. Pengaplikasian metode pengumpulan



data serta maklumat melalui temu bual membolehkan penulis mendapat hasil kajian yang lebih tepat.<sup>30</sup>

Dalam proses pengumpul data, kaedah temu bual bersemuka secara individu dilakukan pada hari atau masa yang berlainan. Temu bual yang dijalankan di rakam dengan menggunakan perakam suara bagi memudahkan proses simpanan dan menganalisis data. Teknik persampelan bertujuan (*purposive sampling*) terhadap responden digunakan iaitu responden mestilah seorang wanita dan mestilah wanita yang berkerjaya. Justifikasi pemilihan wanita yang berkerjaya adalah bertujuan mendapatkan data yang tinggi nilai kesahan (*validity*) dan keboleh percayaannya (*reliability*). Temu bual secara berstruktur dan semi-struktur digunakan dalam kajian ini. Temu bual secara berstruktur adalah bertujuan mendapatkan maklumat demografi responden seperti umur, taraf perkahwinan, taraf pendidikan, pekerjaan, jumlah pendapatan, jumlah tanggungan. Temu bual secara semi-struktur merupakan soalan-soalan berkaitan kajian ini. Penulis tidak bergantung sepenuhnya kepada soalan-soalan tersebut, bahkan mengemukakan soalan-soalan tambahan untuk mendapatkan maklumat dengan lebih terperinci dan mendalam.

## **2. Kaedah Analisis Data**

Dalam menganalisis data, penulis menggunakan metode analisis secara induktif dan deskriptif :

### **(i) Metode Induktif**

Melalui metode ini, penulis membuat suatu proses penghuraian bagi mengemukakan serta mencapai suatu kesimpulan hukum daripada fakta-fakta

---

<sup>30</sup> Ahmad Sunawari Long, *Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam* (Selangor:Universiti Kebangsaan Malaysia, 2014), 79.

dan maklumat yang diperoleh melalui hasil penulisan para fuqaha“, ulama“ kontemporari, pandangan sarjana-sarjana serta statut yang berkaitan.

**(ii) Metode Analisis Interpretation-Deskriptif**

Penulis menggunakan metode ini untuk menganalisis data temu bual berkaitan faktor-faktor anak perempuan membiayai nafkah ibu bapa. Metode ini juga digunakan kerana hasil analisis kajian ini berupa data deskriptif dalam bentuk kata bertulis dan lisan daripada responden. Analisis data dibuat bermula dengan proses transkripsi kesemua hasil temu bual dengan responden. Kemudian hasil temu bual tersebut dianalisis secara manual dan dikategorikan kepada tema-tema tertentu. Akhir sekali, laporan akan dibuat oleh penulis berdasarkan tema-tema yang telah diperoleh hasil analisis secara manual.

## 1.9 KESIMPULAN

Fitrah wanita menuntut perhatian utama mereka untuk suami, anak-anak dan keluarga. Kejayaan bagi wanita adalah dalam bidang ini. Wanita dibenarkan keluar berkerja apabila berlaku keperluan-keperluan yang mendesak. Walaupun wanita khususnya anak perempuan dibenarkan berkerja, hal ini tidaklah bermaksud bahawa anak lelaki terhalang ataupun terkecuali dari menunaikan tanggungjawabnya menyara keluarga. Sepatutnya anak lelaki perlu meningkatkan kualiti diri agar lebih kehadapan sehingga mampu menampung keluarga tanpa bantuan isterinya atau saudara perempuannya. Jika wanita yakni anak perempuan keluar berkerja sekadar memenuhi lapangan dan kehendak diri sendiri, maka wanita ini perlu sentiasa mengingati bahawa tanggungjawab-tanggungjawab lain serta tugas-tugas lain sebagai seorang anak tidak boleh diabaikan sama sekali samada sebelum berkahwin mahupun selepas berkahwin. Wanita keluar berkerja adalah diterima oleh Islam selagi mana seorang wanita itu tahu batasan-batasan yang telah ditetapkan oleh syara". Tidak juga digalakkan wanita yakni anak perempuan yang telah berkahwin berkerja secara berterusan jika tidak terdapat keperluan yang mendesak dan jika ia hanya disebabkan oleh perasaan untuk bermewah sehingga mengabaikan tanggungjawab terhadap suami, anak, dan keluarga adalah tidak diterima oleh Islam. Perlu diingati dalam setiap minda dan diri para isteri bahawa tugasnya amat besar dan wanita adalah tonggak penentu dan pencipta kejayaan seluruh manusia. Perkahwinan seorang wanita dengan seorang lelaki tidak memutuskan hubungannya dengan ibu bapa dan tidak pula menghilangkan tanggungjawab wanita tersebut kepada ibu bapa. Perkahwinan adalah penambahan kepada tanggungjawab yang sedia ada bagi lelaki dan perempuan, bukanlah pengurangan. Yang kekal ialah prinsip menunaikan tanggungjawab mengikut kemampuan kita. Seorang suami yang soleh pastinya tidak akan menuntut isteri taat kepadanya sehingga mengabaikan tanggungjawab kepada ibu bapa si isteri seperti tidak dijaga, tidak diberi nafkah dan

lain-lain. Sebaliknya, suami yang soleh hendaklah berusaha agar isteri faham akan tanggungjawab sebagai anak, dan membantu isterinya untuk menunaikan tanggungjawab kepada ibu bapa si isteri.

University of Malaya

## BAB 2

### TANGGUNGJAWAB WANITA MENURUT ISLAM

#### 2.1 PENDAHULUAN

Wanita dalam masyarakat Melayu tradisional bertanggungjawab dalam lingkungan keluarga dan rumah tangga iaitu wanita berperanan sebagai anak perempuan, adik perempuan, atau pun kakak. Apabila berkahwin, wanita bertambah pula peranan sebagai isteri dan ibu. Tanggungjawab wanita bermula dari rumah dan berakhir di rumah iaitu hanya membuat kerja-kerja domestik sahaja. Wanita yang telah diajar sejak kecil lagi untuk menguruskan aktiviti-aktiviti di dalam rumah seperti membantu ibu bapa mereka membuat kerja-kerja dapur, mengasuh adik-adik yang masih kecil.<sup>1</sup> Masyarakat kerap kali ditonjolkan dengan konsep dan teori berkaitan dengan peranan wanita. Pelbagai pandangan dan perspektif telah dihadapkan kepada masyarakat sama ada dari aspek ekonomi, kemasyarakatan, keagamaan dan lain-lainnya. Setiap individu mempunyai pandangan dan pendapat tersendiri mengenai peranan dan tanggungjawab wanita. Pandangan dan pendapat mereka mempunyai kelebihan dan kekurangan disebabkan hasil dari pengalaman masing-masing. Wanita hari ini telah mempunyai imej dan tanggungjawab sosial yang berbeza sesuai dengan kehendak dan perubahan zaman. Akan tetapi, persoalan yang dikupas oleh penulis adalah mengenai peranan wanita di dalam keluarga.

---

<sup>1</sup> Fatimah Abdullah, "Wanita dan Pekerjaan : Satu Analisis Konflik dan Peranan," Jurnal Akademik, no.27 (Julai 1985), 62.

## 2.2 TANGGUNGJAWAB WANITA TERHADAP KELUARGA

Di antara semua makhluk yang diciptakan oleh Allah SWT, manusia mempunyai kelebihan yang khusus yaitu boleh menerima dan memikul tanggungjawab sedangkan makhluk lain tidak, disebabkan tumbuhan dan binatang tidak mempunyai akal, ilmu, serta pemahaman. Rasulullah SAW bersabda<sup>2</sup> :

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، أَنَّهُ قَالَ: "أَلَا وَيُؤَسِّرُ سَاعِدُ الْوَيْلِ نِسَاءَ نَبِيِّ عَسَى أَنْ يَسْأَلَكُمْ عَنْ بُرِّكُمْ وَأَنْ يَسْأَلَكُمْ عَنْ بُرِّ آبَائِكُمْ وَأَنْ يَسْأَلَكُمْ عَنْ بُرِّ آبَائِ آبَائِكُمْ فَأُولَئِكَ سَبْعٌ مِمَّا فُتِنَ بِهَا الْبَشَرُ" (رواه البخاري، 2511)

Terjemahan: daripada Ibnu Umar, nabi SAW bersabda: "setiap kamu adalah pemimpin dan setiap kamu bertanggungjawab ke atas yang dipimpinya. Seorang pemimpin akan ditanya tentang rakyatnya, seorang suami akan ditanya tentang keluarga yang dipimpinya, Seorang isteri yang memelihara rumah tangga suaminya akan ditanya tentang tanggungjawab dan tugasnya. Bahkan seorang hamba bertugas memelihara barang milik majikannya juga akan ditanya dari hal yang dipimpinya. Dan kamu sekalian pemimpin dan akan ditanya tentang hal yang dipimpinya.

Hadis di atas menjelaskan tentang etika kepemimpinan dalam Islam. Semua orang yang hidup di muka bumi ini disebut sebagai pemimpin. Sebagai pemimpin, mereka semua memikul tanggungjawab, sekurang-kurangnya terhadap dirinya sendiri. Tanggungjawab yang dimaksudkan adalah upaya seorang pemimpin untuk mewujudkan kesejahteraan bagi pihak yang dipimpin.<sup>3</sup>

<sup>2</sup> Hadīth riwayat Muslim, Kitab al-Īmārah, Bāb Faḍīlah al-Āmīr al-Adil wa Ūqūbah al-Jāir, no. Hadīth 4724. Lihat Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Ḥajjāj bin Muslim, "Ṣaḥīḥ Muslim," dalam *Mausū'at al-Ḥadīth al-Syarīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣāliḥ bin Abd al-ʿAzīz Āl al-Shayḥ (Riyadh: Dār al-Salām, 2000), 1006.

<sup>3</sup> Al-Nawāwī, Muḥyī al-Dīn Ābī Zakariyā Yahyā bin Syaraf, *al-Minhāj Syarḥ Ṣaḥīḥ Muslim bin al-Ḥajjāj* (Bayrūt: Dār al-Maʿrifah, 2005), 11:416.

Menurut John B.Saunders<sup>4</sup>, konsep tanggungjawab mempunyai hubungan kait dengan konsep hak manakala berlawanan dengan konsep keistimewaan. Hak ditakrifkan sebagai sesuatu tuntutan sah kepada sesuatu. Biasanya ia digunakan dalam konteks sesuatu tuntutan terhadap sesuatu yang tidak ada dalam pemilikan seseorang.

Hadis membuktikan wanita juga tidak lari dari mempunyai tanggungjawab oleh kerana setiap manusia di muka bumi disebut sebagai pemimpin. Tanggungjawab wanita dalam keluarga boleh diklasifikasikan kepada beberapa aspek, iaitu wanita sebagai seorang anak, wanita sebagai seorang isteri, dan wanita sebagai seorang ibu.

### **2.2.1 Wanita Sebagai Anak**

Ibu bapa dan anak-anak mempunyai hubungan yang istimewa iaitu hubungan darah dan kerabat. Melalui hubungan inilah zahirnya tanggungjawab dan hak di antara satu sama lain. Oleh itu secara umumnya masyarakat jelas tentang tanggungjawab ibu bapa terhadap anak-anak. Di antara hak ibu bapa yang perlu dipenuhi oleh anak-anak adalah hak ketaatan dan hak nafkah.<sup>5</sup> Tanggungjawab inilah yang perlu digalas oleh setiap yang bergelar anak. Tanggungjawab ini dilaksanakan semasa hayat ibu bapa masih ada dan sesudah ibu bapa meninggal dunia.

Taat bermaksud tunduk dan patuh pada perintah<sup>6</sup>. Taat kepada ibu bapa berlaku apabila seorang anak melakukan apa yang disuruh oleh ibu bapa dan mematuhi arahan mereka dengan syarat suruhan serta arahan mereka itu tidak bertentangan dengan syara<sup>6</sup> seperti mensyirikkan Allah, disuruh mencuri, disuruh menipu, dan sebagainya yang ditegah oleh agama Islam. Menjauhi perkara-perkara yang boleh menyakiti hati kedua

---

<sup>4</sup> John B. Saunders, *Mozley & Whiteley's Law Dictionary*, ed. ke-9, (Singapore: Butterworth Asia, 1997), 143.

<sup>5</sup> Badruddin Hj. Ibrahim dan Azizah Mohd, "*Hak Ibu Bapa Terhadap Nafkah Dalam Perundangan Islam*," Makalah Kuliah Undang-Undang Ahmad Ibrahim, (Jun 2012), 45.

<sup>6</sup> Noresah Baharum, *Kamus Dewan*, ed. ke-3 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002), 1336.

ibu bapa juga termasuk dalam kategori ketaatan terhadap ibu bapa. Seheinggakan dalam bab fardhu kifayah seperti keluar berjihad, seorang anak tidak boleh keluar berjihad kecuali dengan keizinan ibu bapa kerana berbuat baik kepada mereka adalah fardhu ain.<sup>7</sup> Di antara hikmah kedatangan syariat Islam ialah Islam memerintahkan anak-anak taat kepada ibu bapa walaupun mereka itu musyrik.<sup>8</sup> Taat dalam erti kata disini adalah mengikut perintah yang tidak bercanggah dengan hukum Islam. Rasulullah SAW telah bersabda dalam sebuah hadis<sup>9</sup>:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ قَالَ : " سِرُّ رَبِّكَ لِسَانُكَ ، سِرُّ نِسَائِكَ لِحَنُّكَ ، سِرُّ قَبِيْلِكَ لِسَانَ خَدِّكَ " .

Terjemahan: daripada „Abdullah bin „Amr, nabi SAW bersabda “ keredaan tuhan itu berada pada keredaan kedua ibu bapa, kemurkaan tuhan berada pada kemurkaan kedua ibu bapa.”

Taat termasuk dalam konteks *Birru al-walidain*. Al-birr dari segi bahasa bermaksud kebaikan, dari segi istilah *al-birr* bermaksud mentaati kedua ibu bapa dalam semua perkara yang mereka perintahkan selagi mana tidak bercanggah dengan hukum Allah. Berbuat baik kepada ibu bapa adalah penyebab masuk ke dalam syurga dan mendapat kecintaan daripada Allah SWT, manakala jika menderhaka kepada ibu bapa menyebabkan kemurkaan Allah SWT kerana Allah SWT memerintahkan anak mentaati dan memuliakan ibu bapa.<sup>10</sup>

Menderhaka kepada ibu bapa adalah sebahagian gejala sosial yang berlaku dalam masyarakat. Terdapat segelintir masyarakat yang menganggap bahawa memelihara dan menjaga kebajikan kedua ibu bapa bukan satu tanggungjawab yang

<sup>7</sup> Muḥammad Nūr bin „Abd āl-Ḥafīz Suwaid, *Manḥāj Tarbiyah Nabawiyah Lī āl-Ṭifli* (Damsyq: Dār Ibnu Kathir, 1998), 196.

<sup>8</sup> Ibid., 115

<sup>9</sup> Ḥadīth riwayat al-Tarmīdhī, Kitāb al-Bīrr Wa al-Ṣilah „An Rasulullah SAW, Bāb Ma Jaā Min al-Fadh fī Redho al-Walidain, no. Hadith 1899. Lihat Abu Isa Muhammad bin Isa bin Sawrah Ibn Musa al-Tarmidhi, “Jami” al-Tirmidhi,” dalam *Mausū,at al-Ḥadīth al-Syarīf: āl-Kutub āl-Sittah*, ed. Ṣālih bin „Abd āl-„Azīz Āl āl-Shāyḥ (Riyādh: Dār āl-Salām, 2000), 1843.

<sup>10</sup> Ābu al-„Ulā Mūḥāmmād ‘Abd al-Rahman Ibn „Abd al-Raḥīm al-Mubarakfuri, *Tuḥfat al-Āḥwazī bi sharḥ jami” al-Tirmidhī* (Beirūt: Dār al-Kutub al-„Ilmiyyah, 2001), 6:21-22.



penting. Fenomena ini berlaku kerana masyarakat beranggapan menjaga rumahtangga sendiri dan anak-anak lebih penting daripada mengambil berat ke atas ibu bapa. Malangnya lagi terdapat anak-anak yang menghantar kedua ibu bapa mereka ke rumah orang-orang tua dengan alasan sibuk bekerja ataupun sukar mencari penjaga.<sup>11</sup>

Melakukan kebaikan terhadap ibu bapa merupakan suatu perintah dari Allah SWT. Seorang anak perempuan diingatkan agar melakukan kebaikan kepada kedua ibu bapa dan hendaklah tahu menghargai budi serta jasa yang dicurahkan mereka siang dan malam demi melihat anak-anak dalam keadaan baik dan berjaya dalam hidup tanpa mengharapkan apa-apa balasan. Dari „Abdullah bin Mas„ud ra, beliau menceritakan pernah bertanya kepada Rasulullah SAW:<sup>12</sup>

عَ عَجِزَ اللَّيْتِ سَعِدٍ لِيَّ سَأَلْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " أَعَزَّ فَلَانٌ ؟ لِيَّ : أَصْلَاحُ النَّوْبِ ، لِيَّ : لُذُّ بَثْءٍ أَمْ لِيَّ بَيْتُ الْإِدْرِ ، لِيَّ : لُذُّ بَثْءٍ أَمْ لِيَّ ؟ لِيَّ : الْبَفِيحَةُ لِيَّ فَتَبَّشُوا دُلَّوْهُنَّ بِدُ ، إِلَّا لِيَّ عَزِي . "

Terjemahan: daripada „Abdullah bin Mas„ud, berkata: aku bertanya kepada Rasulullah SAW: “apakah amal yang paling disukai Allah SWT? baginda menjawab: solat pada waktunya, aku bertanya lagi: kemudian apa lagi? baginda menjawab: kemudian berbakti kepada kedua ibu bapa, aku bertanya lagi: kemudian apa lagi? baginda menjawab: berjihad di jalan Allah, maka aku tidak akan meninggalkannya bahkan aku akan menjaganya.”

Al-Nawawi<sup>13</sup> menjelaskan hadis di atas adalah berkaitan dengan adab iaitu perbuatan yang terpuji. Sebahagian ulama“ mendefinisikan adab sebagai akhlak yang mulia, ada yang menyatakan adab adalah usaha untuk melakukan perkara baik. Sebahagian

<sup>11</sup> Shalini A/P Sanmargaraja, “Penyediaan Fasilitas Di Rumah Warga Tua: Kajian Kes Di Bandaraya Ipoh Dan Johor Bahru” (tesis Ijazah Sarjana Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Universiti Tun Hussein Onn, Julai 2012).

<sup>12</sup> Ḥadīth riwayat Muslim, Kitāb al-Īmān, Bāb Bayān Kaun al-Īmān bi Allah Ta„alā Āfḍāl al-Ā„māl, no. Ḥadīth 252. Lihat Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Ḥajjāj bin Muslim, “Ṣaḥīḥ Muslim,” dalam *Mausū„at al-Ḥadīth al-Syarīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣālih bin „Abd al-„Azīz Āl al-Shāyḥ (Riyāḍh: Dār al-Salām, 2000), 693.

<sup>13</sup> Al-Nawawī, *al-Minhāj Syarḥ Ṣaḥīḥ Muslim bin al-Ḥajjaj*, 1:255.

ulama” lain menyatakan adab adalah menghormati yang tua dan bersikap lemah-lembut terhadap mereka.

Bersikap lemah-lembut, merendah diri, menghormati kedua ibu bapa, dan sering mendoakan rahmat dan keampunan kepada mereka merupakan cara-cara berbakti kepada kedua ibu bapa. Menurut Syeikh Adnan al-Tharsyah,<sup>14</sup> anak perempuan perlulah menjaga maruah dan aib kedua ibu bapa dengan cara tidak mencela mereka. Anak perempuan juga tidak dibolehkan mencela ibu bapa orang lain sehinggakan menyebabkan mereka mencela kembali kedua ibu bapanya. Hal ini jelas tersirat gambaran dirinya yang mencela kedua ibu bapanya walaupun bukan secara zahir dia mencela ibu bapanya kerana pencelaan terhadap ibu bapa mereka menyebabkan tercela ibu bapanya.

Apabila berbicara dengan ibu bapa hendaklah menggunakan bahasa yang sopan, nada yang rendah serta lemah lembut, dan menjaga tutur bahasa. Seperti mana firman Allah SWT:

﴿ وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا ۚ إِمَّا يَبُلُغَنَّ عِنْدَكَ الْكِبَرَ

أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَاهُمَا فَلَا تَقُلْ لَهُمَا أُفٍّ وَلَا تَنْهَرْهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا



Al-Isra“ 15:23

Terjemahan: tuhanmu telah memerintah supaya engkau tidak menyembah melainkan kepadaNya semata-mata, dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang daripada kedua-duanya, atau kedua-duanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan “ah”,

<sup>14</sup> Syeikh Adnan al-Tharsyah, *Kaifa Takwinain Najihah Wa Mahbubah*, ed.ke-2 (Maktabah al-Ubaikan, 2003), 102.

dan janganlah engkau menengking mereka, tetapi ucapkanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun). Memandang wajah kedua ibu bapa dengan pandangan kasih sayang termasuk dalam ibadah.

Al-Qurtubi<sup>15</sup> menafsirkan ayat di atas tentang perintah berbuat baik kepada ibu bapa serta hak-hak ibu bapa yang wajib anak-anak tunaikan. Wajib taat kepada ibu bapa selagi mana mereka tidak menyeru ke arah maksiat. Menurut al-Qurtubi terdapat hadith daripada Rasulullah yang diriwayatkan oleh sahih Bukhari yang menyatakan sebaik-baik amalan adalah berbuat baik kepada ibu bapa selepas menunaikan solat kerana ia adalah tiang agama.

Menurut Ibn Kathir,<sup>16</sup> ayat di atas menjelaskan Allah SWT memerintahkan anak-anak berbuat baik kepada ibu bapa dengan cara berkata-kata dengan perkataan yang baik dan lemah lembut, serta beradab jika berhadapan dengan ibu bapa.

Anak-anak perlulah menjaga mereka apabila sudah tua apatah lagi apabila mereka sudah uzur. Setiap kebajikan yang dilakukan terhadap ibu bapa akan diberikan ganjaran pahala yang besar oleh Allah SWT seperti mana yang telah ditegaskan oleh Allah SWT di dalam surah al-Isra<sup>17</sup> ayat 15 di atas. Menyara ibu bapa bukanlah melibatkan wang semata-mata, bahkan menjaga, memberi pakaian, memberi makanan dan minuman, memberi tempat tinggal, memberi pembantu rumah juga dikategorikan sebagai menyara ibu bapa. Apabila salah satu daripada perkara-perkara di atas dilakukan oleh anak-anak, maka ia telah dikira sebagai menyara ibu bapa.<sup>17</sup> Menyara ibu bapa bukan bermaksud melepaskan tanggungjawab wajib lain seperti tanggungjawab

---

<sup>15</sup> Al-Qurtubī, Ābū „Abd Allah Muḥammad bin Āḥmad āl-Ānṣarī, *al-Jāmi‘ li Āḥkām al-Qurān*, (Kāherah : Dār al-Ḥadīs, 2010), 5 : 575.

<sup>16</sup> Ibn Kaṭhīr, Ābū Fida‘ Ismā‘il bin Ūmar bin Kaṭhīr, *Tafsīr al-Qurān al-‘Aẓīm*, (Saūdi : Dār al-Ṭīyyībah li al-Nasyr Wa al-Tāwzī‘, 2009), 5 : 74.

<sup>17</sup> Waḥbah al-Zuhailī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Ādillatuhu* (Damsyq : Dār al-Fikr, 2004), 10 : 7348.

sebagai isteri dan ibu. Anak-anak perlulah pandai membahagikan tugas dan tanggungjawab yang digalas.

Hakikatnya tanggungjawab anak-anak dalam melaksanakan hak-hak ibu bapa adalah hak yang paling penting sesudah menunaikan hak Allah SWT dan hak Rasul-Nya. Lantaran itu, hendaklah seorang anak berbakti dan berbuat baik kepada mereka, mentaati mereka, berakhlak mulia sepanjang masa kepada mereka, mengutamakan mereka dalam segala kebajikan dan kebaikan kerana ibu bapa adalah orang yang paling banyak berjasa kepada anak.

Secara asasnya, kesemua ahli keluarga bertanggungjawab menjaga ibu bapa tidak kira sama ada anak yang sudah berkahwin mahupun yang masih bujang. Walau bagaimanapun, dalam bab menyara terutama dalam aspek kewangan adalah mengikut kemampuan masing-masing.<sup>18</sup> Menyara ibu bapa sememangnya tanggungjawab anak, apatah lagi jika bapa sudah uzur dan tidak mampu menyara ibu, tetapi saraan itu adalah sekadar memenuhi keperluan asas ibu bapa dan bukan untuk memenuhi kehendak citarasa ibu bapa. Anak-anak mestilah tahu membezakan keperluan dan kehendak. Jika anak-anak mampu, bolehlah memenuhi kehendak ibu bapa dengan syarat kehendak mereka tidak bertentangan dengan syara". Saraan ke atas ibu bapa hendaklah tidak mengurangkan hak-hak orang-orang di bawah tanggungjawab penyara seperti hak anak-anak, hak suami atau hak isteri masing-masing. Perkahwinan seorang anak perempuan dengan seorang lelaki tidak menyebabkan terputusnya hubungan dengan ibu bapa dan tidak pula menghilangkan tanggungjawab anak kepada ibu bapa kerana perkahwinan adalah penambahan kepada tanggungjawab yang sedia ada, bukan pengurangan tanggungjawab untuk anak lelaki mahupun anak perempuan. Asasnya adalah prinsip menunaikan tanggungjawab mengikut kemampuan. Islam tidak menuntut seseorang

---

<sup>18</sup> *Ibid.*, 10:7352.

anak melakukan sesuatu lebih dari kemampuannya.<sup>19</sup> Bagi lelaki yang telah berkahwin, kebajikan ibu bapa mertua juga menjadi tanggungjawabnya kerana status ibu bapa mertua adalah sama dengan ibu bapa sendiri.

Al-Bir (berbuat baik) tidak berakhir dengan wafatnya kedua ibu bapa. Akan tetapi apabila meninggal dunia ibu bapa, berbuat baik serta melakukan kebajikan terhadap ibu bapa boleh diteruskan dengan cara mengirimkan doa untuk keduanya, memohon ampun, menepati janji serta nazar yang pernah diikrar oleh ibu bapa, memelihara hubungan silaturahmi dan memuliakan sahabat mereka.<sup>20</sup> Rasulullah SAW bersabda<sup>21</sup>:

رَضِبَ مِنْ نَأْءِ أَيْهَةٍ ، لَتُؤْتِيَنَّ بِعَبِيدٍ سَعِيدٍ لَكَ رُحْمٌ ، لِيَأْ : رَضِبَ لِلرَّبِّ عِدَّةٌ مَرَّةً  
 مَخَشٍ ، عٌ أَعْلَاءٍ ، عٌ تَلْدِيٍّ ، عٌ بِيٍّ شَيْخٍ : أَسْرَسُ فِي اللَّهِ صِرَّ اللَّهُ عَزِيزٌ نَسٌّ ، لِيَأْ :  
 "رَابَ دَ الْإِنْسِ أَمْطَعَ عٌ عٌ إِيَّا تَلَخَ ، إِيَّا صَلَخَ مَسِيحٍ ، أَعٌ يُؤْعِيٍّ ، أَعٌ  
 نَصِبٌ رِيذَعٌ"

Terjemahan: beritahu kami Yahya bin Ayyub dan Qutaibah Yu'na Ibn Said Ibn Hajar, berkata: beritahu kami Ismail bin Ja'far, dari al-,Ala, dari ayahnya, dari Abu Hurairah bahawa Rasulullah SAW bersabda: "apabila anak adam meninggal dunia, terputuslah semua amalan kecuali tiga, iaitu sedekah jariah, ilmu yang dimanfaatkan manusia, serta anak-anak soleh yang mendoakannya."

Hadis di atas menjelaskan tentang hak-hak menerima sedekah oleh orang yang meninggal dunia kerana pahala sedekah sampai kepada si mati dan memberi manfaat kepada si mati. Jika ibu bapa meninggalkan harta, maka anak-anak wajib menggantikan hutang ibu bapa sama ada telah di wasiatkan atau tidak. Hutang yang perlu diganti

<sup>19</sup> Ibid., 10:7353  
<sup>20</sup> Al-Ḥafiz Aḥmad bin ,Alī bin Hajar al-,Asqalanī, *Fathu al-Bārī bi Syarh Ṣaḥīḥ al-Bukharī* (Riyāḍh : Dār al-Ṭaiyyibah, 2011), 10:403-406.  
<sup>21</sup> Ḥadīṭh riwayat Muṣlīm, *Kitab al-Waṣiyyah*, Bāb Mā Yulḥaqu al-Insān Min al-Sawāb Ba'da Wafātihi, no. Ḥadīṭh 4223. Lihat Abū al-Ḥusayn Muṣlīm bin al-Ḥajjāj bin Muṣlīm, "Ṣaḥīḥ Muṣlīm," dalam *Mausū'at al-Ḥadīs al-Syarīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣalīh bin ,Abd al-,Azīz Āl al-Shayh (Riyāḍh: Dār al-Salām, 2000), 963.

adalah hutang dengan manusia, termasuk hutang dengan Allah SWT iaitu mengeluarkan zakat, mengerjakan haji, nazar, kifarah, dan menggantikan puasa.<sup>22</sup>

Dapat disimpulkan bahawa Islam memberi amaran keras terhadap mereka yang gagal melaksanakan hak-hak ibu bapa, menderhaka atau membiarkan ibu bapa yang sudah lanjut usianya menjalani kehidupan yang sukar dan menyedihkan. Apa yang nyata, berbakti kepada kedua ibu bapa, bersikap mulia serta menunaikan hak-hak terhadap mereka adalah di antara tugas yang wajib dilaksanakan oleh umat Islam. Apabila ibu bapa telah meninggal dunia, anak-anak mestilah menziarahi pusara, mendoakan kesejahteraan mereka, melunaskan hutang-hutang ibu bapa, melaksanakan nazar ibu bapa yang belum tertunai, mengqada puasa mereka yang tertinggal, dan menghubungkan silaturrahim dengan rakan taulan, sanak saudara ibu bapa. Jika ada anak yang berkemampuan dan ibu bapa mereka masih belum sempat menunaikan haji semasa hayat mereka, maka bolehlah menunaikan haji untuk kedua ibu bapa.

### **2.2.2 Wanita Sebagai Isteri**

Dalam membincangkan tentang peranan wanita terhadap keluarga pada zaman moden ini, perubahan telah berlaku pada peranan wanita sebagai isteri di dalam rumahtangga. Secara tradisionalnya peranan seorang isteri adalah mentadbir hal ehwal rumahtangga dan keluarga. Apabila timbulnya cara hidup baru serta faktor-faktor lain seperti kos sara hidup yang tinggi, maka menyebabkan berlakulah penambahan peranan dan tanggungjawab para isteri seperti dibenarkan isteri berkerja diluar rumah bagi membantu suami menampung kos sara hidup yang semakin meningkat.<sup>23</sup> Menjadi seorang isteri memerlukan banyak tanggungjawab yang perlu dilunaskan.

---

<sup>22</sup> Al-Nawāwī, *al-Minhāj Syarḥ Saḥīḥ Muslim bin al-Ḥajjāj*, 11:87.

<sup>23</sup>“Penulis tidak diketahui”, “Peranan Wanita Dalam Pembangunan. Sejauhmana Mereka Diperlukan Dalam Pembangunan Sesebuah Negara Hari Ini” (Kertas kerja, Seminar Pembangunan & Isu-Isu Globa, MTP 3012).

Tanggungjawab utama isteri terhadap suami adalah taat dan patuh.<sup>24</sup> Memiliki isteri yang solehah adalah bonus dan kekayaan yang terbesar buat seorang suami. Bagi mendapatkan keredhaan suaminya adalah dengan mentaati suaminya selagi mana suaminya tidak menyuruh berbuat maksiat. Bahkan wajib mentaati suami mendahului ibu bapa sendiri kerana ketaatan seorang isteri kepada suaminya adalah perintah Allah SWT.<sup>25</sup> Dalam hadis Baginda Rasulullah SAW ada menegaskan<sup>26</sup>

عَنْ تَلْحِي شَيْخٍ ، عَنِ الْحَجَّيِّ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ عَنِ عَدِيِّ بْنِ سُرَيْجٍ ، لَيْسَ لِي فِي دُنْيَا أَوْ فِي دُنْيَا لَأَزِيدُ ،  
لَأَنْتِ دُنْيَا لِحَاجِّ أَوْ رَسُو دُنْيَا لِحَبِّ

Terjemahan: daripada Abu Hurairah, nabi SAW bersabda: “Sekiranya aku boleh menyuruh seorang itu sujud kepada seorang yang lain, pastinya aku menyuruh isteri sujud kepada suaminya.”

Hadis di atas adalah berkaitan hak seorang suami yang perlu ditunaikan oleh isteri. Di gambarkan di dalam hadis ini sekiranya dibolehkan memerintah manusia untuk sujud selain daripada Allah, maka diperintahkan seorang isteri sujud kepada suaminya supaya mentaati suaminya dan tanda bersyukur. Seorang isteri tidak dikira menyempurnakan hak Allah sehinggalah dia (isteri) menyempurnakan hak suaminya. Allah menjadikan isteri sebagai penyejuk mata suami di dunia.<sup>27</sup>

Dalam hadis ini jelas menunjukkan baginda Rasulullah SAW memperlihatkan akan kedudukan suami yang sepatutnya dihormati, sekali gus tidak ingkar kepada perintahnya. Dalam maksudnya yang lain menggambarkan bahawa suami mesti dimuliakan.

<sup>24</sup> Riḍhā Bāk Najjād, *al-Wajīb al-Zawjiyyah Li al-Mar'ah Fi al-Islam* (Bayrut: Dar al-Hadi, 2001), 44.

<sup>25</sup> *Ibid.*, 44.

<sup>26</sup> Ḥadīth Riwayat āl-Tarmizdī, Kitāb āl-Riḍā, j. Bāb Mā Jāa Fī Ḥaqqi āl-Zaūji, Alā āl-Mar'āti, no. Ḥadīth 1159. Lihat Ābu Īsa Muḥammad bin Īsa bin Sawrah Ibn Mūsā al-Tarmizdī, “Jami” al-Tirmizdī,” dalam *Mausū'at āl-Ḥadīs āl-Syarīf: āl-Kutub āl-Sittah*, ed. Ṣalīh bin ‘Abd āl-‘Azīz Āl āl-Shayh (Riyād: Dār āl-Salām, 2000), 1765.

<sup>27</sup> Ābu al-‘Ulā Mūḥāmmāḍ ‘Abd al-Rahman Ibn ‘Abd al-Rahim al-Mubarakfuri, *Tuhf al-Ahwaz bi sharh jami” al-Tirmizdi*, 4:271-272.

Tanggungjawab isteri juga adalah menjaga maruah serta kehormatan dirinya semasa ketiadaan suaminya di rumah. Isteri tidak boleh membenarkan sesiapa pun masuk ke dalam rumah tanpa izin suami walaupun sanak saudara dan kenalan, apatah lagi orang yang tidak disukai oleh suaminya.<sup>28</sup> Firman Allah SWT:

الرِّجَالُ قَوَّامُونَ عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَّلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَى بَعْضٍ وَبِمَا أَنْفَقُوا مِنْ أَمْوَالِهِمْ ۚ فَالصَّالِحَاتُ قَنِينَاتٌ حَفِظْنَ لِلْغَيْبِ بِمَا حَفِظَ اللَّهُ ۗ وَالَّتِي تَخَافُونَ نُشُوزَهُنَّ فَعِظُوهُنَّ وَاهْجُرُوهُنَّ فِي الْمَضَاجِعِ وَاصْرَبُوهُنَّ ۗ فَإِنْ أَطَعْنَكُمْ فَلَا تَبْغُوا عَلَيْهِنَّ سَبِيلًا ۗ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا كَبِيرًا ﴿٣٤﴾

Al-Nisa“ 5:34

Terjemahan: kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang-orang perempuan, dan juga kerana orang-orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian dari harta mereka. maka perempuan-perempuan yang soleh itu ialah yang taat (kepada Allah dan suaminya), dan yang memelihara (kehormatan dirinya dan apa jua yang wajib dipelihara) ketika suami tidak hadir bersama, dengan pemeliharaan Allah dan pertolonganNya. dan perempuan-perempuan yang kamu bimbang melakukan perbuatan derhaka (nusyuz) hendaklah kamu menasihati mereka, dan (jika mereka berdegil) pulaukanlah mereka di tempat tidur, dan (kalau juga mereka masih degil) pukulalah mereka (dengan pukulan ringan yang bertujuan mengajarnya). kemudian jika mereka taat kepada kamu, maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkan mereka. Sesungguhnya Allah Maha tinggi, lagi Maha besar.

<sup>28</sup> Al-Ḥafiz Aḥmad bin ,Alī bin Hajar al-,Asqalanī, *Fathu al-Bārī bi Syarh Ṣaḥīḥ al-Bukharī*, 11: 628-629.



Al-Qurtubi<sup>29</sup> menyatakan ayat di atas selain daripada menjelaskan tentang kelebihan lelaki di dalam mentadbir, ayat di atas juga turut menjelaskan tentang adab-adab dan hak-hak kaum lelaki yang perlu dipelihara oleh kaum wanita.

Sesuatu perkara yang ingin dilakukan oleh isteri mestilah mendapat keizinan suami. Sebagai contoh apabila hendak keluar dari rumah, isteri mestilah meminta izin suami. Isteri tidak boleh berpuasa sunat apabila suami berada di rumah tanpa meminta izin. Larangan berpuasa dan berbuat sesuatu tanpa keizinan suami ini diwujudkan kerana dikhuatiri isteri tidak dapat melayan kemahuan suami dengan baik. Oleh sebab itu, meminta izin adalah sangat penting.<sup>30</sup> Menurut paradigma al-Nawawi kebahagiaan rumah tangga dapat dipenuhi jika tujuan asal pernikahan iaitu berjimak atau bersetubuh dilaksanakan oleh para isteri tidak kira dalam apa waktu dan tempat selagi isteri tidak berada dalam sakit, haid, dan nifas.<sup>31</sup> Tujuan ini jelas pada maksud perkataan nikah itu sendiri iaitu jimak (bersetubuh), manakala maksud nikah dari syara" adalah akad yang menyebabkan lelaki boleh menyetubuhi wanita.<sup>32</sup>

Sebagai isteri yang bertanggungjawab perlulah sentiasa membantu dan menjadi tulang belakang suami bagi meringankan bebanan yang digalas oleh suami. Contohnya seorang isteri dibolehkan berkerja atas keizinan suaminya untuk mempertingkatkan taraf hidup keluarga.<sup>33</sup> Walaupun di dalam Islam kaum lelaki yang memegang tanggungjawab mencari nafkah namun Islam menggalakkan isteri membantu suami melakukan pekerjaan yang memberikan manfaat dan menjamin keharmonian keluarga. Contoh terbaik yang boleh diambil dalam kisah Asma" binti Abu Bakar yang membantu

---

<sup>29</sup> Al-Qurtubi, *al-Jāmi' li Ahkām al-Qurān*, 3 : 153.

<sup>30</sup> Al-Hafiz Ahmad bin 'Alī bin Hajar al-Asqalani, *Fath al-Bārī bi Syarh Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 11: 628.

<sup>31</sup> Jasmi, K. A., Muhammad, A & Mohamed, A. K., Asas Kebahagiaan Rumahtangga Mengikut Paradigma al-Nawawi in Seminar Pembangunan Keluarga Kebangsaan 2004 at Main Hall, Faculty of Education, Universiti Malaya, on 29 September 2004.

<sup>32</sup> 'Abdul Karīm Zaidān, *al-Mufaṣṣal Fī Ahkām al-Mar'ah Wa al-Bayt al-Muslim* (Bayrut: Mu'assasat al-Risālah, 1993), 6: 11.

<sup>33</sup> *Ibid.*, 7: 284.

suaminya al-Zubāir bin al-Awwam dengan cara berkerja dalam bidang pertanian bagi meningkatkan pendapatan dan menyara keluarga mereka.<sup>34</sup> Firman Allah SWT:

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ

الْمُنْكَرِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَيُطِيعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ أُولَئِكَ

سَيَرْحَمُهُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٧١﴾

Al-Taubah 10 : 71

Terjemahan: Dan orang yang beriman lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong kepada setengah yang lain, dan mereka memberi zakat, serta taat kepada Allah dan Rasulnya.

Ibnu Kathir<sup>35</sup> menafsirkan ayat di atas Allah SWT menyebut dan membezakan sifat-sifat orang yang munafik yang buruk dan sifat-sifat orang mukmin yang baik iaitu orang mukmin yang baik adalah yang suka menolong dan berkerjasama umpama binaan yang bersatu sehingga kukuh dan umpama jasad yang satu.

Hal ini membuktikan Allah SWT menyukai mukmin yang saling membantu, maka seorang isteri yang baik mestilah membantu suami terutamanya ketika dalam kesusahan untuk mengekalkan keharmonian dan keutuhan rumah tangga.

Pengabdian isteri kepada suami dalam hal pengurusan rumah tangga tidak dapat dinafikan walaupun zaman telah berubah. Hal ini kerana pada zaman masyarakat Melayu tradisional lagi peranan wanita dalam mengurus dan mentadbir perihal rumah tangga tidak dapat disangkal, bahkan sejak kecil mereka diasuh dan dididik supaya pandai mengasuh, memasak, membasuh dan sebagainya. Isteri zaman modenisasi ini

<sup>34</sup> Ahmad Khalil Jam'ah, *70 Tokoh Wanita dalam Kehidupan Rasulullah* (Darul Falah, 2014), 254.

<sup>35</sup> Ibnu Kathīr, *Tafsīr al-Qurān al-ʿAzīm*, 4 : 174.

mempunyai kekangan masa dalam membantu suami kerana wanita kini ramai berkerja di luar rumah, akan tetapi tanggungjawab utama ini tidak boleh diketepikan sama sekali.

Isteri juga bertanggungjawab sebagai pembantu suami dalam mendidik anak-anak, dan menjadi pendorong serta mengingatkan suami sekiranya alpa dalam sesuatu perkara.<sup>36</sup> Sekiranya suami merancang sesuatu perkara akan tetapi gagal melakukannya atau putus asa kerana sifatnya tidak suka akan perkara yang memakan masa, maka disinilah tanggungjawab yang perlu dimainkan oleh isteri untuk menaikkan kembali semangat suami dengan memberi kata-kata ransangan, doa yang akhirnya suami dapat merealisasikan rancangannya. Jika perlu memberikan kritikan kepada suami, maka hendaklah diberikan kritikan yang membangun dan menunjukkan jalan yang membawa kepada kejayaan. Isteri perlulah bijak menangani masalah dan memahami sifat serta sikap suaminya.<sup>37</sup>

Sebahagian agama dan sistem menganggap wanita adalah najis dan menjijikkan yang harus dijauhi dan lebih baik hidup bersendirian daripada berkahwin dengan wanita. Sebahagian yang lain pula menganggap wanita adalah sebagai pemuas nafsu semata-mata. Maka datangnya Islam memartabatkan kaum wanita dengan menganjurkan pernikahan bagi menjaga maruah serta menunjukkan tanda-tanda kekuasaan Allah agar berasa tenang, tenteram dan bahagia dengan berkasih-sayang. Hikmah pernikahan dapat dilihat adalah bagi menjaga maruah seseorang dan menjaga keturunan. Pernikahan tidak menyebabkan isteri kehilangan hak di dalam jual beli serta muamalah. Isteri berhak menjual dan membeli, isteri berhak memberi upah, isteri juga berhak ke atas hartanya sendiri, mempunyai hak untuk bersedekah, dan sebagainya.<sup>38</sup>

---

<sup>36</sup> ,Abdul Karīm Zaidan, *al-Mufasssal Fī Āhkām al-Mar'āh Wa al-Baīt al-Muslim*, 7: 280.

<sup>37</sup> *Ibid.*, 7: 291.

<sup>38</sup> *Ibid.*, 5: 118.

### 2.2.3 Wanita Sebagai Ibu

Nikmat menjadi seorang ibu adalah anugerah yang tidak ternilai harganya, Sudah semestinya menjadi seorang ibu mempunyai tugas dan amanah yang berat tergalas di bahunya. Wanita yang menjadi ibu haruslah mempunyai daya tahan yang tinggi seperti sabar dengan kerenah anak-anak. Ibu juga mestilah sorang yang bersifat penyayang, cergas dan cepat dalam melakukan dan memikirkan sesuatu terutamanya dalam keadaan yang mencemaskan. Islam telah meletakkan martabat kaum wanita di tempat yang tinggi buktinya hak seorang ibu itu lebih kuat dari hak seorang ayah. Hal ini kerana beban yang sangat berat dipikul ketika hamil, menyusui, melahirkan, dan mendidik anak-anak. Allah SWT telah menegaskan:

وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَانَ بِوَالِدَيْهِ حَمَلَتْهُ أُمُّهُ وَهَنًا عَلًى وَهَنٍ وَفَصَّلَتْهُ فِي عَامَيْنِ أَنِ

أَشْكُرْ لِي وَلِوَالِدَيْكَ إِلَى الْمَصِيرِ ﴿١٤﴾

Luqman 21:14

Terjemahan: dan kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya, ibunya yang telah mengandungkannya dalam keadaan lemah yang bertambah-tambah (dari awal mengandung hingga akhir menyusunya) dan tempoh menceraikan susunya dalam masa dua tahun, (dengan yang demikian) bersyukurlah kepada-Ku dan kepada kedua ibu bapamu serta kepada Aku jua tempat kembali.

Al-Qurṭubī<sup>39</sup> menyatakan Allah SWT mewasiatkan kepada manusia supaya beribadah dan menyembah Allah SWT sahaja (tidak mempersekutukan Allah) serta diwasiatkan kepada manusia agar berbakti kepada ibu bapa sebagai balasan kebajikan yang telah ibu bapa lakukan iaitu mengandung selama 9 bulan, menyusui selama dua tahun, penat lelah

<sup>39</sup> Al-Qurṭubī, *al-Jāmi' li Ahkām al-Qurān*, 6: 336.

mendidik serta menjaga siang dan malam. Oleh itu, Allah memerintahkan anak-anak membalas jasa ibu bapa dengan cara berbuat kebaikan kepada mereka.

Hal ini jelas membuktikan Islam mengangkat martabat wanita sebagai ibu dengan cara dihormati, dihargai, didahulukan daripada urusan-urusan lain oleh anak-anaknya.

Allah SWT menciptakan wanita dengan fitrahnya berkasih sayang terutamanya kasih terhadap kanak-kanak agar wanita dapat melahirkan keturunan yang ramai. Akan tetapi tidak semua wanita mempunyai peluang untuk merasai nikmat mengandung dan melahirkan. Bagi wanita yang berpeluang mengandung pula, setelah anak dilahirkan ibu bolehlah menyusukan anak tersebut atas ihsan dan fitrahnya yang penyayang. Islam menganjurkan supaya para ibu menyusui anaknya dengan susu badannya selama dua tahun. Jika ibu tidak mahu menyusukan anaknya, maka suami tidak boleh memaksanya kerana menyusui si anak bukanlah kewajiban baginya. Akan tetapi mestilah mencari alternatif lain seperti memberi minum susu formula atau mencari ibu susuan.<sup>40</sup> Firman Allah SWT:

﴿ وَالْوَالِدَاتُ يُرْضِعْنَ أَوْلَادَهُنَّ حَوْلَيْنِ كَامِلَيْنِ لِمَنْ أَرَادَ أَنْ يُنْمِ الرِّضَاعَةَ وَعَلَى الْمَوْلُودِ لَهُ رِزْقُهُنَّ وَكِسْوَتُهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ لَا تُكَلَّفُ نَفْسٌ إِلَّا وُسْعَهَا لَا تُضَارَّ وَالِدَةٌ بِوَالِدِهَا وَلَا مَوْلُودٌ لَهُ بِوَالِدِهِ ۗ وَعَلَى الْوَارِثِ مِثْلُ ذَلِكَ ۗ فَإِنْ أَرَادَا فِصَالًا عَنْ تَرَاضٍ مِّنْهُمَا وَتَشَاوُرٍ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا ۗ وَإِنْ أَرَدْتُمْ أَنْ تَسْتَرْضِعُوا أَوْلَادَكُمْ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ إِذَا سَلَّمْتُمْ مَا آتَيْتُم بِالْمَعْرُوفِ ۗ وَاتَّقُوا اللَّهَ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ بِمَا

تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿٣٨﴾

<sup>40</sup> Ibnu Kaṭhīr, *Tafsīr al-Qurān al-ʿAẓīm*, 1 : 637.

Terjemahan: dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap, iaitu bagi orang yang hendak menyempurnakan penyusuan itu dan kewajipan bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya. Tidaklah diberatkan seseorang melainkan menurut kemampuannya. Janganlah menjadikan seseorang ibu itu menderita kerana anaknya dan (jangan juga menjadikan) seseorang bapa itu menderita kerana anaknya dan waris juga menanggung kewajipan tersebut (jika si bapa tiada). Kemudian jika kedua-duanya (suami isteri) mahu menghentikan penyusuan itu dengan persetujuan (yang telah dicapai oleh) mereka sesudah berunding, maka mereka berdua tidaklah salah (melakukannya). Dan jika kamu hendak beri anak-anak kamu menyusu dengan orang lain, maka tidak ada salahnya bagi kamu apabila kamu serahkan (upah) yang kamu mahu beri itu dengan cara yang patut. Bertakwalah kamu kepada Allah, serta ketahuilah bahawa Allah sentiasa melihat akan apa jua yang kamu lakukan.

Ibnu Kathir<sup>41</sup> pula menjelaskan bahawa tempoh penyusuan adalah selama 2 tahun. Jika ibu tidak berkemampuan menyusukan sehingga tempoh itu, maka dimaafkan. Jika ibu mengalami keuzuran dan bersepakat dengan suami untuk menyerahkan anak kepada ibu susuan maka dibolehkan dan hendaklah bapa membayar upah kepada ibu susuan anaknya.

Tidak haram bagi ibu yang tidak menyusukan anak disebabkan anak tidak mahu menyusu, dan disebabkan bapa kepada anak mati dan anak tersebut tidak mempunyai harta untuk diwarisi.<sup>42</sup> Tempoh penyusuan melebihi 2 tahun pula dibolehkan untuk memberi ruang anak menyesuaikan diri kerana kebiasaannya anak tidak akan berhenti

---

<sup>41</sup> *Ibid.*, 1: 639

<sup>42</sup> Al-Qurtubī, *al-Jāmi' li Ahkām al-Qurān*, 2: 138.

menyusu secara mengejut akan tetapi anak berhenti seketika sahaja dan memerlukan waktu untuk berhenti sedikit demi sedikit.<sup>43</sup>

Susu ibu adalah makanan yang paling bagus untuk bayi kerana susu ibu mengandungi semua nutrisi yang diperlukan oleh bayi.<sup>44</sup> Antara kelebihan memberi susu badan supaya keakraban dan kasih sayang antara ibu dan anak utuh, dan daya ketahanan diri anak juga tinggi. Malangnya kebanyakan wanita (ibu) zaman kini yang berkerjaya menyusukan anak-anak mereka hanya pada tempoh yang singkat berbanding ibu-ibu yang bergelar suri rumah. Hasil kajian Subiyanto<sup>45</sup> mendapati rata-rata ibu yang berkerja hanya menyusukan anak-anak mereka dari lahir sehingga 7 dan 8 bulan sahaja, manakala ibu yang tidak berkerja rata-rata menyusu sehingga 16 bulan. Ini membuktikan walaupun penyusuan ke atas anak-anak bukanlah wajib ke atas ibunya, akan tetapi seorang wanita yang bergelar ibu dan berkerjaya sanggup menyusukan anaknya walaupun menghadapi kekangan masa dan keletihan. Di Malaysia pula kajian mendapati sebanyak 15% ibu-ibu yang menyusukan bayi mereka secara eksklusif<sup>46</sup> (*full breastfeed*) selama enam bulan pertama sahaja kerana mereka mempunyai cabaran-cabaran seperti berkerja, kurang sokongan keluarga, rasa tidak selesa menyusukan bayi ditempat awam, dan berasa membuang masa menghabiskan masa yang lama mengepam walhal hasil perahan susu sedikit.<sup>47</sup> Manakala Menteri Kebajikan Wanita dan Kesejahteraan Komuniti Sibui, Sarawak berkata<sup>48</sup> sebanyak 30% ibu-ibu di Sibui berjaya

---

<sup>43</sup> Al-Hafiz Ahmad bin ,Alī bin Hajar al-,Asqalanī, *Fathu al-Bārī bi Syarh Ṣaḥīḥ al-Bukharī*, 11: 383.

<sup>44</sup> Hapsah Mohd Dusa, Omar Mihat, Mariam Abd. Manaf, “Kajian Pengetahuan, Sikap, Dan Amalan Berkenaan Penyusuan Susu Ibu Secara Eksklusif Di Kalangan Ibu-Ibu Hamil Yang Mendapatkan Pemeriksaan Ante-Natal Di Klinik Kesihatan Seremban,” *Jurnal Kesihatan Masyarakat* 8 (2002), 67.

<sup>45</sup> Subiyanto, “Pengaruh Berkerja Dan Jenis Perkerjaan Terhadap Pola Penyusuan Ibu-Ibu Di Kotamadya Surakarta” (Yogyakarta : Universitas Gadjah Mada, 1989).

<sup>46</sup> Eklusif bermaksud hanya susu ibu saja, tanpa bantuan susu formula, air kosong dan makanan lain.

<sup>47</sup> Poh Bee Koon, “Menjayakan Penyusuan Susu Ibu Secara Eklusif Selama Enam Bulan”, laman sesawang Positive Parenting, dicapai 5 Ogos 2017, <https://mypositiveparenting.org/ms/2016/03/28/menjayakan-penyusuan-susu-ibu-secara-ekklusif-selama-6-bulan/>

<sup>48</sup> Fatimah Abdullah, “Sarawak Yakin Capai Sasaran Lima Pulu Peratus Amalan Penyusuan Susu Ibu”, laman sesawang Astro Awani, dicapai 5 Ogos 2017, <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/sarawak-yakin-capai-sasaran-50-peratus-amalan-penyusuan-susu-ibu-117584>

menyahun saranan menyusukan anak dalam tempoh enam bulan hingga tujuh belas bulan. Ini menunjukkan sifat seorang wanita adalah penyayang dan bertanggungjawab terhadap anak-anaknya.

Selain itu pemberian makanan mempunyai pengaruh yang kuat pada bentuk pendidikan anak dari segi pembentukan jasmani dan dari segi jiwa serta emosi. Air susu ibu adalah makanan sempurna yang mempunyai kandungan gizi yang terbaik. Setelah anak-anak membesar dan boleh makan makanan yang keras, maka perlulah diberikan makanan yang baik serta halal.<sup>49</sup>

Jika anak-anak jatuh sakit, menjadi kewajiban ke atas ibu merawat anaknya sehingga sembuh dari penyakitnya. Bagi mencegah sebarang penyakit kepada anak, ibu perlulah mengajar anaknya cara-cara menjaga kebersihan diri seperti menggosok gigi, memotong kuku, memakai kasut ketika keluar rumah, dan sebagainya.<sup>50</sup>

Ibu memberikan pengaruh terbesar dalam diri anak-anak. Disebabkan itulah terdapat pepatah arab yang menyebut “ibu adalah sekolah pertama bagi anak-anak”. Seorang ibu mestilah berjiwa kental sentiasa mendukung kebenaran dan tidak menghalangi anak-anak untuk berjihad seperti mana kisah seorang ibu bernama Khansa yang telah mendorong keempat-empat orang anaknya menyertai perang Qadisiyah. Selain itu, mendorong anak-anak supaya rajin belajar dengan pelbagai cara yang boleh digunakan antaranya menceritakan sebab dan akibat jika tidak rajin belajar, menyertakan contoh-contoh jika tidak mahu belajar dengan bersungguh-sungguh, memberikan hadiah sekiranya anak-anak cemerlang dan berjaya, jika anak-anak gagal pula jangan mematahkan semangat mereka dengan memarahi atau memaki, merotan mereka, sebaliknya pujuklah dan berilah kata-kata semangat agar terus berusaha.<sup>51</sup>

---

<sup>49</sup> Hapsah Mohd Dusa, Omar Mihat, Mariam Abd. Manaf, “Kajian Pengetahuan, Sikap, Dan Amalan Berkenaan Penyusuan Susu Ibu Secara Eksklusif Di Kalangan Ibu-Ibu Hamil Yang Mendapatkan Pemeriksaan Ante-Natal Di Klinik Kesihatan Seremban,” *Jurnal Kesihatan Masyarakat* 8 (2002), 67.

<sup>50</sup> Muḥammad Nūr bin ,Abd Ḥafīz Suwaid, *Manḥāj Tarbiyah Nabawiyah Lil Ṭifli*, 10.

<sup>51</sup> *Ibid.*, 45.



Selepas mengandung, melahirkan, dan menyusu, fasa seterusnya tanggungjawab seorang wanita yang bergelar ibu adalah menjaga dan mendidik anak-anak. Fasa ini merupakan fasa yang paling mencabar dan memerlukan kesabaran yang tinggi dan kaedah-kaedah yang betul dalam mendidik. Perkara utama dan penting yang mesti dilakukan oleh seorang ibu adalah mendidik anak-anak mengenal Allah dan taat kepadaNya kerana setiap anak dilahirkan dalam keadaan fitrah, bersih seperti kain putih, ibu bapalah yang mencorakkannya sama ada menjadikannya Yahudi, Majusi, atau Nasrani.<sup>52</sup> Ibadah yang paling utama adalah memiliki ilmu tentang Allah kerana iman adalah penggerak semua amalan baik. Caranya adalah dengan mengajar dan mengajak anak-anak bersolat.<sup>53</sup> Segala perkara yang berkaitan dengan solat seperti berwuduk, bacaan dalam solat, doa dan sebagainya mestilah di ajar sejak kecil lagi. Ibadah solat yang diterapkan ke dalam diri anak-anak akan melahirkan anak-anak yang berdisiplin, menjaga kebersihan diri, pakaian, dan tempat. Solat adalah asas kepada kekuatan jasmani dan rohani. Rasulullah SAW juga memerintahkan ibu bapa menyuruh anak-anak yang sudah mencapai umur tujuh tahun agar bersolat dan memukul mereka sekiranya mereka enggan bersolat ketika mencapai umur sepuluh tahun.<sup>54</sup>

Sifat seorang ibu yang perlu ada dalam mendidik anak-anak adalah sifat yang tegas. Jika salah mendidik maka rosaklah anak-anak. Mendidik anak-anak dengan cara menanam sifat malu dan kemuliaan untuk menjaga kehormatan diri mereka mesti dimulakan sejak mereka kecil, bak kata perpatih melayu “melentur buluh biarlah dari rebungnya.”

---

<sup>52</sup> *Ibid.*, 4.

<sup>53</sup> Ābū Muḥammad al-Ḥasan bin ‚Alī bin al-Ḥusīn bin Shu‘ba al-Harran, *Tuhaf al-Uqūl ‚an Alī Rasūl* (t.tp: Anṣarian, 2000), 383.

<sup>54</sup> Ābū Ṭaiyyib Muhammad Syam al-Haq, „*Āin al-Ma‘but Syarh Sunan Abī Daūd* (al-Riyad: Maktabah al-Ma,arif, 2009), 7: 315.

Menurut Laporan Pertama dalam kertas kerja bertajuk “Penjagaan Anak”,<sup>55</sup> Suruhanjaya Undang-Undang di England menyuarakan kebimbangan tentang penggunaan konsep hak dan autoriti ibu bapa kerana bukan menunjukkan tanggungjawab yang dipegang oleh ibu bapa terhadap anak-anak. Oleh itu suruhanjaya mencadangkan dan memperkenalkan konsep tanggungjawab. Antara perkara-perkara yang berkaitan dengan konsep itu adalah tanggungjawab ibu bapa terhadap anak iaitu<sup>56</sup>:

- 1) Mengadakan rumah untuk anak
- 2) Menentukan dan mengadakan pelajaran untuk anak
- 3) Mempersetujui perkahwinan anak
- 4) Mempersetujui anak menjalani pemeriksaan kesihatan
- 5) Mentadbir harta anak
- 6) Melindungi dan menyara anak
- 7) Mewakili anak dalam tindakan undang-undang
- 8) Mengebumikan atau membakar anak yang telah meninggal dunia.

Perbezaan antara konsep tanggungjawab yang diperkenalkan oleh barat dengan hukum Islam adalah kesemua tanggungjawab yang disenaraikan merupakan hukum yang telah ditetapkan oleh Islam iaitu nafkah seorang suami serta bapa yang wajib diberikan kepada isteri dan anak-anaknya.<sup>57</sup> Hukum nafkah telah ditetapkan Allah sebelum barat memperkenalkan konsep tanggungjawab ibu bapa terhadap anak-anak.

Menurut pandangan barat, pelajaran wajib diberikan kepada anak-anak, namun bentuk pelajaran yang hendak diberikan bergantung bulat kepada ibu bapa untuk menentukannya. Ibu bapa juga boleh membesarkan anak-anak mengikut agama pilihan mereka atau memilih untuk tidak beragama langsung bagi anak-anak mereka. Dari segi

---

<sup>55</sup> Law Com Working Paper No. 96 Custody (1986) para 7.16 and Law Com Report No. 118 on Illegitimacy (1982) at para 4.18.

<sup>56</sup> Bainham, A. dan Cretney, S., “Children- The Modern Law” (1993)

<sup>57</sup> Wahbah al-Zuhaili, *al-Fiqh al-Islāmi Wa Adillatuhu*, 10: 7411-7414.

perubatan pula, ibu bapa yang menentukan sama ada anak menerima imunisasi tertentu atau menerima rawatan terhadap penyakit tertentu.<sup>58</sup>

Pandangan ini pula sedikit bercanggah dengan hukum Islam kerana pelajaran adalah didikan dan berkait dengan agama. Dalam Islam ibu bapa wajib mendidik anak dengan ajaran Islam dan tidak boleh membenarkan anak-anak memilih agamanya sendiri. Tiada pilihan dan kompromi dalam beragama.

Islam amat prihatin tentang perasaan seorang wanita yang bergelar ibu serta hak-haknya. Jika seorang wanita diceraikan oleh suaminya, wanita itu lebih layak dan lebih berhak menjaga anak-anaknya kerana menurut Islam hak penjagaan anak diberikan kepada ibunya sehingga anak itu mencapai usia baligh barulah anak itu diberi pilihan sama ada ingin dipelihara oleh ibunya atau bapanya.<sup>59</sup> Diyakini bahawa setiap hukum yang ditetapkan oleh Islam terdapat hikmah yang tertentu.

---

<sup>58</sup> B. M. Dickens, "The Modern Function and Limits of Parental Right" (1987) 46.

<sup>59</sup> Al-Qurṭubī, *al-Jāmi' li Ahkām al-Qurān*, 2: 141.

## 2.3 KESIMPULAN

Wanita diletakkan tinggi martabatnya di sisi Allah dan di kaca mata Islam. Masyarakat zaman kini juga telah celik dalam menilai dan menghargai jasa serta sumbangan wanita khususnya dalam keluarga. Wanita tidak lagi didiskriminasikan oleh keluarga dan masyarakat. Imej-imej dan tanggungjawab seperti ini akan membawa kepada perubahan peranan wanita itu sendiri, di mana ia dilihat memainkan peranan yang besar dalam institusi kekeluargaan. Bahkan kadangkala wanita yakni anak perempuan menjadi tonggak utama kebergantungan keluarga terutamanya dalam kewangan dan penjagaan. Sebanyak 15.3 juta daripada 31.7 penduduk Malaysia terdiri daripada wanita.<sup>60</sup> Sumbangan mereka sama ada sebagai isteri, ibu, anak mahupun sebagai pekerja yang mempunyai gaji di dalam pembangunan bangsa dan negara adalah amat penting. Mereka bukan sahaja memainkan peranan utama di dalam pembentukan generasi akan datang malah merupakan sumber ekonomi yang penting. Buat masa ini, mereka merupakan satu pertiga daripada jumlah tenaga buruh. Dari segi penyertaan buruh, penyertaan wanita meningkat dari 54.1 peratus dalam tahun 2015 kepada 54.3 peratus dalam tahun 2016.<sup>61</sup> Guna tenaga wanita juga telah bertambah dengan banyaknya di dalam sektor pembuatan terutamanya dalam sektor tekstail dan elektronik. Di sektor perkhidmatan seperti perkhidmatan masyarakat, sosial, persendirian serta sektor awam, penyertaan wanita juga kian meningkat.<sup>62</sup> Sumbangan wanita di sektor luar bandar dan pertanian juga penting. Ini membuktikan bahawa tugas dan tanggungjawab yang di pikul oleh wanita zaman kini semakin bertambah. Meskipun wanita yang bergelar anak, isteri, mahupun ibu dan dalam waktu yang sama dia bekerja, namun jelas membuktikan peranan wanita dalam institusi kekeluargaan sangat penting

---

<sup>60</sup> Arman Zaini, "31.7 Juta Jumlah Penduduk Malaysia Tahun 2016", laman sesawang *Malaysian Access*, dicapai 8 Disember 2016, <https://malaysianaccess.com/31-7-juta-jumlah-penduduk-malaysia-tahun-2016/>

<sup>61</sup> "Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh, Malaysia, 2016," Jabatan Perangkaan Malaysia, 28 April 2017, 2.

<sup>62</sup> <http://www.ipislam.edu.my/index.php/artikel/read/322/17:-DASAR-WANITA>

kerana wanita tetap perlu menjalankan tanggungjawabnya walaupun berkerja. Ibu dan bapa adalah “asal” manakala anak-anak pula adalah “cabang”, maka hubungan ini melahirkan pelbagai hak dan tanggungjawab antara satu sama lain. Oleh itu, wanita tidak boleh melepaskan tanggungjawabnya begitu sahaja dan perlu bersikap adil dalam memainkan peranan sebagai seorang anak, isteri, mahupun ibu. Adil bermaksud meletakkan sesuatu pada tempatnya dan bukanlah bermaksud memberi sama rata.

University of Malaya

## BAB 3

### HUKUM WANITA KELUAR BERKERJA

#### 3.1 PENDAHULUAN

Telah banyak penulisan yang membicarakan tentang hak-hak asasi kaum wanita antaranya hak mendapat pendidikan, hak dalam berpolitik, hak dalam kepemimpinan, dan sebagainya. Hak wanita yang dikupas oleh pengkaji dalam bab ketiga ini meliputi hak kaum wanita dalam kepemimpinan khususnya dalam berkerja di luar rumah. Bab ini membincangkan secara terperinci pandangan fuqaha<sup>1</sup> tentang hukum wanita keluar bekerja dan membuat kesimpulan secara ringkas hasil pandangan-pandangan ulama<sup>2</sup>. Sesetengah pandangan ulama membolehkan wanita berkerja, maka bab ini akan memperincikan syarat-syarat membolehkan wanita keluar mencari rezeki.

Definisi operasional berkerja dalam kajian ini adalah pekerjaan yang dilakukan oleh wanita di dalam atau di luar rumah untuk memperoleh pendapatan atau gaji.

Proses modenisasi dan urbanisasi merupakan faktor utama perubahan status dan peranan kaum wanita dalam keluarga, masyarakat, dan ekonomi serta politik negara. Salah satu kesannya, lebih ramai kaum wanita yang terlibat dalam pekerjaan di luar rumah. Statistik tenaga buruh wanita dari tahun 2015 hingga 2016 meningkat sebanyak 0.2% dari 54.1 pada tahun 2015 kepada 54.3 pada tahun 2016.<sup>1</sup> Peluang-peluang pekerjaan yang wujud setelah berlaku proses modenisasi dan urbanisasi ini telah memindahkan peranan wanita dari ruang domestik ke ruang awam. Hal ini dapat dilihat apabila wanita masa kini telah memegang pelbagai jawatan dalam setiap sektor.

Keadaan ini juga berlaku kerana tenaga wanita diperlukan bagi menampung keperluan tenaga kerja di pasaran buruh. Oleh itu tenaga wanita mula digunakan dari

---

<sup>1</sup> "Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh, Malaysia, 2016," Jabatan Perangkaan Malaysia, 28 April 2017, 2.

ruang rumah ke ruang pekerjaan yang terasing daripada rumah tangga di mana suatu ketika dahulu menjadi dunia kepada wanita.

Perubahan yang berlaku pada wanita masa kini tidaklah mengurangkan atau mengubah peranan serta tanggungjawab mereka dalam bidang domestik. Bahkan menurut Yarrow, apabila wanita keluar bekerja, wanita itu boleh meningkatkan taraf diri dan nilai mereka di mata masyarakat.<sup>2</sup> Penjelasan ini membuktikan bahawa pekerjaan boleh membawa kepada perubahan pandangan individu serta masyarakat terhadap seseorang. Jika wanita hanya duduk diam berpeluk tubuh pada takuk yang lama dan tidak keluar dari ruang lingkup pekerjaan tabi'i maka taraf hidupnya tidak akan berubah. Ramai dalam kalangan wanita masa kini mempunyai taraf pendidikan yang tinggi menyebabkan walaupun wanita-wanita ini sudah bergelar isteri dan ibu, mereka masih berkeinginan untuk keluar berkerja Hasil pengajian wanita di pusat-pusat pengajian tinggi di anggap sia-sia sahaja sekiranya wanita tidak keluar berkerja untuk mengasah kemahiran dan bakat mereka.

Menurut Susan dan Lieslie, faktor pengangguran di kalangan lelaki yang semakin meningkat menyebabkan wanita keluar berkerja.<sup>3</sup> Keadaan ini juga telah banyak berlaku di Malaysia dan amat membimbangkan kerana jika wanita yang keluar berkerja manakala lelaki menjadi "*house husband*" maka akan menimbulkan banyak masalah seperti isu nafkah, isu kerosakan akhlak anak-anak dan remaja, isu kepincangan di dalam rumah tangga, "*queen control*", dan sebagainya.

Gerakan feminisme<sup>4</sup> pula telah membuat beberapa kajian serta ideologi berkaitan wanita yang disebut sebagai "formalisme wanita dalam ilmu pengetahuan". Antara teori yang diperjuangkan oleh mereka adalah penolakan dualisme yang

---

<sup>2</sup> Yarrow, M.R., *Maternal Employment and Child Rearion*, (Canada: t.p, 1991), 223.

<sup>3</sup> Susan Crompton and Lieslie Geran, "*Women As Main Wage Earners*," *Jurnal Perspectives* 3, no. 1 (2010), 26-27.

<sup>4</sup> Merupakan gerakan penyebaran pemikiran sosial yang radikal dikalangan kaum terpelajar barat, khususnya pemuda dalam menyebarkan ideologi pembebasan wanita kepada feminisme. Ia berkembang pada abad kedua puluh.

menguasai pemikiran barat khususnya dualisme dalam “kelas bawahan” dan “kelas atasan” serta golongan ini mengkritik pembahagian kerja sosial yang berasaskan jantina.<sup>5</sup> Jelaslah di sini bahawa bagi golongan feminisme, wanita mempunyai hak untuk berkerja dan wanita juga boleh berkerja dalam sektor yang dimonopoli kaum lelaki seperti menjadi juruterbang, buruh, kontraktor dan sebagainya.

---

<sup>5</sup> Hilary Rosel, “*Women’s Work-Womenn’s Knowledge*,” dalam Mitchell dan Oakley (Oxford: Smith Road Oxford, 2014), 179.



### 3.2 PANDANGAN FUQAHA' TENTANG WANITA BERKERJA

Terdapat khilaf fuqaha" dalam isu wanita keluar rumah untuk berkerja dan menjawat jawatan-jawatan tertentu. Pada zaman ini, telah ramai wanita yang berkerja sama ada berkerja sendiri atau berkerja dalam sektor awam dan swasta. Wanita-wanita ini mempunyai alasan yang tersendiri mengapa mereka keluar berkerja. Hampir semua lapangan pekerjaan diceburi oleh wanita termasuk pekerjaan yang mencabar seperti pegawai tentera, penyiasat, pilot kapal terbang serta jet, polis, duta, menteri dan lain-lain. Oleh itu masyarakat tertarik untuk mengetahui pandangan sebenar Islam mengenai isu berkaitan wanita berkerja.

Terdapat pandangan ulama" klasik dan pandangan ulama" kontemporari mengenai isu wanita keluar berkerja. Secara umumnya ulama"-ulama" klasikal mengharuskan wanita berkerja dan menjawat apa jua jawatan termasuk urusan kepimpinan dan urusan seluruh umat manusia (al-imamah al-kubra). Antara dalil yang dipegang oleh golongan ini adalah:

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ

الْمُنْكَرِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَيُطِيعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ أُولَئِكَ

سَيَرْحَمُهُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٧١﴾

Al-Taubah 10:71

Terjemahan: dan orang-orang yang beriman lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain, mereka menyuruh berbuat kebaikan dan melarang daripada berbuat kejahatan, dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta taat kepada Allah dan rasulNya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah, sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.

Al-Qurtubi<sup>6</sup> menyatakan ayat ini berkenaan hati manusia yang pelbagai, maka dalam meletakkan keputusan perlulah bersepakat. Dalam ayat ini Allah SWT memerintahkan supaya manusia sama-sama menyeru ke arah kebaikan dan mencegah kemungkaran.

Ayat ini juga menjelaskan prinsip pertolongan di antara kaum lelaki dan kaum wanita adalah pertolongan yang merangkumi aspek persaudaraan, kasih-sayang, kerjasama, tolong menolong ketika peperangan, dan dalam arena politik termasuklah segala jawatan kepimpinan negara.<sup>7</sup>

Nabi Muhammad SAW juga pernah memperakui perlantikan wanita menerajui jawatan berkaitan kepentingan umum zamannya iaitu Samra<sup>8</sup> binti Nuhik al-Asadiyyah yang dilantik menjadi pengurus hisbah. Perakuan Rasulullah SAW dikira sebagai satu sunnah yang boleh diamalkan.<sup>8</sup>

Terdapat segelintir ulama<sup>9</sup> klasikal seperti al-Imam Abu Hanifah al-Nu<sup>10</sup>man, Ibnu al-Qasim al-Maliki, dan Ibnu Hazm al-Zahiri yang berpandangan harus bagi kaum wanita keluar berkerja dan menjawat kesemua jenis jawatan kecuali kepimpinan bagi seluruh umat Islam (al-imamah al-uzma), dan tugas-tugas penting dalam negara. Ulama<sup>11</sup> terkini yang berpegang pada pandangan golongan klasikal ini adalah Dr. Mustafa al-Siba<sup>12</sup>‘i.

Antara dalil yang dipegang oleh golongan ini adalah:

الرِّجَالُ قَوَّامُونَ عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَّلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَى بَعْضٍ وَبِمَا أَنْفَقُوا

مِنْ أَمْوَالِهِمْ ۗ فَالصَّالِحَاتُ قَانِتَاتٌ حَافِظَاتٌ لِّلْغَيْبِ بِمَا حَفِظَ اللَّهُ ۗ وَالَّتِي

<sup>6</sup> Āl-Qurtubī, Ābū ‘Abdullāh Muḥammad bin Āhmad āl-Ānṣarī, *āl-Jāmi‘ li Āḥkām āl-Qurān*, (Kāherah : Dār āl-Ḥadīth, 2010), 4 : 529.

<sup>7</sup> Basri bin Ibrahim al-Hasani al-Azhari, *āl-Fiqh āl-Muqaran li āl-Qadāyā āl-Mukhtārah fī āl-Fiqh : Fiqh Perbandingan Pada Isu-Isu Fiqh Terpilih*, dirumikan oleh Noraine Abu, (Jakarta, al-Hidayah, 2007), 216.

<sup>8</sup> *Ibid.*, 219.

تَخَافُونَ نُشُوزَهُمْ فَعِظُوهُمْ ۖ وَاهْجُرُوهُمْ فِي الْمَضَاجِعِ وَأَضْرِبُوهُمْ ۖ فَإِن

أَطَعْتَكُمْ فَلَا تَبْغُوا عَلَيْهِنَّ سَبِيلًا ۗ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا كَبِيرًا ﴿٣٤﴾

Al-Nisa 5:34

Terjemahan: kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang-orang perempuan, dan juga kerana orang-orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian dari harta mereka. Maka perempuan-perempuan yang soleh itu ialah yang taat (kepada Allah dan suaminya), dan yang memelihara (kehormatan dirinya dan apa jua yang wajib dipelihara) ketika suami tidak hadir bersama, dengan pemeliharaan Allah dan pertolonganNya. Dan perempuan-perempuan yang kamu bimbang melakukan perbuatan derhaka (nusyuz) hendaklah kamu menasihati mereka, dan (jika mereka berdegil) pulaukanlah mereka di tempat tidur, dan (kalau juga mereka masih degil) pukulah mereka (dengan pukulan ringan yang bertujuan mengajarnya). Kemudian jika mereka taat kepada kamu, maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi, lagi Maha Besar.

Al-Mawardi<sup>9</sup> menjelaskan ayat di atas dikhususkan kepada kaum lelaki sahaja bagi menjawat jawatan-jawatan tertinggi di dalam negara kerana kaum lelaki memiliki kelebihan sifat kepimpinan.

Al-Razi<sup>10</sup> menyatakan kaum lelaki mempunyai lebih banyak kelebihan dalam aspek kepimpinan berbanding kaum wanita. Antaranya kelebihan pada sifat hakiki iaitu ilmu dan kemampuan. Tidak diragui kaum lelaki mempunyai pemikiran yang lebih meluas

9 Āl-Mawardī, Imām Ābī al-Ḥasan 'Alī Muḥammad bin Ḥabīb al-Mawardī al-Basrī, *al-Āhkām al-Sultāniyyah Wa al-Wilāyat al-Diniyyah*, (Baghdād : Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, t.t), 107.

<sup>10</sup> Al-Razī, Fakhrudīn Muḥammad bin Umar, *al-Tafsīr al-Kabīr*, (Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyah, t.t), 10:70.

dan berkemampuan melakukan kerja-kerja berat, dan melakukan kerja lebih sempurna dari wanita.

Ayat 34 surah al-Nisa" sebenarnya berkaitan dengan kehidupan kekeluargaan dan tidak mempunyai kaitan dengan jawatan tinggi di dalam negara.

Al-Tabari<sup>11</sup> menyatakan kaum lelaki adalah ketua keluarga kerana suami membayar mahar dan perbelanjaan untuk isteri dan boleh mendidik isteri disebabkan kelebihan-kelebihan yang ada padanya iaitu banyak akal dalam memimpin dan kuat fizikal.

Al-Qurtubi<sup>12</sup> menyatakan ulama" memahami ayat ini apabila seseorang suami gagal menyediakan nafkah dan perlindungan kepada isterinya, maka suami tidak berhak menjadi ketua di dalam rumah tangga dan akad perkahwinan boleh difasakhkan kerana objektif perkahwinan tidak lagi wujud. Mazhab Malik dan al-Syafie berpandangan bahawa perkahwinan akad terfasakh, manakala Abu Hanifah berpandangan perkahwinan itu tidak terfasakh jika suami gagal memberikan nafkah serta perlindungan.

Terdapat pandangan dari ulama" Mazhab Hanafi, Mazhab Maliki, Mazhab Syafie, dan Mazhab Hanbali yang mengharuskan wanita menjawat jawatan yang sesuai dengan tabi"inya sahaja berdasarkan dalil:<sup>13</sup>

رَضِيَ رَبِّيَ مِنْ نِسَائِي، لِيَايَ لِيَايَ: لِيَايَ لِيَايَ: لِيَايَ لِيَايَ، أَسْرَعَ فَتَشْرَبَتْ خَذِ  
اللَّهُ، يَمْ نِي: طِيمَ دَ ضَرْيَ فَلَئِنْ أَدَا أُرْدَدَ خُبَّتْ فَضَلَّ بَسْخُ أُرْجُحَ فَلَئِنْ أَعْجَى  
صَلَّ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ سَنُّ فَمَجِي " بَتَّ فَدَدِّ خَه فَأَهْ عِنَّ أُرْصَلِّي، أَوْعِي  
رَضِيَ رَبِّيَ"

Terjemahan : daripada Hajjaj bin Muhammad, berkata Ibn Juraih: aku di khabarkan oleh Abu al-Zubair bahawa beliau mendengar Jabir bin

<sup>11</sup> Ābī Jaafar Muḥammad bin Jurāyri āl-Ṭabarī, *Tafsīr āl-Ṭabarī āl-Musammā Jāmi*" āl-Bayān fī Tākwil āl-Qurān, (Bayrūt: Dār āl-Kutub āl-Ilmiyah, 1999), 4: 73.

<sup>12</sup> Al-Qurtubī, *āl-Jāmi*" li *Āhkām āl-Qurān*, 3 : 153.

<sup>13</sup> Ḥadīth riwayat Muslim, Kitab āl-Talāq, Bāb Jawāz Khurūj āl-Mu'tadah āl-Bā'in wa āl-Mutawaffā Zawjuha „Anha bi āl-Nahar li Ḥajātiha, no. Ḥadīth 1483. Lihat Ābū āl-Ḥusāyn Muslim bin āl-Ḥajjāj bin Muslim, "Ṣaḥīḥ Muslim," dalam *Mawsū'at āl-Ḥadīth āl-Syarīf: āl-Kutub āl-Sittah*, ed. Ṣalih bin „Abd āl-„Aziz Āl āl-Shayh (Riyād: Dār āl-Salām, 2000), 933.

Abdullah RA berkata: emak saudara saya diceraikan, beliau ingin keluar kerana hendak memotong pohon tamarnya. Perbuatannya telah ditegur oleh seorang lelaki, lalu beliau telah menemui Rasulullah SAW. Rasulullah SAW bersabda : “bahkan kamu boleh keluar untuk memotong pohon tamar itu. Mudah-mudahan kamu mengeluarkan sedekah atau melakukan sesuatu kebaikan.”

Hadis Jabir ini membuktikan wanita di bolehkan keluar melakukan pekerjaan baik kerana mempunyai hajat. Bahkan Islam mengharuskan wanita keluar kerana kematian dan mencari nafkah pada waktu siang.<sup>14</sup> Al-Nawawi<sup>15</sup> menyatakan pandangan dari Abu Hanifah iaitu dalam tempoh iddah tidak boleh wanita itu keluar pada waktu malam atau pun siang kecuali berkerja diladang tamarnya sendiri bagi membolehkan wanita itu bersedekah dan berbuat kebaikan.

Hal ini jelas bahawa Nabi Muhammad SAW membenarkan wanita keluar berkerja walaupun berada dalam iddah, apatah lagi wanita biasa.

Ulama kontemporari seperti al-Qardhawi<sup>16</sup> pula berpendapat bahawa wanita diharuskan keluar berkerja walaupun terpaksa bermuamalat dengan kaum lelaki yang bukan mahram. Bahkan beliau mengharuskan wanita memegang jawatan yang tertinggi dalam pentadbiran atau kepimpinan seperti jawatan perdana menteri kerana kuasa perdana menteri dan presiden tidak serupa seperti kuasa mutlak yang dimiliki oleh khalifah.

Keputusan yang dibuat oleh perdana menteri dan presiden tertakluk kepada keputusan parlimen iaitu secara kolektif.<sup>17</sup>

---

<sup>14</sup> Muḥyi al-Dīn Ābī Zakariyah Yahya Ibn Sharaf al-Nawāwī al-Dimashqī, *Ṣaḥīḥ Muslim bi Syarḥ al-Nawānī* (Kaherah: Maktabah al-Imān, 1929), 10 : 108.

<sup>15</sup> *Ibid.*, 10: 109.

<sup>16</sup> Al-Qardāwī, Yusuf Abd Allah, *Fatāwā li al-Mar'ah al-Muslim*, (Irbid Jordan: Dār al-Furqān, 1996), 102. Āl-Bahiyyah āl-Khaūli, *Al-Islām wa Qādāyā āl-Mar'ah āl-Mu'āsirah*, (Beirūt: Dār āl-Qurān āl-Karīm, 1980), 298.

<sup>17</sup> Umar Muhammad Noor, “Wanita Tidak Boleh Memimpin?”, *Majalah Al-Ustaz*, Mac 2013, 75.

Al-Siba'ī<sup>18</sup> menyatakan bahwa kaum wanita juga mempunyai hak dan kewajiban yang sama seperti kaum lelaki. Islam juga telah meletakkan wanita pada kedudukan yang mulia, tinggi, dan saksama. Antaranya Islam tidak membezakan ganjaran serta balasan yang akan diperoleh lelaki dan wanita. Buktinya Allah SWT berfirman :

مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيَنَّهٗ حَيٰوةً طَيِّبَةً  
وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُم بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿٩٧﴾

Al-Nahl 16 : 97

Terjemahan: barangsiapa yang mengerjakan amal soleh, baik laki-laki mahupun perempuan dalam keadaan beriman, maka sesungguhnya akan Kami berikan kepadanya kehidupan yang baik dan sesungguhnya akan Kami beri balasan kepada mereka dengan pahala yang lebih baik dari apa yang telah mereka kerjakan.

Allah SWT tidak membezakan antara lelaki dan perempuan, semua aturan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT di dalam syariat adalah adil dan mengandungi hikmahnya yang tersendiri. Wanita juga merupakan hamba Allah yang perlu melaksanakan tanggungjawab dan berbuat baik, melakukan amalan-amalan soleh sebagai persediaan menuju alam akhirat untuk bertemu Allah SWT. Pada waktu itu, dia akan dipersoal dan dipertanggungjawabkan sama seperti kaum lelaki. Yang membezakan mereka hanyalah amalan dan ketaqwaan masing-masing. Firman Allah SWT :

<sup>18</sup> Mustafa al-Siba'ī, *Al-Mar'āh Bayn al-Fiqh wa al-Qanūn*, (Beirut: al-Maktab al-Islāmī, 1984), 153.

يَأْتِيهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا ۗ إِنَّ

أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ اتَّقَى اللَّهَ ۗ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

Al-Hujrat 49:13

Terjemahan: hai manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang laki-laki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal-mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu disisi Allah ialah orang yang paling taqwa di antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha mengetahui lagi Maha Mengenal.”

Al-Qurtubi,<sup>19</sup> menyatakan ayat tersebut menjelaskan bahawa Allah SWT tidak melihat kecantikan, keturunan, kekuatan, kekayaan seseorang, akan tetapi Allah SWT memandang kepada hati. Sesiapa yang mempunyai hati yang baik, dia digolongkan dalam golongan orang yang bertaqwa.

Ibnu Kathir menjelaskan<sup>20</sup> para ulama” bersepakat bahawa ayat di atas membuktikan tidak disyaratkan *kafa”ah* (sekufu) dalam pernikahan dan tidak disyaratkan persamaan agama.

Kesimpulannya, hal ini membuktikan bahawa agama Islam adalah agama yang syumul dan adil. Allah SWT hanya memandang seseorang itu pada ketaqwaan dan amalannya bukan kepada jantina, warna kulit, pangkat, dan sebagainya. Sebelum kedatangan Islam wanita ditindas dan dijadikan bahan seks, bahkan sesebuah keluarga malu apabila mendapat khabar kelahiran anak perempuan sehinggakan mereka sanggup membunuh anak perempuan mereka. Setelah kedatangan Islam wanita dimuliakan dan diangkat martabatnya serta wanita beroleh hak-hak yang sama seperti kaum lelaki seperti hak menuntut ilmu, hak keluar berkerja, hak perwarisan, dan sebagainya.

<sup>19</sup> Āl-Qurṭubī, *āl-Jāmi”li Āḥkām al-Qurān*, 8 : 605.

<sup>20</sup> Ibnu Kaṭṭhīr, Ābu Fidā” Ismāīl bin Ūmar bin Kaṭṭhīr, *Tafsīr āl-Qurān āl-’Azīm*, (Saudi: Dār āl-Ṭāīyyibah lil Naṣyir wa āl-Tauzī”, 2009), 7 : 388.

### 3.2.1 Dari Sudut Kemasyarakatan Dan Politik

Dalam konteks kemasyarakatan, tenaga wanita amat diperlukan terutama dalam bidang perubatan dan pendidikan. Jururawat serta doktor wanita diperlukan untuk mengubati dan merawat pesakit wanita. Wanita diperlukan untuk mengajar anak-anak perempuan tentang haid, nifas, wiladah, serta soal seksual yang lain. Hal ini kerana lebih mudah untuk berinteraksi kerana hanya wanita memahami kehendak dan perasaan wanita. Perasaan malu turut berkurang sekiranya wanita yang mengajar berkaitan fiqh wanita. Kehadiran wanita memberi khidmat dalam masyarakat amatlah diperlukan terutamanya dalam hal-hal berkaitan sesama wanita seperti menyambut kelahiran amatlah diperlukan. Tenaga kerja lelaki hanya diperlukan apabila dalam keadaan darurat sahaja. Dalam erti kata lain perkhidmatan dan penglibatan wanita dalam pekerjaan adalah bagi memenuhi tuntutan fardhu kifayah.<sup>21</sup>

Islam merupakan agama yang membawa kerahmatan dan keselamatan pada seluruh alam. Islam tidak membezakan di antara lelaki dan wanita, apatah lagi mendiskriminasikan wanita. Buktinya kedatangan Islam telah mengangkat darjat dan martabat kaum wanita di mana pada zaman jahiliyyah wanita tidak dihargai. Wanita telah diberi peluang dalam pendidikan, peluang membentuk peribadi, dan peluang memperkembangkan diri.

Walaupun terdapat banyak penulisan-penulisan serta pandangan Islam yang menyatakankan ketetapan serta hak-hak kaum wanita seperti pandangan al-Qardhawi yang menyatakan wanita dibenarkan menjawat jawatan perdana menteri dan presiden sesebuah negara,<sup>22</sup> akan tetapi Ibn Hajar menyatakan wanita tidak digalakkan menjawat jawatan dan kepimpinan dalam bidang politik. Hal ini kerana kaum wanita cenderung mengikut emosi serta perasaan dan beranggapan bahawa kelemahan-kelemahan ini

---

<sup>21</sup> Faṭimah Umar Nasif, "Ḥuqūq al-Mar'āh wa Wājibātuhā fī Daw' al-Qurān wa al-Sunnah," (tesis kedoktoran, Universiti Umm Al-Qura, Fakulti Syariah dan Pengajian Islam, Mekah, 1983), 181.

<sup>22</sup> Al-Qardhawi, *Fatāwā li al-Mar'āh al-Muslim*, 102.



merupakan sifat yang berkaitan dengan kudrat sebagai seorang wanita.<sup>23</sup> Oleh itu wanita tidak digalakkan bekerja dalam sektor yang berkaitan dengan politik kerana dibimbangi wanita salah disebabkan mudah beremosi dan mengikut perasaan dalam membuat keputusan terutamanya apabila banyak dikaburi dengan wang ringgit.

Menurut Hibbah Rauf „Izzat<sup>24</sup>, wanita tidak boleh menceburkan diri dalam bidang politik kerana jumbuh fuqaha menyatakan kesaksian bermaksud *wilayah* (kekuasaan), maka berlakulah qias bahawa wanita terbatas dalam kekuasaan kerana terdapat hukum yang menyatakan kurangnya kesaksian wanita. Kesaksian seorang lelaki bersamaan dengan kesaksian dua orang wanita hanya disebut dalam surah al-Baqarah berkaitan hutang. Berdasarkan landasan teori ini beliau membuat kesimpulan bahawa wanita tidak digalakkan menceburkan diri dalam kerjaya berkaitan politik.

Akan tetapi pada zaman moden kini, hak wanita dalam berpolitik adalah dibenarkan dan hukumnya adalah fardu kifayah.<sup>25</sup> Hal ini adalah demi kebaikan masyarakat kini kerana banyak gejala sosial masa kini berkait rapat dengan kegiatan politik wanita. Sebagai contoh masalah dan isu baru yang membelenggu masyarakat berkaitan wanita dapat diselesaikan, disuarakan, dan diutamakan kerana terdapat wakil kepada wanita dalam kepimpinan dan politik serta wanita lebih memahami wanita lantas dapat menyelesaikan masalah dengan baik.<sup>26</sup> Dalilnya adalah sabda nabi Muhammad SAW:<sup>27</sup>

عَرَبِيٌّ أُمَّ الْاَجْيَصِ وَاللَّهِ عَزِيْزٌ لَّيْ : اَتَيْدُ اَصِيْحُ ، لَيْبُ : ؟ لَيْبُ :  
لِلَّهِ ، مُؤَيَّبٌ ، مُؤَيَّبٌ ، لَيْبُ اَصِيْحُ اَصِيْحُ ، لَيْبُ اَصِيْحُ

<sup>23</sup> Āḥmad Ibn Hajar āl-Asqalanī, *Fatḥḥ āl-Bārī bi Syarḥ Ṣaḥīḥ āl-Bukhārī*, (Kāherah: Dār āl-Rayyān li āl-Turāṣ, 1987), 9:162-163.

<sup>24</sup> Hibah Rauf „Izzat, “Āl-Mar’āh Wa āl-Āmāl āl-Siāsi : Rukyah Islāmiah,” (tesis kedoktoran, The Internatioanal Institute Of Islamic Thought, Unitat State Amerika, 1997).

<sup>25</sup> Āl-Qarḍhāwī, *Fatāwā li āl-Mar’āh āl-Muslim*, 102. Āl-Bahiyyah āl-Khaūli, *Al-Islām wa Kḥaḍāyā āl-Mar’āh āl-Mu’āsirah*, 298.

<sup>26</sup> Āl-Bahiyyah āl-Khaūli, *Al-Islām wa Kḥaḍāyā āl-Mar’āh āl-Mu’āsirah*, 298.

<sup>27</sup> Ḥadīṯ riwayat Muslim, Kitāb āl-Imān, Bāb Bayān Ānna āl-Dīn āl-Naṣīḥah, no. Hadīth 196. Lihat Ābū āl-Husayn Muslim bin āl-Ḥajjāj bin Muslim, “Ṣaḥīḥ Muslim,” dalam *Maūsu’at āl-Ḥadīṯ āl-Syarīf: āl-Kutub āl-Sittah*, ed. Salih bin Abd al-Aziz Al al-Shayh (Riyādh: Dār āl-Salam, 2000), 689.

Terjemahan: daripada Tamim al-Dari, sesungguhnya nabi SAW bersabda: “agama itu nasihat”, kami bertanya, “untuk siapa?”, baginda menjawab, “untuk Allah, untuk kitabnya, untuk rasulnya, dan imam-imam muslimin, dan bagi orang ramai dikalangan mereka.”

Al-Nawawi<sup>28</sup> menyatakan hadis di atas adalah berkaitan nasihat yang merupakan tunggak agama Islam kerana tidak sempurna iman seseorang sekiranya tidak saling menyayangi iaitu saling menasihati. Nasihat kepada orang-orang Muslim adalah dengan cara tolong-menolong pada kebenaran iaitu berbuat kebaikan, mengajak mentaati Allah dan perintahNya, memberi pengajaran dan menegur dengan sabar dan lembut.<sup>29</sup> Jelas tingginya kedudukan nasihat dalam Islam sehingga Rasulullah mengibaratkan “agama itu nasihat”. Ini bererti tanpa nasihat, agama sebenarnya tidak wujud. Agama adalah untuk setiap manusia, tidak kira lelaki atau wanita. Nasihat kepada orang-orang Muslim dengan cara memberi pengajaran dan menegur dengan sabar dan lembut seperti yang di sebut oleh Nawawi boleh diaplikasikan secara pratikal oleh kaum wanita sesuai dengan sifatnya yang penyayang serta lemah lembut. Oleh itu, dari sudut praktikal inilah wanita dibolehkan berkerja dan berkecimpung dalam dunia politik masa kini.

Politik pada zaman awal Islam tidak seperti politik pada masa kini. Hal ini kerana politik masa kini memisahkan antara bidang politik dengan bidang ketenteraan, manakala pada zaman awal Islam politik dan ketenteraan diletakkan dalam bidang yang sama. Sejarah mencatatkan dan membuktikan banyak kisah wanita yang terlibat dalam politik dan ketenteraan. Contohnya, Balqis dan Nur Jahan. Balqis merupakan pemerintah Saba” pada zaman nabi Sulaiman dan di dalam al-Quran terdapat kisah Balqis.<sup>30</sup> Nur Jahan pula merupakan permaisuri India berdarah campur Parsi dan Arab yang mentadbir negaranya dengan cekap. Beliau melantik jawatan kuasa khas

---

<sup>28</sup> Al-Nawāwī, Muḥyī al-Dīn Ābī Zakariā Yahyā bin Syaraf, *al-Minhāj Syarḥ Saḥīḥ Muslim bin al-Ḥajjāj* (Beirut: Dar al-Maʿrifah, 2005), 1:228.

<sup>29</sup> Ibid, 1: 229.

<sup>30</sup> ,Atiyah Ṣokhor, *āl-Ūsrah Taḥta Ri,āyah āl-Islām* (Kuwait: Muāssasah āl-Ṣobāh, 1980), 2:462.

memantau hal ehwal rakyatnya dan terlibat dalam hal ehwal ketenteraan bagi memastikan keamanan negaranya.<sup>31</sup>

Berdasarkan penjelasan-penjelasan yang telah diterangkan, sekiranya wanita berkehendak untuk berkerja atau diperlukan perkhidmatannya dalam sesuatu pekerjaan, mereka dibolehkan dan dibenarkan keluar berkerja akan tetapi mestilah memilih pekerjaan yang sesuai dengan sifat kewanitaan dan kemampuannya dan pekerjaan yang dibenarkan oleh syara“.

Kesimpulan yang dapat dibuat adalah wanita dibenarkan keluar bekerja bukanlah sesuatu hukum yang mutlak, akan tetapi bergantung kepada situasi.<sup>32</sup>

Hukum wajib : 1) sekiranya hendak menanggung dirinya dan keluarga iaitu jika suami, bapa, atau wali tidak mampu memberi nafkah.

2) sekiranya ada keperluan terdesak iaitu darurat. Contohnya wanita kematian suami, ibu tunggal, dan miskin.

3) melakukan kerja-kerja fardhu kifayah untuk kesejahteraan ummah seperti menjadi guru kerana sesuai dengan fitrah wanita yang lemah lembut, penyayang. Menjadi doktor pakar sakit puan juga memerlukan tenaga kerja wanita kerana hal ini kedudukannya sama seperti darurat.

Hukum sunat : sekiranya bertujuan membantu suami, ibu bapa, atau saudara kandung yang miskin.

Hukum haram : 1) haram sekiranya wanita bekerja menjawat jawatan *imamah kubra* atau timbalannya kerana terdapat larangan di dalam hadis iaitu “tidak akan berjaya kaum yang melantik wanita mengetuai urusan mereka.”

---

<sup>31</sup> Ibid, 460.

<sup>32</sup> Fadl Ilahi, *Āl-Tadābir al-Waqiyyah Min al-Zīna Fī al-Fiqh al-Islāmi*, 275. Āl-Bārik Hayā binti Mubārak, *Ensiklopedea Wanita Muslimah*, terj. āl-Khaīrul āl-Ḥusni, (Kuala Lumpur : Pustaka Jiwa Sdn Bhd, 2001), 223.

- 2) haram sekiranya berkerja dalam bidang berkaitan dengan maksiat seperti menyayi, menjual dan membeli arak, menjadi model, tarian, tukang tenung nasib, dan lain-lain yang diharam oleh syara”.
- 3) haram sekiranya wanita tidak mengikut batasan yang ditetapkan oleh syara” seperti berkerja dalam keadaan berdua-duaan dengan lelaki.
- 4) apabila mengabaikan keluarga. Hal ini kerana tanggungjawab dan tugas utama wanita adalah mengurus keluarga. Keluar berkerja hanyalah bertujuan membantu suami atau bapa. Kepentingan menjaga keturunan perlu di dahulukan dari kepentingan menjaga harta.

### 3.3 SYARAT WANITA KELUAR BERKERJA

Wanita dibenarkan berkerja diluar rumah sekiranya menepati syarat-syarat dan ketetapan syara<sup>6</sup>.

Islam mewajibkan kaum wanita menutup aurat mereka. Firman Allah SWT:

وَقُلْ لِلْمُؤْمِنَاتِ يَغْضُضْنَ مِنْ أَبْصَارِهِنَّ وَيَحْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ  
إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا ۗ وَلْيَضْرِبْنَ خُمُرَهُنَّ عَلَىٰ جُيُوبِهِنَّ ۗ وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا  
لِبُعُولَتِهِنَّ أَوْ آبَائِهِنَّ أَوْ آبَاءِ بُعُولَتِهِنَّ أَوْ أَبْنَائِهِنَّ أَوْ أَبْنَاءِ  
بُعُولَتِهِنَّ أَوْ إِخْوَانِهِنَّ أَوْ بَنِي إِخْوَانِهِنَّ أَوْ أَخَوَاتِهِنَّ أَوْ نِسَائِهِنَّ أَوْ مَا  
مَلَكَتْ أَيْمَانُهُنَّ أَوِ التَّابِعِينَ غَيْرِ أُولِي الْإِرْبَةِ مِنَ الرِّجَالِ أَوِ الطِّفْلِ الَّذِينَ  
لَمْ يَظْهَرُوا عَلَىٰ عَوْرَاتِ النِّسَاءِ ۗ وَلَا يَضْرِبْنَ بِأَرْجُلِهِنَّ لِيُعْلَمَ مَا يُخْفِينَ ۗ مِنْ زِينَتِهِنَّ  
وَتُوبُوا إِلَى اللَّهِ جَمِيعًا أَيُّهُ الْمُؤْمِنُونَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٣١﴾

Al-Nur 18:31

Terjemahan: katakanlah kepada wanita yang beriman: “hendaklah mereka menahan pandangannya, dan kemaluannya, dan janganlah mereka menampakkan perhiasannya, kecuali yang (biasa) nampak dari padanya. Dan hendaklah mereka menutupkan kain tudung ke dadanya, dan janganlah menampakkan perhiasannya kecuali kepada suami mereka, atau ayah mereka, atau ayah suami mereka, atau putera-putera mereka, atau putera-putera suami mereka, atau saudara-saudara laki-laki mereka, atau putera-putera saudara lelaki mereka, atau putera-putera saudara perempuan mereka, atau wanita-wanita Islam, atau budak-budak yang mereka miliki, atau pelayan-pelayan laki-laki yang tidak mempunyai keinginan (terhadap wanita) atau anak-anak yang belum mengerti tentang aurat wanita. Dan janganlah mereka

memukulkan kakinya agar diketahui perhiasan yang mereka sembunyikan. Dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, hai orang-orang yang beriman supaya kamu beruntung.

Al-Mawardi<sup>33</sup> menyatakan Allah melarang wanita menampakkan bahagian tubuh serta perhiasan mereka kepada lelaki ajnabi iaitu lelaki yang bukan suami atau yang bukan mahram. Diwajibkan kepada wanita menutup aurat mereka kecuali wajah dan telapak tangan bagi mengelak fitnah.

Oleh itu wanita perlu memakai pakaian yang menutup aurat iaitu tidak menampakkan bentuk tubuh badan ketika keluar berkerja kerana dia akan berdepan dengan masyarakat yang terdiri daripada lelaki ajnabi. Membuka aurat di depan ajnabi adalah haram seperti mana yang dijelaskan dalam surah al-Nur di atas.

Al-Qardhawi<sup>34</sup> menyatakan, kaum wanita dibenarkan berkerja diluar rumah sekiranya pekerjaan yang dilakukan termasuk dalam kategori halal mengikut syara". Pekerjaan yang menjurus ke arah maksiat seperti menjadi penari, dan pelayan kelab malam adalah diharamkan, apatah lagi pekerjaan yang jelas di nyatakan dalam nas al-Quran seperti menjadi pelacur dan pembawa serta penjual arak.

Wanita tidak boleh melakukan kerja yang menjurus kepada maksiat seperti menyayi, menjadi nujum, menari, dan sebagainya. Akan tetapi tidaklah menunjukkan bahawa kaum wanita tidak boleh mengeluarkan suara ketika berkerja kerana suara bukanlah aurat menurut ulama" mazhab al-Syafie dan Maliki berdasarkan kepada pandangan yang masyhur, manakala berdasarkan kepada pandangan yang kuat (rajih) dari ulama" mazhab Hanbali dan Hanafi.<sup>35</sup>

---

<sup>33</sup> Al-Mawārdī, Abī al-Ḥasan, 'Ali bin Muḥammad bin Ḥabīb al-Mawārdī al-Basrī, *al-Nukah wa al-Uyūn Tafsīr al-Mawārdī*, (Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyah), 4 :31.

<sup>34</sup> Al-Qardhawi, *Fatāwā Li al-Mar'āh al-Muslimah*, (Irbid Jordan: Dār al-Furqān, 1996), 105-107. Fadl Ilahi, *al-Tadabīr al-Waqiyyah Min al-Zina Fī al-Fiqh al-Islamī*, cetakan kedua, (Riyad : Maktabah al-Ma'arif, 1985), 275.

<sup>35</sup> Wizāratu al-Awqāf Wa al-Syuūn al-Dīniāh, *Al-Māusu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyah*, (Kuwait: Wizāratu al-Awqāf Wa al-Syuūn al-Dīniāh, 1983), 31:47.

Seorang wanita mestilah menjaga adab-adab serta hukum-hakam agama Islam dalam pergaulan, pergerakan, dan perhiasan. Adab-adab ini telah disebut secara jelas di dalam al-Quran iaitu:

بَيْنَسَاءِ النَّبِيِّ لَسْتُنَّ كَأَحَدٍ مِّنَ النِّسَاءِ ۚ إِنَّ أَتْقَيْنَ فَلَا تَخْضَعْنَ بِالْقَوْلِ فَيَطْمَعَ

الَّذِي فِي قَلْبِهِ مَرَضٌ وَقُلْنَ قَوْلًا مَّعْرُوفًا ﴿٣٢﴾

Al-Ahzab 22 : 32

Terjemahan: .....oleh itu janganlah kamu berkata-kata dengan lemah-lembut, manja (semasa bercakap dengan lelaki asing) kerana yang demikian boleh menimbulkan keinginan orang yang ada penyakit dalam hatinya (menaruh tujuan buruk kepada kamu) dan sebaliknya berkatalah dengan kata-kata yang baik (sesuai dan sopan)

Menurut al-Qardhawi<sup>36</sup> pekerjaan tersebut mestilah tidak mengorbankan kewajiban wanita terhadap suami, anak-anak, dan keluarga.

Oleh itu, wanita yang mahu berkerja mestilah mampu mengimbangi di antara tugas di luar rumah dengan tugas di dalam rumah. Seperti tidak mengabaikan hak terhadap suami dan anak-anak bagi wanita berkahwin dan tidak mengabaikan tanggungjawab sebagai anak bagi wanita bujang.

Wanita yang ingin berkerja diluar rumah mestilah mencari perkerjaan yang tidak menimbulkan fitnah seperti berkerja di tempat-tempat maksiat dan bercampur bebas dengan lelaki bukan mahram berdasarkan hadis Rasulullah SAW bersabda:<sup>37</sup>

عَنْ تَيْمِةَ بِنْتِ زَيْدِ بْنِ أَبِي عَدِيٍّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «لَا يَخْرُجُ نَسَاءٌ نَّبِيَّاتٍ إِلَّا إِلَى رَجُلٍ نَبِيٍّ»  
 نَبِيٍّ " فَتَبَيَّنَّ نَسَاءٌ فَتَبَيَّنَّ : " بَيَّنَّ نَسَاءٌ فِي اللَّهِ ، ائْتَلِي نَسَاءً دَ تَخْرُجُ أَوْزُجُ هِيَ صَخْرٌ وَرَأَى  
 وَرَأَى ، لَهَا : بَلَّغْ عَسْخَ عَ ائْتَلِي هـ "

<sup>36</sup> Al-Qardhawi, *Fatawa Li al-Mar'ah al-Muslimah*, 99.

<sup>37</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitab al-Nikah, Bāb Lā Yakhluwanna Rajulūn bi Imra'atin Illa Zū Mahramīn, no. Hadith 5233. Lihat Ābū 'Abd Allah Muḥammad bin Ismā'il al-Bukhārī, "Ṣaḥīḥ al-Bukhārī," dalam *Mausu'at al-Hadis al-Syarīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Salih bin Abd al-Aziz Al al-Shayh (Riyadh: Dār al-Salam, 2000), 452.

Terjemahan: daripada Ibn „Abbas, nabi SAW bersabda: “tidak boleh seorang lelaki dan seorang wanita berdua-duaan kecuali bersama terdapat mahram, maka bangun seorang lelaki bertanya: ya Rasulullah, isteriku keluar mengerjakan haji dan terdapat peperangan begini dan begini, sabda Rasulullah: kembali dan lakukan haji bersama isterimu.

Islam melarang seorang lelaki berkhalwat dengan seorang wanita kerana terdapat yang ketiga iaitu syaitan. Seorang wanita yang berdua-duaan dengan saudara suaminya sama ada anak saudara suaminya, bapa saudara suaminya, adik lelaki suaminya atau pun abang suaminya adalah ditegah dan lebih lagi ditegah daripada mereka yang tidak memiliki hubungan kerabat kecuali bapa mertua dan anak-anak lelaki suaminya. Kesan daripada berkhalwat menyebabkan kerosakan agama, dan kebinasaan rumah tangga.<sup>38</sup>

Basri<sup>39</sup> menyatakan wanita-wanita yang keluar berkerja mestilah mendapat keizinan daripada bapa mereka jika masih bujang dan mendapat keizinan suami mereka jika sudah berkahwin.

Kesimpulannya, wanita yang ingin berkerja di luar rumah mestilah mengikut landasan yang telah ditetapkan syara“ iaitu menutup aurat, tidak bergaul bebas atau berkhalwat dengan kaum lelaki, serta tidak memakai sebarang wangian yang membolehkan kaum lelaki berahi kepadanya. Bagi wanita yang sudah berumah tangga mestilah mendapat keizinan suami sebagai syarat untuk keluar berkerja.<sup>40</sup>

---

<sup>38</sup> Al-Ḥafīz Āḥmad bin „Alī bin Hajar āl-„Asqalani, *Fathu al-Bārī bi Syarh Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Riyadh : Dār al-Toyyibah, 2011), 11: 686-687.

<sup>39</sup> Basri bin Ibrahim al-Hasani al-Azhari, *al-Fiqh al-Muqāran, Qaḍayā Mukhtārah fī al-Fiqh : Fiqh Perbandingan, Isu-Isu Fiqh Terpilih*, dirumikan oleh Noraine Abu, 257-259.

<sup>40</sup> Penulis tidak diketahui, “Hukum Wanita Bekerja Dalam Islam,” laman sesawang *Dalam Islam*, dicapai 15 Disember 2016, <http://dalamislam.com/hukum-islam/hukum-wanita-bekerja-dalam-islam>.



### 3.4 KESIMPULAN

Kehidupan masyarakat kini adalah hasil daripada sejarah penguasaan lelaki ke atas wanita dalam beberapa sektor dan di anggap sebagai semula jadi yang mana kaum lelaki ditempatkan lebih tinggi dan kuat daripada kaum wanita yang lemah, lalu tanggapan ini telah dibudayakan dalam masyarakat. Akan tetapi apabila masyarakat semakin celik dalam pendidikan dan agama, maka perubahan demi perubahan berlaku dalam masyarakat terutamanya mengenai keterlibatan wanita dalam pekerjaan di luar rumah. Hal ini jelas apabila semakin ramai wanita keluar berkerja bahkan kadangkala dapat dilihat wanita lebih banyak terlibat dalam sektor-sektor yang dahulunya dimonopoli oleh kaum lelaki sahaja.

Modenisasi telah membawa banyak perubahan dalam masyarakat tentang peranan, fungsi, dan juga status kaum wanita. Masyarakat telah mula melepaskan anak-anak perempuan masing-masing daripada kongkongan adat. Wanita telah diberi hak untuk menuntut ilmu dan berpelajaran sehingga ke peringkat tinggi di mana dengan pelajaran wanita dapat berkerja dan mempunyai pendapatan sendiri. Berdasarkan penelitian yang dibuat tentang hukum wanita keluar berkerja, dapat disimpulkan bahawa wanita dibolehkan keluar berkerja oleh syara" jika aman daripada fitnah dan perkara-perkara yang membawa kepada maksiat. Akan tetapi wanita dibatasi dengan syarat-syarat bagi membolehkan keluar berkerja dan tugas utama wanita iaitu menguruskan rumah tangga, membahagiakan suami, membentuk sebuah keluarga bahagia yang berasaskan ketenangan, kemesraan, dan kasih sayang tidak boleh diabaikan. Wanita yang menjadi pendamping yang baik kepada suami dicatatkan jihad pada jalan Allah SWT. Bagi pandangan sebahagian ulama yang berpendapat wanita

tidak digalakkan berkerja adalah untuk mengambil langkah berjaga-jaga bagi menjauhi unsur-unsur negatif.

Hukum wanita keluar berkerja bergantung kepada situasi dan keadaan, wanita diharuskan dan dibolehkan berkerja sekiranya wanita itu mengikut syarat-syarat yang ditetapkan syara". Berkerja menjadi haram bagi wanita sekiranya wanita itu mengabaikan tanggungjawab alami sebagai isteri dan ibu sehingga boleh menyebabkan keruntuhan rumah tangga, derhaka terhadap suami kerana merasakan diri hebat.<sup>41</sup> Wajib seorang wanita itu keluar berkerja sekiranya tidak ada sesiapa yang menanggung nafkahnya, miskin, suami sakit tidak dapat berkerja, dan sebagainya.<sup>42</sup>

Menjadi kewajiban dan tanggungjawabnya seorang suami untuk keluar berkerja bagi memenuhi keperluan keluarga, akan tetapi Islam tidak membantah sekiranya isteri ataupun wanita yang berhasrat untuk berkerja di luar rumah dengan syarat tidak melanggar batasan yang ditetapkan syara".

Syara" memberikan tempoh sebanyak tiga hari terhadap seorang suami yang tidak mampu memberi nafkah kepada isterinya. Apabila masuk subuh hari keempat, isteri tersebut boleh menuntut fasakh atau sekiranya isteri memilih untuk terus tinggal bersama suami, suami tidak boleh menghalang isterinya keluar mencari rezeki kerana nafkah yang diberi oleh suami merupakan timbal balas daripada ketaatan seorang isteri. Apabila suami gagal memberi nafkah, maka suami tidak berhak melarang isteri keluar berkerja.<sup>43</sup>

Wanita dibolehkan berkerja di luar pekerjaan alamiahnya (keluarga dan anak-anak) dengan alasan darurat. Darurat yang dimaksudkan adalah seperti kematian suami, ibu tunggal, dan miskin. Wanita tersebut hanya melakukan pekerjaan sebatas

---

<sup>41</sup> Al-Qardhawī, *Fatāwā Li Āl-Mar'ah Āl-Muslimah*, 105-107.

<sup>42</sup> Muḥyi āl-Dīn Ābi Zakariyah Yahyā Ibn Sharaf al-Nawāwī al-Dimashqi, *Ṣaḥīḥ Muslim bi Syarh āl-Nawāwī*, 108.

<sup>43</sup> Basri bin Ibrahim al-Hasanī al-Azhari, *Āl-Fiqh al-Muqāran, Qodoya Mukhtaroh fī al-Fiqh : Fiqh Perbandingan, Isu-Isu Fiqh Terpilih*, dirumikan oleh Noraine Abu, 253.

kepentingannya (keadaan darurat).<sup>44</sup> Akan tetapi wanita tidak boleh memegang jawatan di *wilayah ,ammah* atau *wazarah tafwid* seperti pemimpin tentera, wilayah kehakiman, wilayah hisbah, wilayah haji, wilayah kharaj. Maka, wanita tersebut harus mampu melaksanakan syarat-syarat keluar berkerja yang telah ditetapkan syariat Islam untuk menghindarkan fitnah.<sup>45</sup>

Wanita dibolehkan berkerja dan menjawat sebahagian daripada jawatan yang melibatkan kepentingan umum asalkan jawatan yang tidak melibatkan kepimpinan negara seperti wanita harus menjawat jawatan qadi bagi perkara yang boleh menjadi saksi di dalamnya.<sup>46</sup>

Menurut Islam sesiapa pun tidak berhak menghalang kebebasan wanita dalam melabur dan mengembangkan hartanya selagimana tidak bercanggah dengan syara<sup>47</sup> berasaskan kemaslahatan, kepentingan dan tanggungjawab masing-masing. Dalam sejarah telah banyak menceritakan tentang wanita Islam yang cemerlang dalam bidang pekerjaan yang diceburi sama ada dalam bidang agama, sastera, kedoktoran, dan lain-lain. Islam tidak melarang wanita untuk berkerja dan berniaga,<sup>47</sup> kerana Allah SWT mensyariatkan hambanya untuk berkerja:

وَقُلْ أَعْمَلُوا فَسَيَرَى اللَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُ وَالْمُؤْمِنُونَ وَسَتُرَدُّونَ إِلَىٰ عِلْمِ

الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ فَيُنبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿١٠٥﴾

Al-Taubah 11 : 105

Terjemahan: dan katakanlah (wahai Muhammad): Beramallah kamu (akan segala yang diperintahkan), maka Allah dan RasulNya serta orang-orang yang beriman akan melihat apa yang kamu kerjakan dan

<sup>44</sup> Husein Sahata, sumber fatwa "Iqtishad al-Bait al-Muslim fi Dha'iri al-Syariah al-Islamiah," 102-103

<sup>45</sup> Zaharuddin Abd Rahman, Fiqh Siyasah Syar'iyah: Fokus Terhadap Beberapa Isu Kontemporari, (Kuala Lumpur, 26 Ogos 2005), 31.

<sup>46</sup> Basri bin Ibrahim al-Hasani al-Azharī, *al-Fiqh al-Muqāran, Qodoyā Mukhtaroh fi al-Fiqh : Fiqh Perbandingan, Isu-Isu Fiqh Terpilih*, dirumikan oleh Noraine Abu, 250-251.

<sup>47</sup> Musyaffa Ad Darini, "Bolehkah Wanita Bekerja?," laman sesawang Konsultasi Syariah, dicapai 2 September 2016, <https://konsultasisyariah.com/520-bolehkah-wanita-bekerja.html>.

kamu akan dikembalikan kepada (Allah) Yang Mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan yang nyata, kemudian Dia menerangkan kepada kamu apa yang kamu telah kerjakan.

Suruhan „berkerjalah“ ini merangkumi kaum lelaki dan kaum wanita. Allah SWT memerintahkan lelaki dan wanita mentaatinya, mengerjakan apa yang telah di fardhukan oleh Allah SWT dan menjauhi maksiat.<sup>48</sup>

Manusia diperintah untuk berniaga, berikhtiar dan berkerja. Allah SWT berfirman :

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا لَا تَأْكُلُوْا اَمْوَالِكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبٰتِلِ اِلَّا اَنْ تَكُوْنَ

تِجْرَةً عَنْ تَرَاضٍ مِّنْكُمْ وَلَا تَقْتُلُوْا اَنْفُسَكُمْ ۗ اِنَّ اللّٰهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيْمًا ﴿٢٩﴾

Al-Nisa“ 5 : 29

Terjemahan: wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu, dan janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah sentiasa mengasihani kamu.

Suruhan ini adalah suruhan berbentuk umum, diperintahkan kepada semua manusia tidak kira jantina lelaki mahupun wanita dengan syarat pekerjaan yang tidak menjurus kepada kemungkar. Bagi wanita yang berkerja pula mestilah jauh daripada fitnah dan ikhtilat (percampuran antara lelaki dan wanita) dan beberapa syarat lagi yang dibincangkan pada tajuk berikutnya.<sup>49</sup>

<sup>48</sup> Al-Ṭobarī, Ābū Ja‘far Muḥammad bin Jurair, *Tafsīr āl-Ṭobarī* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1999), 6: 467.

<sup>49</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī, *Kitab al-Nikah*, Bāb Lā Yakhluwanna Rajulūn bi Imra‘atin Illa Zū Mahramīn, no. Hadith 5233. Lihat Ābū ‘Abd Allah Muḥammad bin Ismail al-Bukhārī, “Ṣaḥīḥ al-Bukhārī,” dalam *Mausu‘at al-Hadis al-Syarīf*: al-Kutub al-Sittah, ed. Salih bin Abd al-Aziz Al al-Shayh (Riyadh: Dār al-Salam, 2000), 452.

Wanita boleh berkerja dalam sektor perubatan seperti doktor dan jururawat, sektor pendidikan seperti guru dengan syarat mengendalikan kes-kes berkaitan wanita dan pengajaran khusus untuk wanita kecuali ketika darurat dan situasi mendesak seperti tiada doktor lelaki yang boleh merawat, maka wanita seperti doktor dan jururawat bolehlah merawat pesakit lelaki tersebut akan tetapi berusaha menjauhi perkara-perkara yang boleh menimbulkan fitnah seperti berdua-duan, dan membuka aurat.<sup>50</sup>

Pekerjaan wanita diluar rumah tidak haram menurut syara", kerana tiada sesiapa pun boleh mengharamkan sesuatu tanpa ketetapan syara" yang betul dan pembuktian yang jelas. Sedangkan asas untuk semua perkara dan perbuatan adalah harus selagimana tidak ada sesuatu dalil yang mengharamkannya mengikut kaedah fiqh iaitu *istinbat* hukum.<sup>51</sup>

Pekerjaan wanita asalnya dibolehkan kerana tidak terdapat secara jelas di dalam nas-nas al-quran ataupun hadis yang melarang wanita keluar berkerja. Ia boleh menjadi tuntutan sunat ataupun wajib sekiranya wanita itu memerlukannya, manakala menjadi haram jika pekerjaan maksiat seperti melacur.

Contohnya balu ataupun janda yang tiada sumber pendapatan dan orang yang menanggungnya, sedangkan dia berkemampuan bagi meraih pendapatan yang dapat mencukupkan tuntutan keperluan ataupun kebajikannya.

Selain itu, berkemungkinan keadaan keluarga wanita itu memerlukan dia berkerja seperti membantu suami, membantu adik beradiknya yang masih kecil, ataupun membantu bapanya yang sudah tua. Contohnya kisah dua orang anak perempuan seorang lelaki tua yang dinyatakan dalam Al-Quran. Kedua-dua anak perempuan itu mengambil alih tugas bapa mereka dengan mengembala kambing.

---

<sup>50</sup> Majmu" Fatawa Syaikh Bin Baz, 28: 103-109

<sup>51</sup> Al-Suyuti, Jalāl al-Dīn, „*Aī sybah Wa al-Nazā'ir*, (Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, 1990), 60.

وَلَمَّا وَرَدَ مَاءَ مَدْيَنَ وَجَدَ عَلَيْهِ أُمَّةٌ مِّنَ النَّاسِ يَسْقُونَ وَوَجَدَ مِنْ  
دُونِهِمُ امْرَأَتَيْنِ تَذُودَانِ قَالَ مَا خَطْبُكُمَا قَالَتَا لَا نَسْقِي حَتَّى يُصَدِرَ الرِّعَاءُ

وَأَبُونَا شَيْخٌ كَبِيرٌ ﴿٢٣﴾

Al-Qasas 20 : 23

Terjemahan: dan tatkala ia sampai di telaga air negeri Madyan, ia dapati di situ sekumpulan orang sedang memberi minum ternakan mereka, dan ia dapati selain mereka dua wanita yang sedang menahan kambing-kambing mereka. Ia bertanya: apa hal kamu berdua? Mereka menjawab: kami tidak memberi minum sehingga pengembala itu membawa balik binatang ternak mereka, dan bapa kami seorang yang terlalu tua umurnya.

Begitu juga dengan kisah Asma<sup>ra</sup> binti Abu Bakar r.a yang membantu suami beliau Zubair bin Awwam menguruskan kuda, memahat batu bagi meleraikannya. Beliau sanggup memikul batu di atas kepala untuk membina dinding kebun yang sejauh jarak dari Madinah.<sup>52</sup>

Oleh itu, sikap saling membantu menjalankan tanggungjawab dalam kehidupan seperti sama-sama berkerja adalah diperlukan. Asas ini jelas mengukuhkan lagi persoalan hukum wanita keluar berkerja.

<sup>52</sup> Al-Qardāwi, Yūsuf Abdullah, *Fatāwa Mu'asirah : Fatwa Kontemporari Siri 2*, dalam "Ibadah, Wanita, dan Keluarga", terj. Shafiyah Abdul Khodir dan Siti Zahara Sharaie (Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd, 2015), 2:203.

## BAB 4

### TANGGUNGJAWAB WANITA MEMBIAYAI NAFKAH IBU BAPA

#### 4.1 PENDAHULUAN

Kajian dalam bab dua telah membicarakan tentang apakah tanggungjawab sebagai wanita iaitu wanita menjadi seorang anak, isteri, dan juga ibu. Wanita zaman kini kebanyakannya menggalas lagi satu tanggungjawab iaitu sebagai pekerja disebabkan perubahan ekonomi dunia yang berlaku pada abad ke-19 yang memberi kesan kepada negara-negara Asia termasuklah Malaysia.<sup>1</sup> Oleh itu dalam bab ini akan membincangkan pula tentang tanggungjawab wanita sebagai anak dalam membiayai nafkah kedua ibu bapanya.

Masyarakat memahami bahawa nafkah selalunya ditanggung oleh kaum lelaki, sama ada nafkah oleh suami terhadap isteri ataupun nafkah anak lelaki terhadap kedua ibu bapa. Nafkah terbahagi kepada lima, iaitu pertama, nafkah terhadap diri sendiri. Kedua, nafkah terhadap usul (iaitu ayah atau datuk) terhadap furu" (iaitu anak atau cucu). Ketiga, nafkah furu" terhadap usul. Keempat, nafkah suami terhadap isteri. Kelima, nafkah lain-lain. Dalam bab ini akan membincangkan nafkah dalam kategori ketiga, iaitu nafkah furu" terhadap usul dan difokuskan tanggungjawab memberi nafkah kepada ibu bapa oleh anak perempuan. Apakah pandangan para ulama" mengenai isu ini, akan diperbincangkan dengan lebih mendalam.

---

<sup>1</sup> William J. Goode, *The Family*, 2nd Edition (New Jersey: Prentice Hall Inc. Eaglewood Cliffs, 1982), 211-212.

## 4.2 DEFINISI NAFKAH

### 4.2.1 Dari Segi Bahasa

Nafkah asalnya adalah perkataan arab iaitu “Al-Nafaqah” yang bermaksud apa yang dikeluarkan dan diberikan kepada seseorang serta diri sendiri.<sup>2</sup> Ia juga diambil dari perkataan “Nifaq” yang membawa maksud laris.<sup>3</sup>

Ia juga berasal daripada perkataan “infaq” iaitu mengeluarkan. Jamaknya ialah “nafaqat”.<sup>4</sup>

Nafkah menurut kamus dewan<sup>5</sup> ialah wang yang diperlukan untuk sara hidup juga diertikan sebagai perbelanjaan dan lain-lain yang wajib diberikan oleh suami kepada isterinya.

### 4.2.2 Dari Segi Syara’

Infaq pada asalnya dimaksudkan adalah wang. Pada pengertian syara’ ialah memberi perbelanjaan yang secukupnya iaitu tempat tinggal, makanan, dan pakaian. Pada urufnya, nafkah ialah tempat tinggal yang merangkumi rumah, kelengkapan rumah, dan keperluan-keperluan sampingan seperti bil air, bil elektrik, pembantu rumah dan sebagainya. Manakala makanan pula merangkumi lemak, minuman, dan makanan asasi seperti nasi dan roti. Pakaian pula apa-apa sahaja yang boleh menutup badan dan kain selimut.<sup>6</sup>

Nafkah adalah sesuatu yang menghubungkan antara dua pihak seperti anak dengan ibu bapa, tuan dengan hambanya, suami dengan isteri. Pihak pertama mempunyai kewajipan dan pihak kedua pula mempunyai hak. Sebagai contoh, seorang anak

---

<sup>2</sup> Ibnu Munzur, Abu al-Fadhil Jamaluddin Muhammad bin Mukrim, *Lisan Al-Arab* (Beirut, Lubnan : Dar Al-Sodir, 1990), 10:358.

<sup>3</sup> Muhammad Mahyuddin Abdul Hamid, *al-Ihwal al-Syahsiah fi al-Syariah al-Islamiah*, ed.ke-3 (Mesir, 1996), 192.

<sup>4</sup> Wahbah al-Zuhaili, *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu* (Damsyik : Dar al-Fikr, 2004), 10:7348.

<sup>5</sup> Noresah Baharum, *Kamus Dewan*, ed.ke-3 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002), 916.

<sup>6</sup> Wahbah al-Zuhaili, *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*, 10: 7348.



berkewajipan memberi nafkah kepada kedua ibu bapanya, akan tetapi beliau gagal melaksanakannya, maka ibu bapa mempunyai hak untuk menuntut.

Nafkah dikategorikan kepada dua bahagian. Pertama, nafkah ke atas diri sendiri yang wajib manusia menanggungnya sendiri apabila berkemampuan. Wajib mendahulukan nafkah ke atas diri sendiri berbanding nafkah terhadap orang lain. Sabda nabi SAW:<sup>7</sup>

ثُمَّ لِنَفْسِكَ رِغِي

Terjemahan: mulakan dengan dirimu, kemudian mereka yang wajib ke atasmu membiayai nafkah.

Kedua, nafkah yang wajib ke atas orang lain. Terdapat tiga sebab terjadinya kewajipan seseorang membiayai nafkah ke atas orang lain iaitu sebab perkahwinan, kerabat, dan pemilikan.

Hal yang dibincangkan dalam bab ini adalah berkaitan kewajipan membiayai nafkah ibu bapa oleh anak perempuan.

---

<sup>7</sup> Ia bertindih daripada dua hadith : bahagian pertama diriwayatkan oleh Ahmad, Muslim, Abu Daud, dan Al-Nasa'i daripada Jabir dengan lafaz : bahawa nabi SAW berkata kepada seorang lelaki : mulakan dengan dirimu, dan berbelanja untuknya.... bahagian kedua diriwayatkan oleh Ahmad dan Al-Daruqutni dengan isناد yang sahih (Nayl al-Awtar, jilid VI, hal. 321, 324)

#### 4.3 KEWAJIPAN NAFKAH KEPADA KELUARGA.

Terdapat khilaf ulama<sup>2</sup> tentang isu memberi nafkah kepada keluarga. Mazhab Maliki berpandangan nafkah terhadap keluarga adalah antara ibu bapa kepada anak-anak dan nafkah anak-anak terhadap ibu bapa, tidak kepada ahli keluarga yang lain. Wajib ke atas anak-anak memberi nafkah kepada ibu bapa, tidak kira anak lelaki atau anak perempuan. Firman Allah SWT :

وَإِنْ جَاهِدَاكَ عَلَىٰ أَنْ تُشْرِكَ بِي مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ فَلَا تُطِعْهُمَا ۗ  
وَصَاحِبُهُمَا فِي الدُّنْيَا مَعْرُوفًا ۗ وَاتَّبِعْ سَبِيلَ مَنْ أَنَابَ إِلَيَّ ۚ ثُمَّ إِلَيَّ مَرْجِعُكُمْ  
فَأُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿١٥﴾

Luqman 31:15

Terjemahan: dan jika mereka berdua mendesakmu supaya engkau mempersekutukanKu dengan sesuatu yang tidak ada pengetahuanmu tentang itu, maka janganlah engkau taat kepada mereka dan bergaullah dengan mereka di dunia dengan cara yang baik (berbakti dengan menghubungkan silaturahmi). Dan ikutlah jalan orang yang kembali kepadaKu. kemudian kepada Akulah tempat kembali kamu semuanya, maka Aku akan memberitakan kepada kamu segala yang telah kamu kerjakan.

Ayat di atas menceritakan tentang wasiat Luqman kepada anaknya supaya jangan mempersekutukan Allah walaupun disuruh oleh ibu bapa. Mengingkari perintah ibu bapa daripada mempersekutukan Allah tidak bermaksud menjauhi mereka, bahkan diperintahkan supaya berbuat baik kepada mereka kerana kepayahan dan kesusahan

mereka membesarkan dan mendidik, juga kepayahan ibu mengandung, melahirkan, dan menyusukan sehingga 2 tahun.<sup>8</sup>

Mazhab Syafie berpandangan, ahli keluarga yang wajib menerima nafkah adalah ibu bapa dan ke atas (datuk dan nenek ke atas) kerana perkataan ibu bapa merujuk juga kepada datuk serta nenek.<sup>9</sup> Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

وَجَاهِدُوا فِي اللَّهِ حَقَّ جِهَادِهِ ۗ هُوَ اجْتَبَاكُمْ وَمَا جَعَلَ عَلَيْكُمْ فِي الدِّينِ مِنْ  
حَرَجٍ ۗ مِلَّةَ أَبِيكُمْ إِبْرَاهِيمَ ۗ هُوَ سَمَّاكُمُ الْمُسْلِمِينَ مِنْ قَبْلُ وَفِي هَذَا لِيَكُونَ  
الرَّسُولُ شَهِيدًا عَلَيْكُمْ وَتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ ۚ فَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا  
الزَّكَاةَ وَاعْتَصِمُوا بِاللَّهِ هُوَ مَوْلَاكُمْ ۖ فَنِعْمَ الْمَوْلَىٰ وَنِعْمَ النَّصِيرُ ﴿٧٨﴾

Al-Hajj 22:78

Terjemahan: dan berjihadlah kamu pada jalan Allah dengan jihad yang sebenar-benarnya, Dialah yang memilih kamu (untuk mengerjakan suruhan agamaNya) dan Dia tidak menjadikan kamu menanggung sesuatu keberatan dan susah payah dalam perkara agama, agama bapa kamu Ibrahim. Dia menamakan kamu: "orang-orang Islam" semenjak dahulu dan di dalam (al-Quran) ini, supaya Rasulullah (Muhammad) menjadi saksi yang menerangkan kebenaran perbuatan kamu, dan supaya kamu pula layak menjadi orang-orang yang memberi keterangan kepada umat manusia (tentang yang benar dan yang salah). oleh itu, dirikanlah sembahyang, dan berilah zakat, serta berpegang teguhlah kamu kepada Allah! Dialah pelindung kamu. maka (Allah yang demikian sifatnya) Dialah sahaja sebaik-baik pelindung dan sebaik-baik pemberi pertolongan.

<sup>8</sup> Al-Ṭobarī, Ābu Jaʿfar Muḥammad bin Jurair, *Tafsīr al-Ṭobarī* (Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah, 1999), 10: 211. Ibnu Kathīr, Ābu Fidāʾ Ismāʿil bin Umar bin Kathir, *Tafsīr āl-Qurān al-ʿAẓīm*, (Saudi : Dār al-Ṭaiyyibah lil Nasyir wa al-Tauziʾ, 2009), 6: 336.

<sup>9</sup> Āl-Mawardī, Imām Ābī āl-Ḥasan ʿAlī Muḥammad bin Ḥabīb āl-Mawardī āl-Basrī, *al-Ḥāwī al-Kabīr Fi Fiqh Mazhab al-ʿImām al-Syāfiʿi r.a* (Beirut: Dār al-Khotab al-ʿIlmiyyah, 2009), 11: 486.

Ayat di atas menjelaskan tentang Allah SWT menyebut Ibrahim sebagai bapa di dalam ayat di atas iaitu bapa kepada orang Arab serta orang Muslim, akan tetapi tidak mungkin kesemua mereka adalah anak kepada nabi Ibrahim. Allah menyebut bapa kepada nabi Ibrahim kerana beliau menghormati orang Muslim seperti seorang bapa menghormati anaknya.<sup>10</sup> Hal ini jelas membuktikan sekiranya nabi Ibrahim yang tidak mempunyai pertalian kekeluargaan dengan orang Arab disebut sebagai bapa, apatah lagi datuk dan nenek yang mempunyai pertalian kekeluargaan dengan cucu. Oleh itu, datuk dan nenek juga dimaksudkan sebagai bapa.

Menurut mazhab atau fuqaha Syafie lagi, nafkah tidak diwajibkan ke atas ahli keluarga lain seperti saudara lelaki, saudara perempuan, bapa saudara, ibu saudara, dan lain-lain. Hal ini kerana mereka dikira tiada hubungan dengan orang yang membiayai nafkah dari sudut kelahiran dan hukum-hukum kelahiran.<sup>11</sup>

Pandangan mazhab atau fuqaha Hanafi pula menyatakan nafkah wajib diberikan kepada ahli keluarga yang mahram disebabkan perkahwinan iaitu *zawi al-arham*. Manakala tidak diwajibkan membiayai nafkah ahli keluarga yang bukan mahram. Firman Allah SWT:

فَقَاتِ ذَا الْقُرْبَىٰ حَقَّهُ وَالْمِسْكِينَ وَابْنَ السَّبِيلِ ۚ ذَٰلِكَ خَيْرٌ لِلَّذِينَ يُرِيدُونَ

وَجَهَ ٱللَّهِ وَأُوٰلِيٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُفْلِحُونَ ﴿٣٨﴾

Al-Rum 30:38

Terjemahan: maka (bagi menyatakan sikap syukur) berikanlah kepada kerabatmu, dan orang miskin serta orang musafir akan haknya masing-masing; pemberian yang demikian adalah baik bagi orang-orang yang bertujuan memperoleh keredaan Allah dan mereka itulah orang-orang yang berjaya.

<sup>10</sup> Al-Qūrṭūbī, Ābu „Abdullah Muḥammad bin Āhmad al-Ānṣārī, *al-Jāmi‘ li Āḥkām al-Qurān*, (Kaherah : Dār al-Ḥadīs, 2010), 6: 412.

<sup>11</sup> *Ibid.*, 491.

Al-Tobari<sup>12</sup> menjelaskan ayat di atas adalah berkaitan berbuat kebaikan dan menyambung kebaikan dengan cara berbuat baik kepada kaum keluarga, orang-orang miskin dan orang yang sedang bermusafir.

Mazhab atau fuqaha Hanbali berpandangan wajib memberi nafkah terhadap ahli keluarga yang merupakan ahli waris yang mendapat faraid atau „asabah, tidak kira sama ada mereka furu“ atau usul. Fuqaha Hanbali tidak meletakkan mahram sebagai syarat menerima nafkah sepertimana fuqaha Hanafi. Dalil yang dipegang adalah:

﴿ وَالْوَالِدَاتُ يُرْضِعْنَ أَوْلَادَهُنَّ حَوْلَيْنِ كَامِلَيْنِ لِمَنْ أَرَادَ أَنْ يُنَمِّمَ الرِّضَاعَةَ وَعَلَى  
الْمَوْلُودِ لَهُ رِزْقُهُنَّ وَكِسْوَتُهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ لَا تُكَلَّفُ نَفْسٌ إِلَّا وُسْعَهَا لَا تُضَارَّ وَالِدَةٌ  
بِوَالِدِهَا وَلَا مَوْلُودٌ لَهُ بِوَالِدِهِ ۚ وَعَلَى الْوَارِثِ مِثْلُ ذَلِكَ ۚ فَإِنْ أَرَادَا فِصَالًا عَنْ  
تَرَاضٍ مِنْهُمَا وَتَشَاوُرٍ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا ۚ وَإِنْ أَرَدْتُمْ أَنْ تَسْتَرْضِعُوا أَوْلَادَكُمْ فَلَا  
جُنَاحَ عَلَيْكُمْ إِذَا سَلَّمْتُمْ مَا آتَيْتُم بِالْمَعْرُوفِ ۚ وَاتَّقُوا اللَّهَ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ بِمَا

تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿۲۳۳﴾

Al-Baqarah 2:233

Terjemahan: dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap Iaitu bagi orang yang hendak menyempurnakan penyusuan itu, dan kewajipan bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya. Tidaklah diberatkan seseorang melainkan menurut kemampuannya. Janganlah menjadikan seseorang ibu itu menderita kerana anaknya, dan (jangan juga menjadikan) seseorang bapa itu menderita kerana anaknya; dan waris juga menanggung kewajipan

<sup>12</sup> Al-Ṭobari, *Tafsir al-Ṭobari*, 10: 187.

yang tersebut (jika si bapa tiada). Kemudian jika keduanya (suami isteri mahu menghentikan penyusuan itu Dengan persetujuan (yang telah dicapai oleh) mereka sesudah berunding, maka mereka berdua tidaklah salah (melakukannya). dan jika kamu hendak beri anak-anak kamu menyusu kepada orang lain, maka tidak ada salahnya bagi kamu apabila kamu serahkan (upah) yang kamu mahu beri itu dengan cara yang patut. dan bertaqwalah kamu kepada Allah, serta ketahuilah, sesungguhnya Allah sentiasa melihat akan apa jua yang kamu lakukan.

Kesimpulannya, para fuqaha<sup>22</sup> bersepakat bahawa wajib memberi nafkah kepada ibu bapa sekadar mencukupi keperluan seperti roti, lemak, dan pakaian mengikut kemampuan dan mengikut adat kebiasaan sesebuah negeri.

#### 4.4 PANDANGAN FUQAHA' MENGENAI ANAK PEREMPUAN MENYARA IBU BAPA

Terdapat beberapa dalil dari al-Quran berkaitan kewajipan nafkah terhadap ibu bapa.

Antaranya di dalam surah al- Baqarah:

يَسْأَلُونَكَ مَاذَا يُنْفِقُونَ قُلْ مَا أَنْفَقْتُمْ مِنْ خَيْرٍ فَلِلْوَالِدَيْنِ وَالْأَقْرَبِينَ وَالْيَتَامَىٰ

وَالْمَسْكِينِ وَابْنِ السَّبِيلِ وَمَا تَفْعَلُوا مِنْ خَيْرٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ ﴿٢١٥﴾

Al-Baqarah 2:215

Terjemahan: mereka bertanya kepadamu (Wahai Muhammad) “apakah yang akan mereka belanjakan (dan kepada siapakah)?” Katakanlah: “apa jua harta benda (yang halal) yang kamu belanjakan maka berikanlah kepada: kedua ibu, kaum kerabat, anak-anak yatim, orang miskin dan orang-orang yang sedang dalam perjalanan.” (ingatlah), apa jua kebaikan yang kamu lakukan, maka sesungguhnya Allah Maha Mengetahuinya (dan akan membalas dengan sebaik-baiknya).

Ayat di atas merupakan nafkah sukarela yang mana kemudiannya ayat ini dinasakhkan dengan zakat akan tetapi pertukarannya bukan pada makna ayat.<sup>13</sup> Ibnu Kathir<sup>14</sup> menyatakan perlu memberi nafkah mengikut turutan yang disebut dalam ayat di atas iaitu turutan nafkah dimulai dengan ibu, kemudian bapa, kemudian saudara perempuan, kemudian saudara lelaki, kemudian sanak saudara.

Al-Qurtubi<sup>15</sup> menyatakan wajib ke atas seorang lelaki yang kaya menafkahkan bapanya apa yang dihajatkan dan diperlukan pada kadar tertentu. Antaranya, makanan, perlindungan, dan sebagainya. Di jelaskan juga bahawa tidak wajib bagi anak memberi

<sup>13</sup> Ibnu Kathīr, *Tafsīr al-Qurān al-ʿAẓīm*, 1: 576.

<sup>14</sup> *Ibid.*, 577.

<sup>15</sup> Al-Qurtūbī, *al-Jāmiʿ li-Āḥkām al-Qurān*, 2: 36-37.

nafkah kepada bapa jika bapa berkahwin lain kerana sebenarnya bapa itu berkemampuan oleh itu dia berhajat ingin berkahwin lain, cukup sekadar mengeluarkan sedekah fitrah.

Berdasarkan ayat di atas jelaslah bahawa jika seseorang itu berharta, maka orang yang paling utama menerima harta itu dan yang paling berhak di dahulukan serta paling besar hak mereka atas kita adalah kedua ibu bapa. Wajib ke atas kita berbakti kepada mereka dan haram menderhakai mereka. Salah satu cara berbakti kepada mereka adalah memberi nafkah. Wajib ke atas seorang anak yang berada dalam keadaan yang senang atau kaya menafkahi ibu bapanya, setelah ibu bapa, yang berhak adalah sanak saudara menurut turutan yang terdekat dan mengikut keperluan, kerana memberi nafkah kepada mereka adalah sebuah sedekah dan silaturrahim.<sup>16</sup>

Tanggungjawab memberi nafkah kepada ibu bapa ditanggung oleh anak lelaki akan tetapi anak perempuan tidak terlepas daripada tanggungjawab menjaga dan menyara ibu bapa.<sup>17</sup> Sekiranya di dalam sesebuah keluarga tidak mempunyai anak lelaki, maka anak perempuan tidak boleh melepaskan tanggungjawabnya begitu sahaja. Beliau mestilah menanggung dan menggalas peranan untuk menyara keluarga. Meskipun anak perempuan tersebut telah memiliki keluarganya sendiri, tanggungjawab kepada kedua ibu bapanya tidak boleh diabaikan kerana dia masih terikat dengan tanggungjawab tersebut.<sup>18</sup>

---

<sup>16</sup> Ābū Ṭaiyyīb Muḥammad Syām al-Haq, „*Āin al-Ma'būt Syarh Sunan Ābi Dāūd* (al-Riyād : Maktabah al-Ma,ārif, 2009), 7: 304.

<sup>17</sup> Zahrin bin Mohammad Mohtar, “Nafkah Terhadap Ibu-Bapa : Konsep Dan Perlaksanaannya Di Kuala Lumpur” (latihan ilmiah Ijazah Sarjana Muda Syariah, Akademi pengajian Islam, Universiti Malaya, 1996), 7.

<sup>18</sup> Al-Ḥafīz Aḥmad bin „Alī bin Hajar al-,Asqalanī, *Fath al-Bārī bi Syarh Ṣaḥīḥ al-Bukharī* (Riyād : Dār al-Ṭaiyyibah, 2011), 13: 513.



Daripada Abu Hurairah r.a berkata, telah datang seorang lelaki bertanya kepada Nabi Muhammad S.A.W:<sup>19</sup>

عَ تَلِّي شَيْئًا حَرَضِي اللَّهُ عَ، لَيْ: ضَاعَ حُ إِ سُنُّنِي اللَّصَّ اللَّهُ عَيْرُ سَنُّ فَسَجِي :  
بَسَسُ فِي اللَّهِ ، أَرَكُ أَبَ طَسَسُنُ صَرِيئِي؟ لَيْ : "أُهُ هَ لَيْ بُّهُ ؟ لَيْ : "أُهُ هَ  
"لَيْ بُّهُ ؟ لَيْ : "أُهُ هَ لَيْ بُّهُ ؟ لَيْ : "أُهُ نَ "

Terjemahan: daripada Abu Hurairah r.a berkata: datang seorang lelaki kepada Rasulullah SAW lalu berkata: ya Rasulullah, siapakah yang lebih berhak untuk dibuat baik dikalnganku? Jawab nabi "ibu kamu." Dia bertanya kemudian siapa? Jawab nabi "kemudian ibu kamu." Dia bertanya kemudian siapa? Jawab nabi "kemudian ibu kamu." Dia bertanya kemudian siapa? Jawab nabi "kemudian ayah kamu."

Dalam hadis di atas menyebut perkataan ibu sebanyak tiga kali berturut-turut dan menyebut perkataan bapa pada kali yang keempat adalah disebabkan penghargaan ke atas kesusahan dan kepayahan seorang ibu menanggung kesakitan ketika hamil, melahirkan, menyusukan, dan mendidik. Oleh itu wajib mendahulukan hak ibu terlebih dahulu daripada hak bapa.<sup>20</sup> Fath al-Bari<sup>21</sup> menjelaskan seorang ibu berhak mendapat bakti yang lebih besar daripada anaknya dan mendahulukan hak ibu dari hak bapa walaupun kedua-dua mereka memerlukannya.

Hadis di atas menjelaskan selepas Allah S.W.T. dan Rasul-Nya, orang yang perlu dihormati dan dikasihi adalah ibu dan bapa. Bukan setakat menghormati dan mengasihi mereka bahkan segala keperluan hidup, keselamatan, dan hak-hak mereka perlulah dipenuhi sekadar kemampuan si anak.

<sup>19</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Adāb, Bāb Man Ahaqqu al-Nās bi Husni al-Suhbah, no. Hadith 5971. Lihat Ābu Abd Allah Muhammad bin Ismail al-Bukhari, "Ṣaḥīḥ al-Bukhari," dalam Maūsū'at al-Hadīs al-Syarif: al-Kutub al-Sittah, ed. Salih bin Abd al-Aziz Al al-Shayh (Riyadh: Dār al-Salam, 2000), 506.

<sup>20</sup> Āl-Mawardī, *al-Ḥāwi al-Kabīr Fi Fiqh Mazhab al-Īmām al-Syāfi'e r.a.*, 11: 487.

<sup>21</sup> Al-Hafiz Ahmad bin ,Ali bin Hajar al-,Asqalani, *Fathu al-Bārī bi Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 13:494.

Perkataan anak seperti yang didefinisikan sebelum ini bukan dikhaskan kepada lelaki sahaja, bahkan wanita juga merupakan anak.

Firman Allah SAW :

﴿ وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا ۖ إِمَّا يَبُلُغَنَّ عِنْدَكَ الْكِبَرَ

أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَاهُمَا فَلَا تَقُلْ لَهُمَا أُفٍّ وَلَا تَهَرَّهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا



Al-Isra` 15:23

Terjemahan: dan Tuhanmu telah memerintahkan supaya kamu jangan menyembah selain Dia dan hendaklah kamu berbuat baik kepada ibu bapakmu. Jika salah seorang diantara keduanya atau kedua-duanya berusia lanjut dalam pemeliharaanmu, maka sekali-sekali janganlah engkau mengatakan kepada keduanya perkataan “ah” dan janganlah engkau membentak keduanya, dan ucapkanlah kepada keduanya perkataan yang baik.

Menurut al-Qurtubi,<sup>22</sup> ayat di atas menjelaskan bahawa Allah memerintahkan anak-anak supaya berbuat baik terhadap ibu bapa dan tidak masuk syurga anak-anak yang sombong terhadap ibu bapa serta meninggalkan salah seorang daripada kedua ibu bapa atau kedua-duanya tanpa peliharaan ketika mereka tua.

Berbuat baik terhadap ibu bapa tidak dikhususkan kepada ibu bapa Muslim sahaja, bahkan wajib berbuat baik terhadap ibu bapa bukan Muslim dan mendahulukan ibu tiga kali dari bapa.<sup>23</sup>

Ibnu Kathir<sup>24</sup> menjelaskan ayat di atas bahawa tingginya kedudukan ibu bapa kerana Allah SWT memerintahkan berbuat baik terhadap ibu bapa selepas ayat yang

<sup>22</sup> Al-Qurtubī, *al-Jami‘ li Āhkām al-Qurān*, 5 : 578.

<sup>23</sup> *Ibid.*, 5: 575-576.

memerintahkan supaya tidak menyekutukan Allah. Hal ini menunjukkan kewajiban berbuat baik terhadap ibu bapa.

Asma<sup>25</sup> binti Abu Bakar r.a berkata<sup>25</sup>:

رَتَّبَ شَيْئًا مُّشْرَحًا ، لِي : أَخْبَرَنِي أَبِي ، لِي : أَخْبَرَنِي لَأَبِي لَأَبِي ، لِي : دُئِي تَحْسِ ، لِي : دُ  
"لَأَبِي أُبِي سَأَخْتَجُ فِي عَدَاةِ أَخِي صَ ، اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ نَسَّ نَسَّ فَسَأَدُ أَخِي صَ ، اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ نَسَّ :  
لَأَبِي ؟ لِي : عُ ، لِي نَسَّ فَطَرِي اللَّهُ صَ نَسَّ قَيْبَ : لَا يَبُو اللَّهُ عَ - أَرِي -  
يُجَرُّ وَفِي أَدِي سَأَخْتَجُ أَسْخَ آيْخَ 8 ."

Terjemahan: diberitahu kepada kami Hisyam bin „Urwah, berkata: diberitahu oleh bapaku, berkata: diberitahu kepadaku Asma<sup>25</sup> binti Abu Bakar, berkata: “datang kepadaku ibuku Raqibah pada zaman nabi SAW, lalu aku bertanya kepada Nabi SAW, Apakah aku boleh menyambung tali silaturahmi dengannya?” Nabi SAW menjawab, “ya.” Ibnu „Uyainah berkata, ketika itu turunlah ayat: “Allah tidak melarang kamu untuk berbuat baik dan berlaku adil terhadap orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu).” (al-Mumtahanah: 8)

Di dalam hadis ini, Ibnu Hajar menjelaskan sekiranya ibu Asma<sup>25</sup> datang kepadanya disebabkan senang terhadap Islam maka Asma<sup>25</sup> tidak perlu meminta izin terhadap Rasulullah SAW kerana melunakkan hati seseorang untuk Islam merupakan perkara yang selalu dibuat dan diperintah oleh Rasulullah SAW.<sup>26</sup> Hal ini jelas bahawa Rasulullah SAW ingin mendidik anak perempuan agar tetap berbakti kepada ibu, walaupun dia seorang musyrik.

Dalam kisah yang lain menceritakan tentang ibu Sa<sup>26</sup>ad bin Abi Waqqas yang bernama Hamnah binti Sufyan bin Umayyah yang telah bersumpah tidak akan bercakap dengan anaknya Sa<sup>26</sup>ad selagi mana anaknya tidak keluar dari Islam. Dia menyuruh

<sup>24</sup> Ibnu Kathīr, *Tafsīr al-Qurān al-„Azīm*, 5 : 64.

<sup>25</sup> Ḥadīth riwayat al-Bukhari, Kitab al-„Ādāb, Bāb Silati al-Wālid al-Musyrik, no. Ḥadīth 5978. Lihat Ābu „Abd Allah Muḥammad bin Ismāil al-Bukhārī, “Ṣaḥīḥ al-Bukhārī,” dalam Maūsū“at al-Ḥadīs al-Syarīf: al-Kutub al-Sittah, ed. Salih bin Abd al-Aziz Al al-Shayh (Riyādh: Dār al-Salām, 2000), 506.

<sup>26</sup> Al-Ḥafiz Ḥmad bin „Alī bin Hajar al-„Asqalanī, *Fathu al-Bārī bi Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 13:512.

anaknyanya keluar dari Islam, maka turunlah ayat dalam surah al-Ankabut yang memerintahkan jangan menyekutukan Allah dan perlu berbuat baik terhadap ibu bapa.<sup>27</sup>

Kedua-dua kisah di atas jelas membuktikan bahawa tanggungjawab berbakti kepada ibu bapa adalah wajib tidak kira lelaki mahupun wanita. Menyara kedua ibu bapa termasuk salah satu cara berbakti kepada ibu bapa.

Akan tetapi, terdapat khilaf ulama<sup>28</sup> tentang isu tidak seagama diantara anak dengan ibu bapa. Wahbah<sup>28</sup> di dalam kitabnya menyatakan, ulama<sup>28</sup> Syafie dan Maliki tidak mensyaratkan mesti seagama dalam membiayai nafkah. Bererti anak perempuan yang kafir boleh membiayai nafkah ibu bapa yang Muslim dan anak perempuan yang Muslim juga boleh membiayai nafkah ibu bapa yang kafir. Hal ini kerana, menurut Wahbah dalil yang menunjukkan wajib nafkah adalah berbentuk umum dan diqiaskan ke atas nafkah isteri. Wahbah menyatakan mazhab Hanbali pula mempunyai dua pandangan. Pertama, wajib memberi nafkah walaupun berlainan agama. Kedua, tidak wajib anak memberi nafkah sekiranya berlainan agama atas alasan nafkah merupakan suatu bentuk pertolongan. Wahbah menyatakan ulama<sup>28</sup> Hanafi pula tidak mensyaratkan persamaan agama dalam memberi nafkah.

Hal ini dapat kita simpulkan bahawa jika seorang ibu yang musyrik masih berhak mendapat bakti dari anaknya, tentulah kewajipan anak untuk berbakti kepada ibu bapa Muslim harus berlipat ganda, tidak kira anak lelaki mahupun anak perempuan.

Seorang wanita apabila telah berkahwin, segala tanggungan dirinya adalah di bawah tanggungjawab suaminya. Amanah ini telah diserahkan oleh bapa wanita tersebut kepada suaminya. Pandangan Islam mengenai kedudukan wanita terhadap ibu

---

<sup>27</sup> *Ibid.*, 13: 492.

<sup>28</sup> Wahbah al-Zuhaili, *al-Fiqh al-Islāmī wa Ādillatuhu*, 10: 7354-7355.

bapanya setelah berkahwin dapat digambarkan melalui perintah menitik beratkan soal silaturrahim, perhubungan sebagai anak dan ibu bapa perlu diteruskan seperti biasa.<sup>29</sup>

Dalam bab nafkah kepada ibu bapa, Rasulullah SAW telah bersabda:<sup>30</sup>

عَ عَشْتِ شَعْنَتِ ، عَ تَلْدِيْ ، عَ خَدِيْرَضِي اللّٰهَ عَ ، لِيْ : اَسْخَلَا رَ اَنْبِي صَ  
اللّٰهَ عَزَّوَجَلَّ : " يَلْسُنُ نِي اللّٰهَ ، اِلَيْ بِلَا وَوْلَا ذَا اَسْوَجَ بِي ، لِيْ : اَ دَ  
بُ هَ اِذْنِ ، اِ اَمِيْ اَلَايُوْ ، اَطِيْتِ وَسْجِيْ فَيُ اَسْوَتِ اَلَايُوْ "

Terjemahan: daripada „Amri bin Shu,,ib, daripada bapanya, daripada datuknya r.a berkata: datang seorang lelaki kepada nabi Muhammad SAW lalu bertanya, “ya Rasulullah sesungguhnya disisiku terdapat harta dan anak-anak, adakah ibu bapaku berhak ke atas hartaku. Nabi menjawab, kamu dan harta kamu adalah milik ayahmu. Sesungguhnya anak-anak kamu adalah Antara sebaik-baik hasil usaha kamu. Oleh itu, makanlah daripada hasil usaha anak-anak kamu.”

Hadis ini menjelaskan tentang memberi nafkah kepada ibu bapa. Islam mewajibkan ke atas anak memberi nafkah kepada ibu bapanya, akan tetapi terdapat perbezaan syarat nafkah diantara ibu dan bapa. Tidak wajib anak memberi nafkah kepada bapanya jika bapanya mempunyai harta dan sihat tubuh badan. Jika seseorang anak memiliki harta lalu ibu bapanya berhajat akan sesuatu, maka perlulah anak menunaikan hajat ibu bapanya.<sup>31</sup>

Jelaslah bahawa segala apa yang dimiliki oleh seorang anak menjadi milik ibu bapanya. Hal ini bererti anak perempuan juga perlu memberikan hartanya dalam bentuk nafkah kepada kedua ibu bapanya kerana definisi anak itu bukan hanya digalas oleh lelaki bahkan wanita.

<sup>29</sup> Al-Ḥafīz Aḥmad bin ‚Alī bin Hajar al-‚Asqalanī, *Faṭḥu al-Bārī bi Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukharī*, 13: 513.

<sup>30</sup> Hadīth riwayat ‚Abī Daūd, *Kitab al-Buyūq, Bāb al-Rajul Yakkulu min Mālī Wālidihī*, no. Hadīth 3530. Lihat Sulaiman bin al-Asy`ats bin Ishak bin Basyir bin Syihab bin Amar bin `Amran al-Azdi as-Sijistani, “Sunan ‚Abī Daūd,” dalam *Mausu`at al-Hadis al-Syarīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Salih bin Abd al-Aziz Al al-Shayh (Riyadh: Dār al-Salam, 2000), 1485.

<sup>31</sup> ‚Abū Ṭaiyyib Muḥammad Syām al-Haq, „*Āin al-Ma`būt Syarḥ Sunan ‚Abī Daūd*, 5: 297-298.

Wanita wajib mentaati suaminya dan memberi keutamaan kepada suaminya daripada arahan ibu bapanya. Walau bagaimanapun Islam melarang para suami berlaku tidak adil terhadap isterinya. Jika ada sesuatu keperluan wanita seperti isteri ingin membantu ibu bapanya yang susah dan memerlukan bantuan, maka suami perlulah bertolak ansur. Para suami perlulah ingat bahawa setelah dia mengahwini wanita tersebut, maka ibu bapa mertuanya telah menjadi mahramnya dan sama taraf dengan ibu bapanya sendiri. Perlulah diberi kasih sayang dan segala keperluan dan hajat mereka berdua. Jika mereka terdiri daripada orang miskin, perlulah diberi bantuan. Suami dan isteri wajib berbuat baik kepada kedua orang tua (kedua-dua belah pihak) sehingga penghujung hayat mereka. Berbuat baik dalam erti kata menyenangkan hati keduanya, menjaga, serta memberi apa-apa keperluan mereka berdua. Ibu bapa mempunyai hak ke atas anak mereka untuk diperlakukan, dilayan dengan baik, serta dihormati. Ia juga sebagai mengenang jasa kedua ibu bapa. Anak yang enggan berbakti dan berbuat baik kepada ibu bapanya di anggap anak derhaka. Menderhaka kepada ibu bapa termasuk di dalam dosa besar seperti mana sabda Rasulullah SAW:<sup>32</sup>

عَ عَجْزِ النَّبِيِّ عَشْرَ سَضَى اللَّهُ ع. بَب، لَيْبَى : ضَاءَ أَشْرَيْتِي إِئْ أَنْبِيَّ صَ اللَّهُ عَدْرَ نَسَّ ،  
 فَسَمِي : بَأُجَيْشُ لَيْبَى : " الْإِشْرَانُ لِلَّهِ " مَأُ لَيْبَى بَأُ بَرَا ؟ لَيْبَى : " أَنْتُ عُمُ قُ الْإِدِّيَ " ،  
 لَيْبَى بَأُ بَرَا ؟ لَيْبَى : " أَنْتُ الْإِيَّيَّ عَطَّ " ، لِيذ : بَأُ الْإِيَّيَّ عَطَّ " ظَلَيْبَى : " أَرَّ يَرْطُغُ  
 بِيَّ اَشِيَّ سُنُّ مَقِيَّبَ وَرَّ "

Terjemahan: daripada „Abdullah bin Umar r.a berkata, datang seorang lelaki arab kepada nabi SAW lalu berkata: ya Rasulullah, apakah sebesar-besar dari dosa besar?, baginda menjawab: menyekutukan Allah, kemudian dia bertanya, kemudian apa?, baginda menjawab: menderhaka kepada kedua ibu bapa, kemudian dia bertanya, kemudian

<sup>32</sup> Ḥadīth riwayat al-Bukhārī, Kitāb Istitābah al-Murtadin wa al-Maʿanidin wa Qatalahum, Bāb Ismī Man Asyraka Billah wa Uqubatihi fī Ad-Dunyā wa al-Ākhirah, no. Ḥadīth 6920. Lihat Ābu ʿAbd Allah Muḥammad bin Ismāʿīl al-Bukhārī, “Ṣaḥīḥ al-Bukhārī,” dalam Maūsūʿat al-Ḥadīs al-Syarīf: al-Kutub al-Sittah, ed. Salih bin Abd al-Aziz Al al-Shayh (Riyadh: Dar al-Salam, 2000), 577.

apa? Baginda menjawab: sumpah palsu, dia bertanya: apa yang bersumpah palsu? baginda menjawab: yang dipotong ke dalam kekayaan seorang muslim adalah pendusta".

Menurut al-Qurtubi,<sup>33</sup> derhaka kepada kedua orang tua ialah menyalahi perintah keduanya. Manakala bakti pula ialah mematuhi perintah mereka. Maka wajib ke atas seorang anak mentaati kedua ibu bapanya selagi mana perintah mereka itu bukan maksiat dan menyalahi perintah agama Islam.

Hal ini jelaslah bahawa anak perempuan tidak terlepas daripada menjalankan tanggungjawab dan berbakti kepada orang tuanya walaupun sudah berkahwin, kerana wajib ke atas anak-anak menanggung pembiayaan nafkah ibu bapanya tidak kiralah anak lelaki mahupun anak perempuan mengikut pandangan ulama<sup>34</sup> Hanafi kerana kedua-duanya mempunyai makna yang sama iaitu *furu* (anak/waris) kepada *usul* (ibu bapa).<sup>34</sup>

Jumhur ulama<sup>35</sup> berpendapat bahawa orang yang wajib menyara ibu bapa adalah anak lelaki serta anak lelaki kepada anak lelaki (cucu lelaki), akan tetapi jika terdapat beberapa anak yang lain maka hukum ini berubah. Contohnya ibu bapa mempunyai anak yang ramai dan terdiri daripada lelaki serta wanita, maka hukum berubah menjadikan kesemua anak-anak bertanggungjawab ke atas nafkah ibu bapa. Jika yang tinggal hanyalah anak perempuan dan cucu lelaki, maka hak menyara perlulah dijalankan oleh kerabat atau ahli waris yang terdekat iaitu anak perempuan.<sup>35</sup>

---

<sup>33</sup> Al-Qurtūbī, *al-Jamī' li Ahkām al-Qurān*, 5 : 578.

<sup>34</sup> Burhānuddīn, Alī bin Abī Bakar, *Fath al-Qadīr*, (Beirūt: Dār al-Kutub al-Ilmiyah, 1995), 3:348.

<sup>35</sup> Wahbah al-Zuhaili, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, 10: 7380.

Jumhur ulama<sup>36</sup> bersepakat bahawa wajib setiap anak memberi nafkah kepada ibu bapa, termasuklah anak perempuan.<sup>36</sup> Akan tetapi terdapat khilaf ulama<sup>37</sup> mengenai kadar yang ditetapkan bagi setiap anak untuk membiayai nafkah ibu bapa mereka. Dalam mazhab Maliki<sup>37</sup> terdapat dua pandangan, pertama ialah jika ibu bapa mempunyai anak-anak yang senang, maka anak-anak itu perlu berkongsi nafkah ibu bapanya mengikut kadar kekayaan masing-masing tidak kira lelaki atau wanita. Pandangan pertama ini merupakan pandangan yang rajih. Pandangan kedua pula ialah jumlah pembiayaan nafkah ibu bapa mesti dibahagikan mengikut bilangan anak dengan sama rata. Bermaksud kadar anak lelaki dan kadar anak perempuan adalah sama. Menurut ulama Hanafi, Syafie, dan Hanbali<sup>38</sup> pula, kadar pembiayaan nafkah ibu bapa mestilah dibahagikan mengikut kadar habuan harta pusaka. Bagi seorang anak lelaki bersamaan dua bahagian anak perempuan. Bermaksud kadar pembiayaan nafkah anak lelaki melebihi kadar dari anak perempuan, kerana firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 233

"..... وَعَلَى الْوَارِثِ مِثْلُ ذَلِكَ....."

Terjemahan: "... dan waris juga menanggung kewajipan tersebut...."

Ayat di atas mengaitkan nafkah dengan pusaka, oleh itu pemberi nafkah juga perlu dikaitkan dengan penerima pusaka. Jadi, tidak menjadi satu kesalahan bagi kaum wanita iaitu anak perempuan menyara ibu bapanya kerana nafkah terhadap ibu bapa juga menjadi keharusan ke atas anak perempuan disebabkan anak perempuan turut menerima pusaka.

---

<sup>36</sup> *Ibid.*, 10: 7423.

<sup>37</sup> *Ibid.*, 10: 7423.

<sup>38</sup> *Ibid.*, 10: 7424.



Terdapat sebahagian ulama<sup>39</sup> mazhab Syafie menyatakan anak perempuan juga mempunyai tanggungjawab yang sama dengan anak lelaki dalam saraan terhadap ibu bapa. Kadar yang perlu dikeluarkan oleh mereka adalah sama walaupun salah seorang mempunyai kemudahan harta manakala lagi seorang mempunyai kemampuan berkerja, kerana „*illat* wajib memberi nafkah merangkumi mereka berdua iaitu anak lelaki dan anak perempuan.<sup>39</sup>

Kadar pemberian nafkah tidaklah bersifat mutlak kerana setiap orang tidak sama kemampuannya. Ada yang lebih berkemampuan dan kaya menyediakan kesemua keperluan dan ada pula yang sebaliknya. Apa yang penting memberikan komitmen dan tanggungjawab ini sebaik mungkin dengan kadar yang memberi keselesaan, bukannya kemewahan atau pembaziran yang melampau.

Mengenai kadar pembiayaan nafkah ibu bapa, fuqaha<sup>40</sup> tidak menetapkan kadar yang tertentu akan tetapi mestilah berpatutan dan mencukupi menyara ibu bapa kerana kewajipan nafkah kepada ibu bapa adalah memenuhi kadar keperluan mereka.

Di Malaysia tidak terdapat undang-undang yang diperuntukkan secara khusus berkaitan nafkah ibu bapa. Namun, terdapat peruntukan nafkah kaum kerabat secara umum dalam enakmen negeri. Sebagai contoh, seksyen 61 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003<sup>40</sup> memperuntukkan:

“Mahkamah boleh memerintahkan mana-mana orang yang bertanggung tentang hal itu mengikut hukum syara<sup>40</sup> supaya membayar nafkah kepada seorang lain jika dia tidak upaya, sepenuhnya ataupun sebahagiannya, dari mencari kehidupan oleh sebab kerosakan otak atau jasmani atau tidak sihat dan mahkamah berpuas hati bahawa memandang kepada orang yang pertama tersebut itu adalah munasabah memerintahkan sedemikian”.

Peruntukan di atas adalah tidak jelas kerana tidak dikhususkan kepada nafkah ibu bapa sahaja, bahkan termasuk nafkah kepada ahli keluarga yang lain. Negara-negara Timur

<sup>39</sup> *Ibid.*, 10: 7358.

<sup>40</sup> Badruddin Ibrahim dan Azizah Mohd, “Hak Ibu Bapa Terhadap Nafkah Dalam Perundangan Islam: Enakmen no.2,” *Makalah Kanun* 1 (Jun 2012), 34.

Tengah seperti Kuwait, Jordan, Qatar, dan Maghribi mempunyai undang-undang peruntukan nafkah ibu bapa yang terperinci dan jelas. Contohnya di Kuwait, Seksyen 201 Undang-Undang Keluarga Kuwait 1984<sup>41</sup> memperuntukkan:

“Wajib atas anak yang berkelapangan lelaki atau perempuan, membiayai nafkah kedua-dua ibu bapa, datuknya dan neneknya, walaupun berbeza agama atau berkemampuan bekerja. Sekiranya bilangan anak ramai, maka kewajipan nafkah atas mereka mengikut kelapangan mereka.”

Undang-undang nafkah terhadap ibu bapa juga telah dilaksanakan di negara Asia seperti Filipina, Taiwan, India, dan Singapura. Contohnya, Akta Nafkah Ibu Bapa 1995 di Singapura memperuntukkan ibu bapa mempunyai hak menuntut nafkah daripada anak-anaknya melalui mahkamah. Sekiranya anak-anak gagal memberi nafkah, dikenakan hukuman denda sebanyak \$5000 (RM12,200) atau penjara selama enam bulan sekiranya didapati bersalah.<sup>42</sup>

Setelah mengetahui kedudukan serta hukum wanita dalam menyara ibu bapa, maka perlu juga mengetahui syarat-syarat yang menyebabkan kaum wanita iaitu anak perempuan menyara kedua ibu bapanya.

#### **4.4.1 Syarat Wajib Nafkah Ke Atas Keluarga**

Wahbah menjelaskan antara syarat-syarat wajib nafkah ke atas keluarga adalah:<sup>43</sup> Pertama: fakir, tidak mempunyai harta, dan tidak berkemampuan untuk berkerja di sebabkan tua, sakit, gila, serta belum baligh. Syarat ini hanya kepada ahli keluarga selain daripada ibu bapa, kerana anak-anak wajib memberi nafkah kepada ibu bapa meskipun ibu bapa mampu berkerja, sihat, serta kuat. Wahbah juga menyatakan pandangan yang *rajih* dari Mazhab Maliki iaitu anak-anak tidak wajib memberi nafkah

---

<sup>41</sup> Ibid., 39

<sup>42</sup> Talani Palani, “Make it an Offence for Children to Abandon Parents”, laman sesawang FMT News (Free Malaysia Today), dicapai 6 Disember 2011 di <http://www.freemalaysiatoday.com/2011/12/06/karpal-make-it-crime-for-children-to-abandon-parents/>;retrieved2ndMarch2012.

<sup>43</sup> Wahbah al-Zuhaili, *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*, 10: 7421.

kepada kedua ibu bapa sekiranya mereka mampu berkerja akan tetapi tidak mahu berkerja. Syarat pertama jelas menunjukkan bahawa anak perempuan mestilah membiayai nafkah ibu bapanya sekiranya ibu bapanya fakir dan tidak mempunyai harta.

Kedua: anak perempuan yang membiayai nafkah mestilah seorang yang senang iaitu mempunyai lebih kewangan atau harta melebihi keperluan dirinya, tidak kiralah sumber kewangan itu diperoleh daripada hasil pekerjaannya atau hasil pendapatan hartanya.<sup>44</sup> Bermaksud setelah ditolak perbelanjaan ke atas dirinya sendiri mendapati tidak mencukupi, maka tidak wajib ke atas anak perempuan itu membiayai nafkah ibu bapanya.

Ulama<sup>45</sup> Maliki berpandangan, anak-anak yang miskin tidak wajib membuat lebih kerja bertujuan menanggung nafkah ibu bapa mereka walaupun mereka mampu berbuat demikian.<sup>45</sup>

Syarat kedua ini adalah berpandukan hadis Jabir:<sup>46</sup>

عَبْتَشْ ، أَسْخَلَ الْأُصْبِيسَ ، يَقْلِي " : أَثْ زَوْسَ أَعْرَكَ غَلْبَ " يَقْلِي " : يَعْمُ ،  
عَدْتَشْ " ي " " بِي غَيْرِهِ فَعَبْتَشْ سُرِّي اللَّهُ ﷺ مَبِي " : شَرِيْشَ فَيَشِيْشُ زَشَا عَيْمَشْ  
عَجَزَ اللَّهُ لَسْ بَعْتَشْ بِيْخَدَسْ " فَنَفَعَبْ إِيْ مَثْلُ بِي : لَوْبُ " أَرْزُوْشَ فَيَشِيْشُ ، فَيَجْزَلْفَسْ  
فَأَوْبُ فَيَبْفَضْ فَعُ عِيْ فَأَوْبُ فَيَبْفَضْ فَعُ رُ لَشِيْشُوْ ، لَأَبِي : ع رُ سَرْزُ  
فَأَوْبُ ضَلْفُ بَبِيْبُ "

Terjemahan: daripada Jabir, seorang lelaki Ansar berkata: Abu menyebut tentang masa mudanya: yaakob, tidak mempunyai harta lagi, maka nabi Muhammad SAW menyeru: “sesiapa yang menjual, maka juallah kepada Naim bin „Abdullah bin Naham dengan harga lapan ratus dirham, lalu dia memberinya, kemudian berkata: apabila seorang daripada kamu fakir, maka hendaklah ia mulakan dengan belanja dirinya, jika mempunyai lebihan, maka belanja kepada ahli

<sup>44</sup> *Ibid.*, 10: 7422.

<sup>45</sup> *Ibid.*, 10: 7422.

<sup>46</sup> Hadith riwayat Ābū Daūd, Kitab al-Atiq, Bāb fī al-Bāi‘ī al-Mudabbar, no. Hadith 3957. Lihat Sulaimān bin al-Asy’ats bin Ishak bin Basyir bin Syihab bin Amar bin `Amran al-Azdi as-Sijistani, “Sunan Ābī Daūd,” dalam *Mausu’at al-Hadis al-Syarif: al-Kutub al-Sittah*, ed. Salih bin Abd al-Aziz Al al-Shayh (Riyadh: Dār al-Salam, 2000), 1513.

keluargamu, dan jika terdapat lagi lebih, maka berbelanja kepada kerabatnya.

Ketiga: menurut pandangan mazhab Hanafi, orang yang memberi nafkah mestilah mempunyai hubungan kerabat yang mahram dengan orang yang dibiayai nafkah serta mereka adalah orang layak mewarisi hartanya. Ulama<sup>2</sup> Hanbali pula mensyaratkan orang yang memberi nafkah itu adalah dari kalangan ahli waris. Menurut mazhab Maliki pula, nafkah hanya wajib diberikan kepada ibu bapa dan anak-anak sahaja. Syafie pula berpandangan nafkah wajib diberi kepada furu<sup>2</sup> ke atas serta usul ke bawah.

University of Malaysia

## 4.5 FAKTOR-FAKTOR WANITA MENGGALAS BEBANAN TANGGUNGJAWAB MENYARA KELUARGA.

### 4.5.1 Pendahuluan

Untuk melihat realiti semasa faktor-faktor tanggungjawab wanita terhadap ibu bapa, metod temu bual dijalankan bagi memperoleh data-data dalam bab ini. Data-data yang diperoleh kemudiannya akan dianalisis secara manual dan dibincangkan. Hasil daripada sesi temu bual dengan 20 orang responden wanita yang berkerja sekitar Kuala Lumpur dan Lembah Klang. Sebelum dikemukakan faktor-faktor wanita menggalas bebanan tanggungjawab menyara keluarga, maklumat berkaitan dengan profil responden akan dikemukakan terlebih dahulu. Responden akan dilebelkan sebagai WB (wanita berkerjaya).

### 4.5.2 Maklumat Asas Responden

Dapatan kajian dalam bahagian ini dibentangkan dalam bentuk jadual dan dianalisis secara deskriptif. Maklumat demografi responden adalah merangkumi umur, taraf perkahwinan, taraf pendidikan, jumlah tanggungan, pekerjaan, dan jumlah pendapatan sebagaimana dalam jadual 4.5.2.

Jadual 4.5.2 – Demografi Responden

Bil	Umur	Taraf Perkahwinan	Taraf Pendidikan	Pekerjaan	Jumlah Pendapatan	Jumlah Tanggungan
WB 1	38 Tahun	Berkahwin	Ijazah	Swasta	RM1000- RM1500	3 Orang
WB 2	35 Tahun	Berkahwin	Rendah	Swasta	RM1000- RM1500	5 Orang
WB 3	37 Tahun	Berkahwin	Diploma	Kerajaan	RM2001- RM2500	2 Orang
WB 4	39 Tahun	Ibu tunggal	Menengah (SPM)	Kerajaan	RM1501- RM2000	6 Orang
WB 5	38 Tahun	Berkahwin	Menengah (SPM)	Kerajaan	RM1501- RM2000	1 Orang
WB 6	40 Tahun	Berkahwin	Menengah (SPM)	Kerajaan	RM1501- RM2000	3 Orang

WB 7	40 Tahun	Bujang	Rendah	Badan Berkanun	RM1501- RM2000	2 Orang
WB 8	37 Tahun	Ibu Tunggal	Menengah (SPM)	Badan Berkanun	RM2001- RM2500	3 Orang
WB 9	34 Tahun	Berkahwin	Menengah (SPM)	Kerajaan	RM1501- RM2000	3 Orang
WB 10	34 Tahun	Berkahwin	Menengah (SPM)	Badan Berkanun	RM1501- RM2000	2 Orang
WB 11	35 Tahun	Berkahwin	Diploma	Swasta	RM 3000 ke atas	2 Orang
WB 12	31 Tahun	Berkahwin	Diploma	Kerajaan	RM1501- RM2000	2 Orang
WB 13	39 Tahun	Berkahwin	Diploma	Kerajaan	RM2501- RM3000	6 Orang
WB 14	39 Tahun	Berkahwin	Menengah (SPM)	Kerajaan	RM 3000 ke atas	5 Orang
WB 15	33 Tahun	Bujang	Diploma	Kerajaan	RM1501- RM2000	1 Orang
WB 16	27 Tahun	Bujang	Ijazah	Kerajaan	RM 3000 ke atas	2 Orang
WB 17	35 Tahun	Berkahwin	Ijazah	Kerajaan	RM 3000 ke atas	3 Orang
WB 18	40 Tahun	Berkahwin	Ijazah Kedoktoran	Kerajaan	RM 3000 ke atas	7 Orang
WB 19	31 Tahun	Berkahwin	Ijazah	Swasta	RM 3000 ke atas	3 Orang
WB 20	27 Tahun	Berkahwin	Ijazah	Kerajaan	RM 3000 ke atas	3 Orang

Sumber: Temu bual

Kajian ini melibatkan seramai 20 orang responden wanita yang berkerjaya. Responden yang diambil berumur diantara 27 hingga 40 tahun. Majoriti responden telah berkahwin iaitu seramai 17 orang dan hanya 3 orang responden yang masih bujang. Responden-responden yang telah berkahwin terbahagi kepada dua golongan iaitu golongan pertama masih mempunyai suami manakala golongan kedua merupakan ibu tunggal.

Responden yang mempunyai tanggungan paling ramai adalah responden kelapan belas iaitu sebanyak 7 orang tanggungan termasuklah ibu ayah beliau. Manakala responden paling minima tanggungan adalah responden kelima belas iaitu hanya seorang tanggungan.

Berdasarkan data yang telah dianalisis, sebanyak 2 orang responden berpendapatan diantara RM 1000 hingga RM 1500. Responden yang mempunyai pendapatan diantara RM 1501 hingga RM 2000 adalah seramai 9 orang. Manakala responden berpendapatan diantara RM 2001 hingga RM 2500 hanya 2 orang sahaja. Baki responden lain mempunyai pendapatan sekitar RM 3000 ke atas adalah seramai 7 orang.

#### 4.5.3 Persepsi Wanita Terhadap Pembiayaan Nafkah Ibu Bapa

Penulis telah mengemukakan beberapa persoalan untuk menilai persepsi wanita tentang nafkah ibu bapa dan sejauh mana ia dilaksanakan.

Kesemua responden menyatakan pandangan bahawa wajar bagi seorang anak perempuan membiayai nafkah ibu bapa atas beberapa alasan. Antara alasan yang dikemukakan oleh responden-responden adalah :

Respon	Kekerapan
Rasa tanggungjawab sebagai seorang anak	12
Bagi meringankan beban	4
Ibu bapa tidak mempunyai pendapatan tetap	2
Sebagai tanda membalas jasa	1
Sekadar mengembirakan ibu bapa	1

Sumber: Temu bual

Jadual 4.5.3 menunjukkan bahawa majoriti responden iaitu seramai 12 orang menyatakan wajar anak perempuan membiayai nafkah ibu bapa atas alasan rasa tanggungjawab sebagai seorang anak. Sebanyak 4 orang responden lain pula menyatakan wajar anak perempuan membiayai nafkah ibu bapa atas alasan bagi meringankan beban ibu bapa. 2 orang responden lain menyatakan wajar anak perempuan membiayai nafkah ibu bapa atas alasan yang sama iaitu ibu bapa tidak

mempunyai pendapatan yang tetap. Seorang responden menyatakan wajar anak perempuan membiayai nafkah ibu bapa sebagai tanda membalas jasa ibu bapa, manakala seorang lagi responden juga menyatakan wajar disebabkan sekadar mengembirakan ibu bapa.

Berdasarkan temu bual yang dijalankan juga, didapati kesemua responden menjalankan tanggungjawab membiayai nafkah ibu bapa.

#### 4.5.4 Amalan Pembiayaan Nafkah Terhadap Ibu Bapa

##### (i) Bentuk-Bentuk Pembiayaan Nafkah

Terdapat pelbagai bentuk pembiayaan nafkah terhadap ibu bapa yang boleh dilunaskan oleh anak-anak. Antaranya pembiayaan dalam bentuk kewangan, bayaran rawatan kesihatan, menyumbang tenaga, membayar bil dan keperluan lain yang diperlukan.

Respon	Kekerapan
Kewangan	11
Bayaran rawatan kesihatan	3
Memberi khidmat (tenaga)	2
Bayaran bil	2
Keperluan lain yang diperlukan	2

Sumber: Temu bual

Berdasarkan temu bual dengan responden, didapati kebanyakan responden lebih gemar membiayai nafkah ibu bapa dalam bentuk memberi kewangan. Hal ini terbukti apabila kekerapan responden yang membiayai nafkah dalam bentuk kewangan adalah sebanyak 11 orang. Selain daripada memberi dalam bentuk kewangan, terdapat responden lain yang membiayai nafkah dalam bentuk bayaran rawatan kesihatan



sebanyak 3 orang, memberi khidmat (tenaga) sebanyak 2 orang, bayaran bil sebanyak 2 orang, dan memberi keperluan lain yang diperlukan adalah sebanyak 2 orang.

(ii) Kadar Pembiayaan Nafkah Ibu Bapa

Respon	Kekerapan
Tidak menentu (mengikut kemampuan)	11
Tetap	5
Lain-lain	4

Sumber: Temu bual

Hasil temu bual yang dijalankan terhadap responden, di dapati kekerapan tertinggi kadar pembiayaan nafkah ibu bapa adalah tidak menentu. Sebanyak 11 orang responden membiayai nafkah ibu bapa secara tidak menentu iaitu mengikut kemampuan.

Seramai 5 orang responden pula membiayai nafkah ibu bapa secara tetap. Diantara responden yang membiayai nafkah ibu bapa secara tetap adalah responden WB 10 memberi nafkah kepada ibu bapanya secara tetap dengan cara memotong gaji bulanannya untuk dimasukkan ke dalam akaun Amanah Saham Berhad (ASB) ibunya sebanyak RM 100 setiap bulan. Responden WB 18 pula membiayai nafkah ibunya secara tetap dengan cara memotong gaji setiap bulan sebanyak RM 200 untuk dimasukkan ke dalam akaun Tabung Haji ibunya, manakala RM 300 dimasukkan sendiri ke dalam akaun lain ibunya. Responden WB 1 pula memberi wang sebanyak RM 250 sebulan kepada ibunya secara tetap.

Lain-lain responden iaitu sebanyak 4 orang tidak membiayai ibu bapa dalam bentuk kewangan, akan tetapi dalam bentuk khidmat tenaga dan membiayai keperluan

lain yang diperlukan oleh ibu bapa. Responden WB 11 hanya membiayai keperluan-keperluan yang diperlukan oleh bapanya setiap bulan seperti memberi pakaian, memberi barangan dapur, dan sebagainya. Responden WB 15 hanya memberi khidmat tenaga kepada ibu bapanya kerana beliau tinggal bersama ibu bapanya dan mempunyai masa yang banyak untuk berbakti kepada ibu bapa disebabkan masih bujang.

#### **4.5.5 Faktor Pembiayaan Nafkah Ibu Bapa Oleh Anak Perempuan.**

Berdasarkan temu bual yang telah dijalankan, di dapati bahawa setiap responden mempunyai sebab dan alasan tersendiri membiayai nafkah ibu bapa. Namun terdapat juga alasan serta sebab yang sama di antara responden-responden. Berikut merupakan sebab serta alasan yang dikemukakan oleh responden-responden:

##### **1) Faktor Ekonomi**

Anak perempuan lebih mampu dari segi ekonomi berbanding anak lelaki kerana kedudukan kewangan anak perempuan lebih kukuh daripada kewangan anak lelaki. Kesemua 20 orang responden wanita adalah berkerjaya dan 15 orang daripada 20 orang responden mempunyai lebih kewangan hasil pendapatan berkerja menyebabkan responden dapat membiayai nafkah ibu bapa masing-masing. Suami kepada responden-responden yang mempunyai lebih pendapatan ini tidak kisah hasil pendapatan kemana mahu dibelanjakan menyebabkan kesemua responden boleh membiaya ibu bapa mereka setiap bulan sama ada dengan cara memberi duit secara tetap setiap bulan atau memberi tidak kira waktu jika ibu bapa berkeperluan atau berhajat akan sesuatu.

Terdapat 2 orang responden daripada 20 orang responden yang menggunakan sedikit lebih daripada pendapatan mereka untuk keluarga kecil mereka, akan tetapi tidaklah sampai secara keseluruhan pendapatan perlu digunakan. Mereka masih mempunyai lebih untuk diberikan kepada ibu bapa mereka kerana tanggungjawab membiayai keluarga kecil mereka telah digalas sepenuhnya oleh suami masing-masing,

mereka hanya perlu menampung sekiranya tidak mencukupi sahaja. Hal ini adalah berdasarkan hasil temu bual yang dijalankan bersama WB 11 dan WB 19.

Antara kenyataan WB 11 adalah:

...suami akak tak ambil tahu pasal gaji akak, berapa gaji akak, apa akak nak buat dengan gaji tu, akak nak beri pada siapa, suami akak memang tak kisah. Cumanya atas dasar ihsan akak sendiri la kalau apa-apa pembelian barang rumah kadang-kadang akak dahulukan duit akak dan tak tunggu suami bayarkan, jadi itu saja yang akak keluarkan dari gaji akak, hanya untuk mendahulukan atau menampung sekiranya tak mencukupi dihujung bulan ...<sup>47</sup>

Manakala kenyataan WB 19 pula ialah:

... hasil gaji akak digunakan untuk diri sendiri, mak, dan untuk anak. Selebihnya suami yang akan keluarkan gajinya untuk perbelanjaan rumah akak, jadi akak boleh menyara mak akak dikampung. Kalau ada apa-apa keperluan yang tak mencukupi sahaja akak akan guna duit gaji akak untuk keluarga kecil akak ...<sup>48</sup>

Terdapat 6 orang responden yang memberikan alasan saudara lelaki mereka mempunyai masalah kewangan, mempunyai pendapatan yang tidak mencukupi untuk menanggung anak-anak yang ramai serta isteri yang tidak berkerja.

## 2) Faktor Moral

Faktor moral boleh mempengaruhi seseorang untuk melakukan apa jua kebaikan. Sebagai contoh dalam isu menjaga dan membiayai nafkah ibu bapa dapat dilakukan sekiranya seseorang anak mempunyai moral yang baik iaitu akhlak yang baik, kerana

---

<sup>47</sup> Wanita Bekerja 11, dalam temu bual dengan penulis, 5 April 2017.

<sup>48</sup> Wanita Bekerja 19, dalam temu bual dengan penulis, 30 April 2017.

seorang anak itu akan merasakan bahawa menjaga dan membiayai ibu bapa adalah tanggungjawabnya bagi membalas jasa ibu bapa yang melahirkan dan membesarkannya.

Temu bual yang dijalankan terhadap kesemua responden di dapati bahawa kesemua responden menjalankan tanggungjawab terhadap ibu bapa masing-masing dalam pelbagai bentuk seperti memberikan wang, memberikan khidmat, dan menjaga, akan tetapi didapati sebilangan responden mempunyai alasan yang kukuh mengapa mereka menggalas tanggungjawab memelihara dan membiayai ibu bapa dan bukanlah saudara lelaki mereka yang menanggung ibu bapa. Berikut merupakan kenyataan oleh beberapa orang responden:

WB 5: ... bagi akak memang satu kewajiban kita sebagai anak, tidak kira lelaki atau perempuan perlu menjaga ibu bapa bagi membalas jasa mereka selama ini, tapi abang akak lebih mementingkan perasaan isterinya jadi mama akak duduk dengan akak ...<sup>49</sup>

WB 14: ... pada pandangan saya, wajib seorang anak tidak kira lelaki atau perempuan perlu menjaga ibu bapanya terutama jika ibu bapa mencecah usia emas, uzur, ibu tunggal, bapa tunggal, dan sebagainya ...

... memang kebanyakan saudara lelaki saya lebih mengutamakan perasaan isteri masing-masing berbanding perasaan ibu ...<sup>50</sup>

WB 19: ... bagi akak, sememangnya menjadi tanggungjawab akak sebab ibu akak tak ada suami, sudah bercerai, maka mesti memberi kewangan dan menjaga ibu ...

... satu-satunya saudara akak, iaitu abang akak lebih beratkan tanggungjawabnya kepada isteri dan keluarga isteri ...<sup>51</sup>

---

<sup>49</sup> Wanita Bekerja 5, dalam temu bual dengan penulis, 14 Mei 2017

<sup>50</sup> Wanita Bekerja 14, dalam temu bual dengan penulis, 15 Mei 2017.

<sup>51</sup> Wanita Bekerja 19, dalam temu bual dengan penulis, 26 Mei 2017.

WB 16: ... menurut akak, menjadi kewajipan seorang anak tidak kira lelaki mahupun perempuan perlu memberi wang setiap bulan kepada ibu bapa tidak kiralah berapa pun jumlahnya sebagai tanda terima kasih dan membalas jasa ibu bapa ... .. saudara lelaki akak memang sibuk dan tidak dapat menjaga ibu kerana dia selalu berkerja di luar negara ...<sup>52</sup>

10 orang responden telah menyatakan sebab yang hampir sama iaitu saudara lelaki kurang bertanggungjawab atau saudara lelaki tidak bertanggungjawab langsung atau saudara lelaki lebih mementingkan perasaan isteri masing-masing menyebabkan ibu bapa lebih selesa bergantung harap kepada anak perempuan.

### 3) Faktor Sosiologi

Hasil temu bual dengan responden mendapati alasan tidak mempunyai saudara lelaki adalah salah satu sebab mengapa wanita iaitu anak perempuan menyara kedua ibu bapa. 5 orang daripada 20 responden di dapati tidak mempunyai saudara kandung lelaki untuk membiayai nafkah ibu bapa mereka. Maka, tugas ini menjadi tanggungjawab utama terletak di bahu mereka untuk menjaga, memberi wang, dan sebagainya.

WB 3 menyatakan bahawa dia perlu menjaga, memberi kewangan kepada ibunya tidak kira apa sekalipun masalah yang dihadapi ibunya tetap menjadi salah satu keutamaan beliau kerana ibunya merupakan ibu tunggal yang tidak berkerja, dan beliau juga merupakan anak tunggal.<sup>53</sup>

Manakala hasil temu bual dengan WB 20 mendapati beliau juga merupakan anak tunggal dan ibu bapa beliau tidak berkerja kerana sudah uzur. Lalu beliau yang akan menyara ibu bapanya sejak habis belajar, ketika bujang sehinggalah beliau telah berkahwin. Pada pandangan beliau, sekiranya beliau mengabaikan tanggungjawab membiayai nafkah ibu bapanya, siapa lagi yang patut diharapkan dan tidak wajar

---

<sup>52</sup> Wanita Bekerja 16, dalam temu bual dengan penulis, 26 Mei 2017.

<sup>53</sup> Wanita Bekerja 3, dalam temu bual dengan penulis, 30 April 2017.

sebagai anak meletakkan ibu bapa di rumah-rumah kebajikan atau rumah orang-orang tua. Bagi beliau, tidak kiralah anak lelaki mahupun anak perempuan, wajib membalas jasa dan budi yang telah ibu bapa korbankan sejak kecil.<sup>54</sup>

Selain itu, WB 1 menyatakan sebab kesihatan anak lelaki yang tidak mengizinkan sejak dari kecil juga merupakan salah satu sebab mengapa anak perempuan mengambil alih tugas yang sepatutnya digalas oleh anak lelaki. Kenyataan yang diberikan oleh beliau adalah:

... adik akak tak sihat sejak kecil, sebab mempunyai penyakit “*down sindrom*”, manakala saudara lelaki yang lain tidak mampu dari segi kewangan. Jadi, akaklah yang menyara ibu bapa...

Hasil temu bual dengan WB 4 menyatakan ibunya lebih selesa tinggal dengan anak-anak perempuan berbanding tinggal bersama dengan anak-anak lelaki dan tidak suka menyusahkan anak-anak lelaki kerana mereka mempunyai tanggungjawab terhadap anak-anak dan isteri masing-masing.

WB 16 pula menyatakan selain saudara lelaki tidak dapat menjaga ibunya atas alasan saudara lelaki sering ke luar negara atas urusan kerja, beliau pula mempunyai banyak masa untuk menjaga dan tiada kekangan kewangan untuk membiayai ibunya disebabkan beliau masih bujang.

WB 17 pula menyatakan beliau tidak mahu di anggap anak derhaka oleh orang sekeliling. Bagi beliau perlu dan wajar bagi dirinya membantu ibu bapa bagi menjaga imej dan maruah keluarga. Hal ini kerana, menurut beliau masyarakat sekeliling terutamanya sanak saudara dan jiran tertangga sering memerhati dan akan mencemuh sekiranya anak-anak mengabaikan tanggungjawab terhadap ibu bapa. Menurut beliau lagi, masyarakat Malaysia terutamanya orang Melayu sangat menitik beratkan soal adab dan tatasusila terutamanya soal keibubapaan merupakan soal yang paling sensitif.

---

<sup>54</sup> Wanita Bekerja 20, dalam temu bual dengan penulis, 10 April 2017.

#### **4.6 KESIMPULAN**

Hasil kajian mendapati wanita khususnya anak perempuan lebih banyak menggalas tanggungjawab membiayai nafkah ibu bapa berbanding anak lelaki kerana anak perempuan mempunyai lebih daripada pendapatan bulanan manakala anak lelaki mempunyai masalah kewangan kerana anak lelaki adalah ketua keluarga masing-masing yang perlu menyara isteri dan anak-anak. Selain itu, faktor anak-anak lelaki yang tidak serta kurang bertanggungjawab menyebabkan ibu bapa lebih selesa bergantung harap kepada anak perempuan. Terdapat juga faktor responden-responden merupakan anak tunggal menyebabkan anak perempuan terpaksa menggalas tanggungjawab menjaga dan membiayai nafkah ibu bapa.

Di dalam Islam, lelaki adalah ketua keluarga. Oleh sebab itulah anak lelaki diberikan tanggungjawab yang lebih iaitu menyara orang tuanya walaupun selepas berkahwin, berbanding wanita yang kurang tanggungjawabnya untuk berbuat demikian selepas berumah tangga. Sebab itulah dalam Islam anak lelaki beroleh  $\frac{1}{2}$  nisbah faraid berbanding anak perempuan. Hal ini menunjukkan betapa Islam menghargai tanggungjawab yang dipikul oleh anak lelaki sebagai ketua keluarga. Namun pendapat yang mengatakan anak perempuan langsung tidak mempunyai tanggungjawab terhadap

ibu bapa selepas berkahwin adalah salah sama sekali. Jika ibu bapa itu mempunyai lima orang anak dan kesemuanya perempuan, adakah selepas anak-anak perempuan tersebut berkahwin, ibu bapa mesti diabaikan dan penat lelah ibu bapa membesarkan anak-anaknya langsung tidak akan dihargai selepas berumah tangga, disebabkan teori yang mengatakan ibu bapa hanya menjadi tanggungjawab bagi anak lelaki. Ini adalah sesuatu yang tidak adil memandangkan mereka iaitu ibu bapa tidak merancang untuk mempunyai anak perempuan kesemuanya.

Berdasarkan dalil qias dan ijtihad, kewajiban memberi nafkah kepada ibu bapa diqiaskan kepada hukum usul wajib memberi nafkah kepada furu". Dengan alasan jika usul wajib memberi nafkah kepada furu" ketika tidak berkemampuan, begitulah sebaliknya iaitu anak wajib memberi nafkah kepada ibu bapa jika mereka tidak berkemampuan. Hal ini kerana illahnya sama iaitu hampirnya hubungan kaum keluarga.



## BAB 5

### RUMUSAN DAN CADANGAN

#### 5.1 RUMUSAN

Setiap manusia tidak terlepas dari menjalankan tanggungjawab terhadap sesuatu. Seorang wanita juga tidak terlepas daripada tanggungjawab. Wanita menggalas tanggungjawab terhadap keluarganya sebagai seorang anak kepada ibu bapa, isteri kepada seorang suami, dan ibu kepada anak-anak yang dilahirkan atau dibesarkan. Wanita memainkan peranan utama dalam mengharmonikan sesebuah keluarga. Peranan sebagai seorang anak perempuan dan isteri zaman kini bertambah apabila sama-sama menggalas tanggungjawab menyara kewangan ibu bapa dan keluarga bagi meningkatkan taraf hidup dan kesejahteraan bersama. Sebagai seorang ibu pula cabaran dalam mendidik dan membesarkan anak-anak sambil berkerja adalah sangat mencabar kerana anak-anak zaman kini dikelilingi dengan pancaroba dan masalah sosial yang pelbagai.

Dilema wanita masa kini semakin meningkat terutamanya berkaitan kewangan. Hal ini disebabkan peranan serta tanggungjawab yang digalas oleh kebanyakan wanita semakin terbeban kerana wanita sering kali menjadi "*bread winner*" kepada keluarganya, tidak kira sama ada keluarga kecil mahupun keluarga besar. Anak perempuan terpaksa turut sama mencari nafkah atau menjadi pencari nafkah utama keluarga disebabkan beberapa faktor seperti anak perempuan lebih dari segi kewangan berbanding anak lelaki, anak lelaki kurang bertanggungjawab, merupakan anak tunggal, Manakala ibu bapa terutamanya warga emas lebih selesa mengharapkan bantuan serta sokongan daripada anak perempuan berbanding anak lelaki. Perkara seperti ini sering terjadi dalam masyarakat sejak dahulu lagi, bezanya adalah tugas dan kebergantungan terhadap anak perempuan pada zaman tradisional dan moden adalah zaman moden

wanita membantu keluarga diluar lingkungan rumah iaitu berkerja. Pada zaman tradisional wanita membantu keluarga mengasuh adik-adik dan membuat kerja-kerja rumah sahaja. Tugas wanita yang semakin meluas sedikit sebanyak memberi kesan terhadap keluarga, masyarakat, serta ekonomi negara.

Sememangnya seorang anak itu perlu memberi nafkah kepada kedua ibu bapanya kerana ibu bapalah penyebab anak-anak lahir ke dunia dan mendapat segala kesenangan. Ibu bapa juga yang mendidik, mengasuh, memberi pakaian, wang, tempat tinggal, belaian kasih sayang. Wajib ke atas kita berbakti kepada mereka dan haram menderhakai mereka. Setelah anak-anak ini dewasa dan mempunyai pendapat sendiri, harta serta pencarian yang tetap. Maka tibalah masa serta giliran anak-anak membantu ibu bapa mereka yang sudah tua dan tidak bertenaga dengan cara menyara hidup ibu bapa. Walaupun ibu bapa masih berkerja, mempunyai harta, anak-anak tetap perlu membalas jasa mereka dan berkewajipan berbuat baik kepada ibu bapa. Fenomena ini akan berulang dan berputar dari satu generasi ke satu generasi yang berikutnya.

Seorang Muslim yang menjalankan tanggungjawab dan hak-hak ke atas kedua orang tuanya kerana mentaati Allah SWT wajib memuliakan mereka dengan adab-adab berikut:

Pertama: mematuhi setiap perintah dan menjauhi larangan ibu-bapa selagi mana tidak melanggar syariat.

Kedua: memuliakan kedua ibu bapa dengan bersikap santun terhadap mereka, menghormati, tidak mengherdik, tidak lebih mengutamakan isteri dan anak daripada mereka, tidak memanggil mereka dengan gelaran nama mereka, dan tidak keluar tanpa meminta izin mereka.

Ketiga: berbuat baik terhadap ibu bapa selagi mana mampu seperti memberi makanan, pakaian, dan mengubati sekiranya mereka sakit.

Keempat: menyambung hubungan silaturrahim dengan kenalan mereka dan sentiasa mendoakan mereka.

Tanggungjawab memberi nafkah kepada ibu bapa ditanggung oleh anak lelaki, akan tetapi anak perempuan turut bertanggungjawab menjaga dan menyara ibu bapa. Hal ini kerana, perkataan anak seperti yang didefinisikan di dalam bab satu penulisan ini, bukan dikhaskan kepada lelaki sahaja, bahkan wanita juga merupakan tergolong sebagai anak. Jika seseorang anak itu berharta, maka orang yang paling utama menerima harta itu dan perlu di dahulukan adalah kedua ibu bapa. Salah satu cara berbakti kepada mereka adalah memberi nafkah. Wajib ke atas seorang anak yang berada dalam keadaan yang senang atau kaya menafkahi ibu bapanya, setelah ibu bapa, yang berhak adalah sanak saudara menurut turutan yang terdekat dan mengikut keperluan, kerana memberi nafkah kepada mereka adalah sebuah sedekah dan silaturrahim.

Kewajipan berbuat baik kepada ibu bapa tidak terhad kepada ibu bapa yang beragama Islam sahaja, bahkan sekiranya ibu bapa tidak beragama Islam, anak-anak termasuklah anak perempuan wajib berbuat baik, mentaati, dan menafkahi mereka. Selagi mana mereka tidak menyuruh syirik dan berbuat keburukan maka wajib seorang anak mentaati ibu bapa.

Wanita yang bahagia adalah wanita yang memanfaatkan masa dan kehidupannya untuk berbakti kepada kedua ibu bapanya agar tidak menyesal selamanya sekiranya mereka meninggal dunia. Tanggungjawab anak terhadap ibu bapa terbahagi kepada dua iaitu semasa mereka masih hidup dan selepas mereka meninggal dunia. Antara tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh anak perempuan semasa hayat ibu bapa adalah membiayai nafkah kedua ibu bapa. Antara tanggungjawab anak perempuan selepas ibu bapa meninggal dunia pula adalah sentiasa mendoakan keampunan SWT buat mereka.

Berdasarkan hasil kajian di dalam bab empat, dapatan kajian menunjukkan terdapat beberapa faktor mengapa wanita iaitu anak perempuan menyara nafkah ibu bapa. Faktor yang pertama adalah faktor ekonomi iaitu anak perempuan lebih mampu dari segi ekonomi berbanding anak lelaki. Kebanyakan anak lelaki mempunyai masalah kewangan kerana mempunyai tanggungjawab lain seperti menyara isteri dan anak-anak. Faktor yang kedua adalah faktor moral iaitu mempunyai sikap rasa bertanggungjawab terhadap ibu bapa menyebabkan kesemua responden menjalankan tanggungjawab terhadap ibu bapa masing-masing akan tetapi dalam bentuk yang berbeza. Faktor yang ketiga adalah faktor sosiologi seperti tidak mempunyai saudara kandung lelaki ataupun merupakan anak tunggal di dalam keluarga menyebabkan anak perempuan sahaja menggalas tanggungjawab membiayai nafkah ibu bapa.

## **5.2 CADANGAN DAN SARANAN**

Penglibatan anak perempuan dalam menjadi penyumbang utama nafkah ibu bapa tanpa disedari telah membuka ruang kepada anak lelaki untuk mengabaikan tanggungjawab memberi nafkah kepada ibu bapa. Hal ini disebabkan anak perempuan zaman kini mempunyai pendapatan sendiri hasil berkerja. Oleh itu penulis menyarankan kepada pihak-pihak tertentu supaya gejala mengabaikan tanggungjawab terhadap ibu bapa dapat dibendung dan semua anak-anak tidak kira lelaki mahupun wanita menjalankan peranan masing-masing demi menjamin keutuhan institusi kekeluargaan.

### **5.2.1 Cadangan kepada Majlis Fatwa Negara**

Penulis mencadangkan supaya majlis fatwa mengeluarkan fatwa-fatwa serta penjelasan yang jelas tentang tanggungjawab anak-anak terhadap ibu bapa. Selain itu dicadangkan supaya sentiasa mengadakan “road show” di tempat-tempat tumpuan ramai seperti pusat membeli-belah bagi memastikan masyarakat menerima fatwa secara jelas dan memahaminya.

### **5.2.2 Cadangan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat**

Penulis mencadangkan supaya Jabatan Kebajikan Masyarakat sentiasa membuat pemantauan terhadap pengabaian dan penganiyaan ke atas ibu bapa oleh anak-anak. Sesi kaunseling boleh dijalankan terutamanya terhadap anak-anak yang meletakkan ibu bapa di pusat-pusat jagaan orang-orang tua bagi memberi kesedaran moral terhadap anak-anak.

### **5.2.3 Cadangan kepada masyarakat**

Penulis mencadangkan kepada masyarakat terutamanya ibu bapa supaya sentiasa menekankan pendidikan agama terhadap anak-anak khususnya berkaitan kekeluargaan kerana bermula dari keluargalah perlu dibentuk untuk menjadikan masyarakat dan negara yang maju serta bermoral.

### **5.2.4 Cadangan kepada media masa dan media cetak.**

Media masa dan media cetak memberi pengaruh yang sangat besar kepada masyarakat masa kini. Oleh itu penulis mencadangkan supaya media masa dan media cetak lebih banyak mengeluarkan artikel-artikel, penulisan-penulisan, rancangan-rancangan yang bermoral khususnya berkaitan institusi kekeluargaan berbanding hiburan-hiburan yang melalaikan.

### 5.3 KESIMPULAN

Pada zaman jahiliyyah, anak-anak perempuan dianggap hina dan membawa bala kepada keluarga oleh masyarakat Arab, sehingga mereka sanggup menanam anak-anak perempuan meraka hidup-hidup. Kedatangan Islam telah mengangkat martabat anak-anak perempuan sama seperti anak lelaki. Pada dasarnya wanita dibenarkan oleh para ulama<sup>”</sup> untuk keluar berkerja kerana kedudukan wanita adalah sama seperti lelaki dalam menyampaikan kebaikan dan mencegah yang kemungkar, dan masyarakat pada hari ini amat memerlukan tenaga kerja serta sumbangan wanita, akan tetapi wanita berkerjaya mestilah mengikut adab-adab dan batasan yang telah disyaratkan oleh syara<sup>”</sup>. Walaupun berkerjaya dan menyumbang kepada masyarakat dan negara, tugas utama wanita terhadap ibu bapa tidak boleh diabaikan. Wanita sebagai seorang anak mestilah melunaskan hak-hak ibu bapa sama seperti anak-anak lelaki. Sebagai anak perempuan selain memberi perhatian, dan kasih sayang, kewajiban menjaga dan menyara ibu bapa tidak terlepas sekiranya berkemampuan. Faktor berkemampuan dari segi kewangan kerana berkerjaya menyebabkan anak perempuan masa kini lebih banyak menanggung nafkah ibu bapa yang sepatutnya sama-sama digalas oleh anak lelaki. Kajian ini telah berjaya mencapai keempat-empat objektif dan secara tidak langsung kajian ini berjaya menjelaskan dan menghuraikan persoalan-persoalan dan pandangan ulama<sup>”</sup> tentang wanita berkerjaya menyara ibu bapa dari perspektif Islam.

## BIBLIOGRAFI

Al-Qurān al-Karīm

„Abdul Karīm Zaidan. *al-Mufasssal Fī Āḥkām al-Mar'āh Wa al-Bait al-Muslim*. Beirut: Mu“assasat al-Risalah, 1993.

„Atiyyah Şokhor. *āl-Ūsrah Taḥta Ri,āyah āl-Islām*. Kuwait: Muāssasah āl-Şobāh, 1980.

“Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh, Malaysia, 2016,” Jabatan Perangkaan Malaysia, 28 April 2017

“Penulis tidak diketahui”. “*Peranan Wanita Dalam Pembangunan. Sejauhmana Mereka Diperlukan Dalam Pembangunan Sesebuah Negara Hari Ini*”. kertas kerja, Seminar Pembangunan & Isu-Isu Global, MTP 3012.

Ābī Jaafar Muḥammad bin Jurairī āl-Ṭabarī. *Tafsīr āl-Ṭabarī āl-Musammā Jāmi“ āl-Bayān fī Tākwil āl-Qurān*. Beirut: Dār āl-Kutub āl-,Ilmiah, 1999.

Ābū „Abd Allah Muḥammad bin Ismail al-Bukhārī. “Şaḥīḥ al-Bukhārī,” dalam *Mausu“at al-Hadis al-Syarīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Salih bin Abd al-Aziz Al al-Shayh. Riyadh: Dār al-Salam, 2000.

Ābu al-,Ulā Mūḥāmmāḍ ‘Abd al-Rahman Ibn „Abd al-Rahim al-Mubarakfuri. *Tuhfat al-Ahwazi bi Syarh Jami“ al-Tirmizi*. Beirut: Dār al-Kutub al-,Ilmiyyah, 2001.

Abū al-Ḥusāyn Muslim bin al-Ḥajjāj bin Muslim. “Şaḥīḥ Muslim,” dalam *Mausū,atal-Ḥadīth al-Syarīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Şālih bin „Abd al-,Azīz Āl al-Shayh (Riyadh: Dār al-Salām, 2000).

Ābu Muḥammad al-Hasan bin „Alī bin al-Husīn bin Shu“ba al-Harran. *Tuhaf al-, Uqūl „an Aī Rasūl*. t.tp: Anşarian, 2000.

Ābū Ṭaiyyīb Muḥammad Syām al-Haq. „*Āin al-Ma‘būt Syarh Sunan Ābī Dāūd*. al-Riyād: Maktabah al-Ma,ārif, 2009.

Āḥmad Ibn Hajar al-Asqalanī. *Fath al-Bārī bi Syarh Şaḥīḥ al-Bukhārī*. Kaherah: Dār al-Rayyan li al-Turas, 1987.

Ahmad Khalil Jam“ah. *70 Tokoh Wanita dalam Kehidupan Rasulullah*. Darul Falah, 2014.

Ahmad Sunawari Long. *Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Selangor:Universiti Kebangsaan Malaysia, 2014.

Āl-Bahiyyah āl-Khaūli. *Al-Islām wa Kḥaḍāyā āl-Mar'āh āl-Mu“āsirah*. Beirut: Dār āl-Qurān āl-Karīm, 1980.



- Al-Ḥafīz Aḥmad bin „Alī bin Hajar al-„Asqalanī. *Fathu al-Bārī bi Syarah Ṣaḥīḥ al-Bukharī*. Riyāḍh : Dār al-Ṭaiyyibah, 2011.
- Al-Mawardi, Abī al-Ḥasan „Alī bin Muḥammad bin Habīb al-Mawardi al-Basri. *al-Nukah wa al-„Uyūn Tafsīr al-Mawardi*. Beirut: Dār al-Kutub al-„Ilmiah.
- \_\_\_\_\_. *āl-Āhkām āl-Sultāniyyah Wa āl-Wilāyat āl-Diniyyah*. Baghdād : Dār āl-Kutub āl-„Ilmiyyah, t.t
- \_\_\_\_\_. *al-Ḥāwi al-Kabīr Fi Fiqh Mazhab al-Īmām al-Syāfie r.a*, Beirut: Dār al-Khotab al-„Ilmiyyah, 2009.
- Al-Nawāwī, Muḥyī al-Dīn Ābī Zakariā Yahyā bin Syaraf. *al-Minhāj Syarḥ Saḥīḥ Muslim bin al-Ḥajjāj*. Beirut: Dār al-Ma“rifah, 2005.
- Al-Qardawi, Yusuf Abdullah. *Fatāwā Muasirah : Fatwa Kontemporari Siri 2*, dalam “Ibadah, Wanita, dan Keluarga”, terj. Shafiyah Abdul Khodir dan Siti Zahara Sharaie. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd, 2015.
- \_\_\_\_\_. *Fatāwā li al-Mar“ah al-Muslim*. Irbid Jordān: Dār al-Furqān, 1996.
- Al-Qurtūbī, Ābū „Abdullah Muḥammad bin Āḥmad āl-Ānṣarī. *āl-Jāmi“ li Āhkām āl-Qurān*. Kāherah : Dār āl-Ḥadīs, 2010.
- Al-Raḏī, Fakhrudīn Muḥammad bin „Umar. *āl-Tafsīr āl-Kabīr*. Beirut: Dār āl-Kutub „Ilmiah, t.t
- Al-Suyutī, Jalāl al-Dīn. „*Āa sybah Wa al-Nazā‘ir*. Beirut: Dār al-Kutub al-„Ilmiyyah, 1990.
- Al-Ṭobarī, Ābū Ja“far Muḥammad bin Jurāir. *Tafsīr al-Ṭobarī*. Beirut: Dār al-Kutub al-„Ilmiyyah, 1999.
- Artikel *Peranan Wanita Melayu Dalam Proses Penjagaan Ibu Bapa Tua: Dilema Dan Cabaran Dalam Era Globalisasi*, *Kajian Malaysia*, Vol. 28, No. 2 (2010).
- Asiah „Ali. *Muslimah: Pendidikan Kekeluargaan Dan Perjuangan*. Kuala Lumpur: Penerbitan Muttaqin Sdn. Bhd, 1999.
- Astro Awani, <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/sarawak-yakin-capai-sasaran-50-peratus-amalan-penyusuan-susu-ibu-117584>
- Azhar Abdul Aziz. “Amalan Perkongsian Pendapatan Antara Suami Isteri Dalam Keluarga Islam Di Malaysia : Analisis Terhadap Sumbangan Isteri Bekerja Dalam Perbelanjaan Rumah Tangga”. Tesis Kedoktoran, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2012.

- Azlina bt Abd Latif. "Harta Sepencarian : Pelaksanaan Dan Penilaian Menurut Hukum Syarak". Disertasi Ijazah Sarjana Pengajian Islam, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004.
- B. M. Dickens. "The Modern Function and Limits of Parental Right" (1987)
- Badruddin Hj. Ibrahim dan Azizah Mohd. "*Hak Ibu Bapa Terhadap Nafkah Dalam Perundangan Islam,*" Makalah Kuliah Undang-Undang Ahmad Ibrahim. Jun 2012.
- Badruddin Ibrahim dan Azizah Mohd. "*Hak Ibu Bapa Terhadap Nafkah Dalam Perundangan Islam: Enakmen no.2,*" Makalah Kanun 1. Jun 2012.
- Bainham, A. dan Cretney, S., "Children- The Modern Law" (1993)
- Basri bin Ibrahim al-Hasani al-Azhari. *āl-Fiqh āl-Muqaran li āl-Qadāyā āl-Mukhtārah fī āl-Fiqh : Fiqh Perbandingan Pada Isu-Isu Fiqh Terpilih,* dirumikan oleh Noraine Abu. Jakarta: al-Hidayah, 2007.
- Bateriah Bt Alias. "Emansipasi Wanita: Satu Kajian Terhadap Pandangan Wanita Islam Di UITM Kampus Seksyen 17, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan". disertasi Sarjana Usuluddin, Universiti Malaya Kuala Lumpur, 2002.
- Bechek@Andek Masnah Bt Andek Kelawa. "Kepimpinan Wanita Dalam Islam: Satu Analisa Dari Segi Kedudukannya Dalam Syariah Dan Kepimpinan Wanita Di Malaysia". Tesis Kedoktoran, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, 1995.
- Burhānuddīn „Alī bin Abī Bakar. *Fath al-Qadīr.* Beīrūt: Dār al-Kutub al-„Ilmiyah, 1995.
- Bushrah Binti Basiron. "Status Wanita Muslim Dan Yahudi: Kajian Perbandingan Dari Aspek Keagamaan Dan Pendidikan". Tesis Kedoktoran, Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2011.
- Che Wan Rosli Khalid. "Kepimpinan Wanita Didalam Sektor Awam: Tumpuan Kepada Jawatan-Jawatan Yang Boleh Dan Tidak Boleh Disandang". Disertasi Ijazah Sarjana Fakulti Syariah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 1992.
- Dalam Islam,* <http://dalamislam.com/hukum-islam/hukum-wanita-bekerja-dalam-islam>.
- Delly Peunah. "Hukum Nikah, Talak, Rujuk, Hadanah, Dan Nafkah Kerabat Dalam Naskhah Mir'at At-Tullab Oleh Syeikh Abu Daud Singkel". Institut Agama Islam Negri Jakarta, 1982.
- Fatimah Abdullah. "*Wanita dan Pekerjaan : Satu Analisis Konflik dan Peranan,*" Jurnal Akademik, no.27 (Julai 1985)

Fatimah Umar Nasif. "Huqūq al-Mar'āh wa Wājibatuha fī Daw al-Qurān wa al-Sunnah". Tesis kedoktoran, Universiti Ūmm al-Qurā, Fakulti Syariah dan Pengajian Islam, Mekah, 1983.

FMT News (Free Malaysia Today), <http://www.freemalaysiatoday.com/2011/12/06/karpal-make-it-crime-for-children-to-abandon-parents/;retrieved2ndMarch2012>.

Hajarul Bahti Bt Zakaria. "Isu-Isu Kewanitaan Dalam Surah Al-Nisa": Kajian Terhadap Kitab Al-Jami" Li Ahkam Al-Quran oleh Qurtubi". Disertasi Sarjana Usuluddin, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2006.

Hapsah Mohd Dusa, Omar Mihat, Mariam Abd. Manaf. "Kajian Pengetahuan, Sikap, Dan Amalan Berkenaan Penyusuan Susu Ibu Secara Eksklusif Di Kalangan Ibu-Ibu Hamil Yang Mendapatkan Pemeriksaan Ante-Natal Di Klinik Kesihatan Seremban," Jurnal Kesihatan Masyarakat 8 (2002)

Hasiah Che Ali. "Nafkah Isteri Bekerja Dalam Fekah-Satu Tinjauan Di Daerah Kota Bharu, Kelantan Darul Naim". Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda Syariah, Fakulti Syariah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 1994.

Hasni Mohd Ali. "Kefahaman Kakitangan Muslim Terhadap Kebebasan Wanita Dari Aspek Kerjaya: Kajian Di Jabatan Audit Negara Putrajaya, Wilayah Persekutuan". Disertasi Ijazah Sarjana Usuluddin, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2003.

Hibah Rauf ,Jzzat. "Al-Mar'āh Wa Al-,Amal Al-Siāsī : Rukyah Islāmiah,". Tesis Kedoktoran, The Internatioanal Institute Of Islamic Thought, Unitad State Amerika, 1997.

Hilary Rosel. "*Women's Work-Womenn's Knowledge*," dalam Mitchell dan Oakley. Oxford: Smith Road Oxford, 2014.

[http://ww1.utusan.com.my/utusan/Keluarga/20140115/ke\\_02/Tanggung-jawab-anak-terhadap-ibu-bapa#ixzz3pn1PpFpv](http://ww1.utusan.com.my/utusan/Keluarga/20140115/ke_02/Tanggung-jawab-anak-terhadap-ibu-bapa#ixzz3pn1PpFpv)

<http://www.ipislam.edu.my/index.php/artikel/read/322/17:-DASAR-WANITA>

Ibnu Kaṭṭhīr, Ābū Fida' Ismā'il bin Ūmar bin Kaṭṭhīr. Tafsīr al-Qurān al-,Aẓīm. Saūdi : Dār al-Ṭoḥyībah lil Nasyir wa al-Tāuzī", 2009.

Ibnu Munzur, Ābū al-Faḍḥil Jamal al-Dīn Muḥammad bin Mukrim. *Lisan Al-,Arab*. Beirut, Lubnan : Dār Al-Ṣodir, 1990.

Jasmi, K. A., Muhammad, A & Mohamed, A. K., Asas Kebahagiaaan Rumahtangga Mengikut Paradigma al-Nawawi in Seminar Pembangunan Keluarga Kebangsaan 2004 at Main Hall, Faculty of Education, Universiti Malaya

- John B. Saunders. *Mozley & Whiteley's Law Dictionary*, ed. ke-9. Singapore : Butterworth Asia, 1997.
- Kamus Dewan*, ed.ke-3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002.
- Konsultasi Syariah, <https://konsultasisyariah.com/520-bolehkah-wanita-bekerja.html>.
- Malaysian Access*, <https://malaysianaccess.com/31-7-juta-jumlah-penduduk-malaysia-tahun-2016/>
- Mid Term Review of The Ten Malaysia Plan 2011-2015*. Kuala Lumpur: Planning Economic Unit, Jabatan Perdana Menteri, 2015.
- Muhammad Mahyuddin Abdul Hamid. *al-Ihwal al-Syahsiah fī al-Syariah al-Islāmiah*, ed.ke-3. Mesir, 1996.
- Muhammad Nūr bin „Abd āl-Ḥafīz Suwaid. *Manhāj Tarbiyah Nabawiyah Līl Ṭifli*. Damsyīk: Dār Ibnu Kathir, 1998.
- Muhyi al-Dīn Ābī Zakariya Yaḥyā Ibn Sharaf al-Nawawi al-Dimashqi. *Ṣaḥīḥ Muslim bi Syarḥ al-Nawāwī*. Kaherah: Maktabah al-Imān, 1929.
- Mustafā al-Siba'ī. *Al-Mar'āh Bāyn al-Fiqh wa al-Qanūn*. Beirut: al-Maktab al-Islāmī, 1984.
- Nazirah binti Mohamad Tanusi. “Jenayah Keganasan Rumah Tangga : Suatu Kajian Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur”. Disertasi Ijazah Sarjana Pengajian Islam, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004.
- Noor Zuhaila Jusoh. “Masalah Rumahtangga Di Kalangan Wanita Bekerja : Kajian Kes Di Jajahan Machang, Kelantan”. Disertasi Sarjana Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2009.
- Positive Parenting, <https://mypositiveparenting.org/ms/2016/03/28/menjayakan-penyusunan-susu-ibu-secara-ekklusif-selama-6-bulan/>
- Puan Zaidah Mustapha. “Sistem Kekeluargaan Masyarakat Melayu”. Tesis Sarjana Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Riḍhā Bāk Najjād. *al-Wājibāt al-Zaujiyyah Li al-Mar'āh Fī al-Islām*. Beirut: Dār al-Hadī, 2001.
- Rohimah binti Yong. “Wanita Sebagai Pentadbir Rumahtangga Kajian : Di Daerah Kuala Terengganu”. Disertasi Ijazah Sarjana Fakulti Syariah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 1992.

- Shalini A/P Sanmargaraja. "Penyediaan Fasilitas Di Rumah Warga Tua: Kajian Kes Di Bandaraya Ipoh Dan Johor Bahru". Tesis Ijazah Sarjana Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Universiti Tun Hussein Onn, 2012.
- Subiyanto. "Pengaruh Bekerja Dan Jenis Pekerjaan Terhadap Pola Penyusunan Ibu-Ibu Di Kotamadya Surakarta". Yogyakarta : Universitas Gadjah Mada, 1989.
- Sulaiman bin al-Asy'ats bin Ishak bin Basyir bin Syihab bin Amar bin `Amran al-Azdi as-Sijistani. "Sunan Ābī Daūd," dalam *Mausu'at al-Hadis al-Syarīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Salih bin Abd al-Aziz Al al-Shayh. Riyadh: Dār al-Salam, 2000.
- Susan Crompton and Lieslie Geran, "*Women As Main Wage Earners*," *Jurnal Perspectives* 3, no. 1 (2010)
- Suzara binti Makpol. "Nafkah Isteri Bekerja : Satu Analisis Hukum". Disertasi Sarjana Syariah, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2003.
- Syeikh Adnan al-Tharsyah. *Kaifa Takwinain Najihah Wa Mahbūbah*, ed.ke-2. Maktabah al-Ubaikan, 2003.
- Tuan Ruzana Tuan Kechik. "Tanggungjawab Anak Terhadap Ibu bapa Dalam Mengukuhkan Institusi Kekeluargaan : Kajian Di Kuala Terengganu". Disertasi Ijazah Sarjana Fakulti Syariah, Akademi pengajian Islam, Universiti Malaya, 1995/96.
- Umar Muhammad Noor. "Wanita Tidak Boleh Memimpin?", *Majalah Al-Ustaz*. Mac 2013.
- Wahbah al-Zuhaili. *al-Fiqh al-Islāmī wa Ādillatuhu*. Damsyik : Dār al-Fikr, 2004.
- Wahbah al-Zuhaili. *al-Fiqh al-Islāmī wa Ādillatuhu : Fiqh dan Perundangan Islam*, terj. Syed Ahmad Syed Hussain. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2001.
- William J. Goode. *The Family*, 2nd Edition. New Jersey: Prentice Hall Inc. Eaglewood Cliffs, 1982.
- Wizāratu āl-Awqāf Wa āl-Syuūn āl-Dīniāh. *Āl-Māusu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah*. Kuwait: Wizāratu āl-Awqāf Wa āl-Syuūn āl-Dīniāh, 1983.
- Yarrow, M.R., *Maternal Employment and Child Rearion*. Canada: t.p, 1991.
- Zaharuddin Abd Rahman. *Fiqh Siyasah Syar'iyah : Fokus Terhadap Beberapa Isu Kontemporari*. Kuala Lumpur, 26 Ogos 2005.

Zahrin bin Mohammad Mohtar. "Nafkah Terhadap Ibu-Bapa : Konsep Dan Perlaksanaannya Di Kuala Lumpur". Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda Fakulti Syariah, Akademi pengajian Islam, Universiti Malaya 1995.

Zaini Bin Nasohah. "Penguatkuasaan Dan Pelaksanaan Perintah Nafkah : Kajian Di Mahkamah Syariah Selangor (1999-2004)". Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Jabatan Syariah Dan Undang-Undang Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2007.

Zurita binti Kamsan. "Isteri Bekerja Menurut Perspektif Islam". Disertasi Ijazah Sarjana Pengajian Islam, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004.

University of Malaya